



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman	21)
<u>Jawatankuasa:</u>		
<u>Jadual</u>		
Maksud B.41	(Halaman	21)
Maksud B.42	(Halaman	93)
USUL:		
Anggaran Pembangunan 2007		
<u>Jawatankuasa:</u>		
Maksud P.41	(Halaman	21)
Maksud P.42	(Halaman	93)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	64)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejenuh) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) – GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA

27. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP

67. Yang Berhormat Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA

107. Yang Berhormat Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. " Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. " Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
121. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin bin ohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 28 November 2006**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung penggunaan cip khas atau biometrik. Adakah sistem ini diguna pakai di semua sekolah memandu. Sejauh mana ia berkesan menangani masalah lesen gerenti lulus.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Libaran yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan sistem biometrik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Libaran merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dalam aspek pengeluaran lesen memandu.

Penggunaan sistem biometrik ini adalah bertujuan untuk merekod dan mengesahkan kehadiran seseorang calon memandu yang menjalani latihan di institut memandu. Spesifikasi bagi sistem biometrik ini telah disediakan oleh JPJ dalam melaksanakan sistem *e-driving*.

Sementara institut memandu pula membangunkan sistem tersebut untuk digunakan di institut masing-masing. JPJ akan menyemak dan memantau sistem yang dibangunkan oleh setiap institut memandu memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Penggunaan sistem biometrik ini telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2005, dan melibatkan semua institut memandu di seluruh negara.

Adalah diharapkan melalui pemantauan calon yang menghadiri latihan di institut memandu ia bukan sahaja akan membantu JPJ dalam menentukan calon-calon benar-benar telah menghadiri latihan mengikut jangka masa yang diwajibkan ke atas mereka malah ia juga diharap akan dapat mengatasi masalah "lesen gerenti lulus" sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Libaran memandangkan hanya calon-calon yang telah menghadiri latihan ini mengikut jangka masa yang diwajibkan sahaja dibenarkan menjalani ujian memandu. Terima kasih.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Jika kita amati dan memperhalusi, biometrik sememangnya suatu kaedah yang cukup canggih dalam era moden sebagai satu alternatif bagi jalan penyelesaian kepada masyarakat manusia.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian bersetuju sekiranya penggunaan biometrik diguna pakai pula pada cukai jalan? Rasionalnya ialah membantu aliran trafik secara berpusat, boleh mengenal pasti kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas termasuk mengesan pemiliknya dengan lebih mudah, mengesan kenderaan yang dicuri dengan pantas, jimat kos dengan penampalan sekali cukai jalan di cermin kereta dan pemilik hanya perlu bayar caj di kaunter JPJ atau pejabat pos bagi memperbaharui cukai jalan kenderaan secara tahunan. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini, pihak JPJ belum sampai ke tahap itu, tetapi ini adalah sesuatu yang saya nampak boleh kita beri sesuatu

cadangan ini untuk dikaji oleh pihak JPJ. Memangnya sistem ini yang telah kita lakukan berkaitan dengan *e-driving* ini nampaknya begitu berkesan. Kemungkinan saya boleh kemukakan cadangan Yang Berhormat ini kepada pihak kementerian, terutamanya kepada JPJ. Terima kasih.

2. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) jumlah panjang atau keluasan pantai dan sungai di seluruh Malaysia yang telah terhakis dan atau sedang menghadapi ancaman hakisan; dan
- (b) langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian bagi menghadapi ancaman hakisan laut dan sungai di seluruh Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya hakisan sungai tidak merupakan masalah besar dan ia ditangani mengikut keperluan setempat. Sebaliknya hakisan pantai merupakan masalah yang semakin ketara dan ia dipantau dengan teliti dan tindakan dirancang setiap rancangan lima tahun.

Jumlah panjang pantai yang telah terhakis dan atau sedang menghadapi ancaman hakisan adalah sepanjang 1,414 kilometer dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- (i) kritikal - sepanjang 288 kilometer;
- (ii) *significant* - sepanjang 193 kilometer; dan
- (iii) yang boleh diterima – 933 kilometer.

Dalam menangani masalah hakisan pantai, kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan program membina struktur kawalan hakisan pantai sejak tahun 1980-an lagi untuk melindungi pantai di sepanjang persisiran pantai negara. Kaedah yang digunakan termasuk:

- (i) pembinaan lapis lindung batu;
- (ii) penambakan pantai; dan juga
- (iii) blok konkrit.

Setakat ini kira-kira 199 kilometer daripada 288 kilometer pantai yang mengalami hakisan kritikal telah dilindungi di bawah program ini. Di samping itu, kerajaan juga telah mengambil tindakan, langkah jangka panjang yang bertujuan untuk mengelakkan kejadian hakisan pantai akibat daripada aktiviti pembangunan di sepanjang pantai tersebut termasuklah:

- (i) penggubalan Polisi Pengurusan Zon Pantai Negara serta langkah-langkah penguatkuasaan dan kawalan bukan struktur;
- (ii) garis panduan bertajuk "Kawalan Hakisan Pantai Berikutan daripada Pembangunan di Kawasan Pantai" yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1997 untuk diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan kelulusan projek-projek pembangunan di kawasan pantai; dan
- (iii) penyediaan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu, di mana sehingga kini pelan pengurusan tersebut bagi negeri Pahang telah pun disiapkan dan digunakan pakai dan pelan-pelan sedemikian juga akan digubal untuk seluruh negeri di Malaysia.

Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan

tahniah kepada kementerian yang telah berusaha untuk mengatasi masalah hakisan pantai dan sungai ini. Tetapi bagi hakisan pantai atau sungai yang serius, selalunya apabila tanah terhakis, maka hak milik tanah tersebut juga terhakis. Soalan saya ialah apabila tanah yang terhakis tersebut dibaikpulih oleh pihak kerajaan adakah hak milik tersebut akan dikembalikan kepada tuan tanah yang asal?

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya memang terjadi masalah di mana apabila hakisan pantai atau sungai berlaku banyak lot tanah milik persendirian terhakis sama masuk ke dalam laut, sungai dan sebagainya. Ada juga kes-kes di mana tanah tersebut di jual beli atas geran sahaja dan apabila pergi tengok memang tanah tersebut dalam pantai, dalam sungai dan dalam laut.

Walau bagaimanapun mengikut perundangan yang kita sedia ada, taraf tanah yang terhakis tersebut, yang masuk ke dalam sungai dan laut tersebut, tidak akan diganti milik oleh kerajaan walaupun tanah tersebut timbul kembali. Maksudnya walaupun tanah tersebut selepas daripada hakisan ia menjadi tanah balik, ia tidak akan diberi milik kepada pemilik asal. Ini adalah perundangan yang sedia ada dan dalam pengetahuan saya kita memang tidak akan memberi balik tanah-tanah tersebut. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hakisan pantai ini memang sentiasa berlaku dan ada dua sebabnya. Pertama adalah disebabkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan yang kedua adalah keadaan semula jadi apabila ombak atau gelombang menukar hala tuju ia berlaku juga. Namun dalam usaha kerajaan memulihkan hakisan pantai ini dibina struktur yang tertentu. Adakah daripada penelitian kementerian bahawa apabila struktur telah pun dibina hakisan pantai ini berlaku di tempat yang berhampiran ataupun berdekatan lagi kerana struktur ini memang menukar arah gelombang atau ombak dan ia akan menyebabkan hakisan pantai berlaku. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Saya, kalau Yang Berhormat bagi Mambong ini bangun penat sikit sebab dia banyak teknikal. Tetapi setakat yang saya tahu sememangnya kebanyakan hakisan pantai yang berlaku adalah hasil daripada pembangunan dan juga hasil daripada keadaan semula jadi. Sebenarnya memang betul pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, apabila kita menangani sesuatu masalah hakisan pantai di sesuatu tempat akan ada tempat yang lain pula yang berlaku hakisan yang sama. Ini akan berlaku dari semasa ke semasa dan kerajaan hanya dapat memantau dan tidak dapat menyelesaikan masalah ini secara keseluruhan. Tetapi kita tengok kawasan-kawasan yang kritikal iaitu ada kepentingan ekonomi, kepentingan penduduk dan sebagainya. Insyallah, ia akan dilakukan secara berterusan. Terima kasih.

3. Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula Institut Teknologi Mara (ITM) bagi kursus diploma atau setara dengannya.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Ahli Berhormat sedia maklum sejarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956. Pada tahun 1965 nama Dewan Latihan RIDA ditukarkan kepada Kolej MARA dan pada tahun 1967 nama ditukar lagi kepada ITM. Ini adalah bagi membolehkan ITM melahirkan lebih ramai profesional di kalangan bumiputera supaya dapat menyeimbangkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam beberapa bidang profesional.

Pada tahun 1996 Akta ITM telah dipinda bagi membolehkan ITM menganugerahkan ijazah sehingga peringkat Ph.D. Sebelum ini ijazah tertinggi yang boleh dianugerahkan oleh ITM cuma di peringkat *advanced diploma* sahaja. Jadi, bermula tahun 1996 ITM dibenarkan menganugerahkan ijazah.

Pada bulan Ogos 1999, nama ITM ditukarkan kepada UiTM. Saya ingin menegaskan bahawa walaupun nama ditukar tetapi UiTM tetap berperanan untuk menyediakan pendidikan kepada masyarakat bumiputera termasuk di peringkat diploma. Oleh itu kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan semula ITM kerana sebenarnya walaupun ITM dijenamakan semula menjadi UiTM peranan utamanya masih lagi untuk melahirkan pelajar-pelajar diploma.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penjenamaan semula ini penting bagi meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan bagi kaum bumiputera. Perubahan nama ini

tidak menjejaskan program diploma yang dijalankan oleh ITM. Sebaliknya perubahan nama telah menaikkan moral kakitangan dan staf akademik UiTM. Ia juga telah menarik ramai lagi ahli akademik yang berkaliber berkhidmat dengan UiTM dan secara tidak langsung juga telah meningkatkan penglibatan staf dan pelajar dalam pendidikan dan inovasi.

Untuk makluman Yang Berhormat terdapat peningkatan yang mendadak di mana dari segi penyelidikan ia bertambah dari 358 bidang pendidikan sebelum ditukar nama. Pada tahun lepas UiTM terlibat dalam 4,188 bidang pendidikan. Peningkatan ketara setelah nama diubah.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, UiTM masih lagi menawarkan kursus-kursus diploma dan yang setara dengan kadar 60% diploma dan 49% ijazah pertama. Itu nisbah antara diploma dengan ijazah walaupun nama telah ditukar menjadi sebuah universiti. Kursus ini dalam tiga jurusan utama iaitu Sains dan Teknologi, Sains Pengurusan dan Perniagaan, dan Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar diploma di UiTM walaupun nama telah ditukar telah meningkat dengan ketara daripada 18,288 orang pada tahun 1990, hari ini pelajar diploma di UiTM telah meningkat kepada 50,800 orang. Jelas kepada kita bahawa program-program yang dulunya dikendalikan oleh ITM masih lagi dijalankan di UiTM malah terdapat peningkatan yang ketara kira-kira hampir tiga kali ganda dalam bilangan pelajar peringkat diploma berbanding 15 tahun yang lalu. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana menjawab sendiri soalan saya. Pengumuman kerajaan untuk menambah bilangan pelajar UiTM menjelang tahun 2010, dijangkakan seramai 200,000 akan diambil pengambilan pelajar menjelang tahun tersebut. Di kawasan UiTM Jengka masih lagi mempunyai keluasan tanah lebih daripada 1000 ekar dan saya mencadangkan supaya pembesaran dan pengambilan pelajar di UiTM Jengka tersebut ditingkatkan atas dasar langkah kerajaan untuk menambah bilangan pelajar bagi bumiputera di UiTM Jengka.

Soalan saya, berapakah kadar bilangan pengangguran pelajar UiTM berbanding dengan IPTA atau IPTS yang lain kerana nampaknya bekas-bekas mahasiswa-mahasiswi lepasan UiTM ini memang telah terbukti kadar penganggurannya adalah berkurangan berbanding dengan pelajar-pelajar lepasan universiti yang lain. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, UiTM secara umumnya mengeluarkan para graduan yang lebih *employable*, dengan izin kerana antara lainnya ada dua sebab. Pertamanya kerana penekanan kepada penguasaan bahasa Inggeris dan di pasaran memang penguasaan bahasa Inggeris para graduan UiTM adalah lebih baik daripada pelajar-pelajar daripada universiti lain.

Yang keduanya, kursus-kursusnya adalah lebih *hands on* dan *relevant* kepada pasaran, dan yang ketiga mereka juga diajar tentang semangat keusahawanan ataupun mereka lebih *entrepreneur* dari segi sikap atau pun semangat mereka.

Di atas tiga sebab tersebut, maka secara umumnya kadar *employability* ataupun bilangan siswazah UiTM yang bekerja adalah lebih tinggi daripada *national norm*, dengan izin dengan purata di peringkat kebangsaan.

Berkaitan dengan soalan kedua iaitu Jengka. UiTM ada kampus di setiap buah negeri dan memang kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah bilangan pelajar UiTM, bukan sahaja di kampus induk di Shah Alam tetapi juga di seluruh negara. Di Pahang, salah satu kampus ialah di Jengka. Pada masa ini bilangan pelajar ialah 4,800 orang.

Perancangan kerajaan ialah pada penghujung 2010, bilangan pelajar akan bertambah kepada 6,300 orang, iaitu hampir 2,000 orang. Ini bilangan pelajar yang akan ditambah di kawasan Yang Berhormat, di Jengka. Peruntukan sewajarnya akan disediakan untuk menambah bilangan pelajar tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyediakan kira-kira RM40 juta iaitu kira-kira RM39.8 juta untuk Kampus UiTM Jengka, Pahang dan membolehkan kapasiti pelajar ditambah kira-kira 2,000 orang daripada 4,800 orang pada hari ini.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada ITM kepada UiTM dan sekarang kita dengar laporan akhbar menyatakan bahawa akan difrancaiskan UiTM ini. Saya hendak tahu siapakah ataupun institusi manakah yang akan bernasib baik untuk mendapat ataupun menjadi anggota francais UiTM ini?

Dan apakah francais ini hanya untuk mengurangkan kadar pengangguran bekas-bekas pelajar UiTM ataupun hanya untuk mengeluarkan graduan-graduan tetapi selepas itu tidak mempunyai peluang ataupun kadar, emolumen lebih bertambah dengan wujudnya francais-francais daripada UiTM ini. Kita tidak mahu jadi macam *McDonald* ataupun *Kentucky Fried Chicken*. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membuat perancangan yang teliti sebelum bilangan universiti ditambah, kursus ditambah dan emolumen ditambah. Insya-Allah kita akan pastikan sebaik mungkin bahawa para graduan yang dilahirkan oleh UiTM akan terus mendapat tempat di pasaran.

Berkenaan dengan kolej francais ini, ia bukan bergantung kepada nasib. Ia bukan nasib baik ataupun nasib, kita tetapkan kriteria-kriteria tertentu. Sebelum ini, 20 kolej swasta diberi peluang untuk menjalankan program francais UiTM, dengan langkah terkini kerajaan untuk menambah bilangan pelajar dan kerajaan telah bersetuju untuk menambah bilangan kolej ini kepada 39 buah.

Sebelum ini 20 buah, seminggu lalu ditambah 19 buah dan hari ini ada 39 kolej francais dan kolej-kolej lama juga diberi peluang untuk menambah bilangan pelajar. Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah kualiti dan pihak UiTM akan memastikan bahawa kolej francais yang akan diberikan peluang untuk menjalankan program UiTM memenuhi beberapa syarat tertentu iaitu hendak diluluskan oleh Senate UiTM, hendaklah memenuhi piawaian tertentu dan yang pentingnya ialah mutu para graduan yang dihasilkan oleh kolej francais itu adalah setara dengan mutu graduan yang dikeluarkan oleh kesemua Kampus UiTM, sama ada kampus induk ataupun kampus cawangan.

Insya-Allah kita akan memastikan, yang pertamanya kolej francais ini berkualiti dan yang keduanya memastikan graduan yang dihasilkan juga berkualiti supaya mereka tidak ada masalah besar apabila keluar daripada institusi ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, dalam penggulungan Timbalan Perdana Menteri telah menyentuh tentang untuk memartabatkan lagi UiTM. Termasuk tadi ada disebut tentang untuk mewujudkan lebih kurang 200,000 graduan menjelang tahun 2010 dengan perbelanjaan yang begitu besar. Tidak silap saya dianggarkan RM3 bilion.

Jadi apakah persediaan, barangkali jurusan-jurusan yang akan diberikan keutamaan dan juga bagaimana dengan tenaga pengajarnya? Dan kalau boleh, Yang Berhormat sendiri memberi jaminan bahawa sekiranya kampus cawangan ini dibuka di kawasan luar bandar untuk menambahkan lagi bilangan tanpa kita menjejaskan kualiti di UiTM ini, apakah peluang kedua akan turut diperoleh oleh pelajar-pelajar yang tercicir? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang UiTM suatu masa dahulu dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan peluang kedua kepada pelajar-pelajar bumiputera yang mungkin tidak memenuhi syarat yang ditetapkan untuk memasuki universiti. Dan jelas terbukti bahawa pelajar-pelajar ini sekarang telah berjaya sebagai profesional, sebagai para akademik dan juga telah berjaya dalam sektor keusahawanan.

Oleh yang demikian, peluang kedua ini akan terus diadakan oleh UiTM dengan mengambil sebahagian kecil pelajar-pelajar di peringkat pra diploma iaitu mereka yang kurang pencapaian akademik mereka. Selain daripada UiTM, peluang kedua wujud dalam banyak lagi institusi kerajaan. Ada Politeknik umpamanya, ada institusi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (IKM), ada institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia (Institut Latihan Perindustrian) dan ada Kolej Komuniti. Ini merupakan peluang kedua dan kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab akan memastikan bahawa lebih ramai rakyat Malaysia ada access, dengan izin, kepada pendidikan tinggi.

Berkaitan dengan jaminan dan berkaitan dengan kualiti kursus-kursus, kerajaan akan menambah peratusan menjelang tahun 2010 dalam bidang sains dan teknologi. Saya sebut tadi ada tiga gugusan:

- (i) sains teknologi;
- (ii) pengurusan dan perniagaan;
- (iii) sains sosial dan kemanusiaan.

Ini tiga kumpulan khusus di UiTM. Pada masa ini, gugusan sains dan teknologi mempunyai 44% pelajar, kerajaan berhasrat untuk menambah kepada 60% dan dengan itu kita harap peluang pekerjaan mereka akan meningkat. Tumpuan akan diberikan dalam bidang ini termasuklah saya hendak maklumkan di sini bahawa UiTM juga akan menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar untuk belajar dalam bidang perubatan dan farmasi, yang mana bidang ini merupakan bidang yang masih lagi kekurangan tenaga kerja.

Berkaitan dengan tenaga pengajar, kita berbangga kerana tenaga pengajar UiTM telah meningkatkan prestasi mereka dari masa ke semasa dan mereka adalah sebaris dengan tenaga pengajar di universiti lain. Kalau dahulu, mungkin 20, 30 tahun dahulu, kelayakan mereka rendah sedikit daripada kelayakan pensyarah universiti lain. Tetapi hari ini kelayakan mereka setaraf dan ada di antara mereka telah menempa nama di pelbagai peringkat. Kita cukup yakin bahawa mutu tenaga pengajar UiTM akan terus meningkat di masa akan datang.

4. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:-

- (a) apakah dasar kerajaan dalam memberi pampasan terhadap penggunaan tanah laluan kabel elektrik voltan tinggi; dan
- (b) apakah cadangan kementerian untuk memberikan insentif bagi projek pertanian yang akan dijalankan di tanah tersebut memandangkan hanya projek tertentu sahaja yang boleh dilaksanakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan mengenai pampasan terhadap penggunaan tanah laluan kabel voltan tinggi, sukacita saya menjelaskan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) diberi kuasa di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 untuk memasuki tanah-tanah negeri dan bukan negeri bagi tujuan meletakkan pemasangan-pemasangan pembekalan elektrik seperti menara-menara talian penghantaran dan pembahagian.

Mengenai pembayaran pampasan bagi tanah yang digunakan untuk laluan talian bekalan elektrik, seksyen 11(1) Bekalan Elektrik 1990 telah memperuntukkan bahawa TNB dikehendaki membuat bayaran pampasan untuk apa-apa gangguan, kerosakan dan ketidakupayaan yang mungkin disebabkan oleh pemasangan berkenaan.

Pampasan juga dibayar oleh TNB kepada pemilik-pemilik tanah akibat kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan. Dari segi amaun pampasan, jumlah yang dikenakan adalah tertakluk kepada taksiran oleh Pentadbir Tanah Daerah (PTD) setelah mendapat laporan penilaian dan perakuan daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

Penilaian ini dibuat berdasarkan harga pasaran semasa serta harga pampasan pokok-pokok yang mempunyai nilai ekonomi mengikut jenis dan umur pokok-pokok berkenaan. Dalam pengiraan elaun ketidakupayaan (*disability*) dengan izin, pada lazimnya akan mengkaji kecacatan atau kerosakan yang berlaku terhadap tanah tersebut dengan jumlah bayaran di antara 30% sehingga 60% nilai tanah yang terlibat.

Dalam kes-kes tertentu dalam mana tanah terjejas dengan teruknya dengan meninggalkan baki keluasan yang tidak ekonomik, PTD akan memutuskan agar TNB membayar pampasan ke atas tanah yang tidak ekonomik mengikut nilai tanah tersebut.

Penentuan harga pasaran tanah adalah berdasarkan kepada laporan penilaian yang disediakan oleh JPPH.

Saya juga ingin menekankan bahawa tanah yang terlibat tidak diambil balik dan ia kekal dimiliki oleh pemilik tersebut. Namun begitu, mengikut seksyen 16(2) Akta Bekalan Elektrik 1990, mana-mana pemilik tanah yang tidak berpuas hati dengan amaun pampasan yang ditetapkan oleh PTD berhak membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), yang mana keputusan PBN adalah muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan sedia ada, insentif diberi oleh TNB dalam bentuk pembayaran balik cukai tanah setiap tahun kepada pemilik tanah mengikut keluasan tanah yang terlibat dengan laluan talian penghantaran.

Pemilik tanah perlu membuat tuntutan dengan mengemukakan salinan resit bayaran cukai tanah lot berkenaan. Selain itu, pihak Tenaga Nasional Berhad pada lazimnya tiada halangan untuk membenarkan pemilik-pemilik tanah mengusahakan tanaman kontan dan *nursery* yang ketinggiannya dihadkan tidak melebihi 6 kaki agar ia tidak membahayakan pemasangan elektrik, orang awam dan harta benda awam. Walau bagaimanapun, pemilik tanah perlu merujuk kepada Tenaga Nasional Berhad untuk mendapatkan ulasan teknikal. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya dapati jawapannya begitu lengkap sekali, saya ucapkan terima kasih. Walau bagaimanapun, ada dua perkara. Yang pertama, tanaman yang terhad. Hendak lebih daripada 6 kaki tidak boleh. Artinya orang luar bandar, dia tidak boleh tanam kelapa sawit atau getah.

Yang kedua, dia kena bayar cukai yang sama. Walaupun tanamannya terhad, dia kena bayar cukai yang sama. Saya ingin mencadangkan dan ingin memberikan pandangan yang mungkin boleh mendapat pandangan balas tentang pampasan ini, dikaitkan dengan kehilangan, kecurian kabel-kabel Tenaga Nasional Berhad.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Jadi ini kalau dapat kita gabungkan Yang Berhormat, saya nampak amat cantik. Bagaimana kita mampu untuk membayar *ex-gratia* -, pampasan kepada pemilik-pemilik tanah, pada masa yang sama dia juga mempunyai satu tanggungjawab terhadap kabel-kabel yang berada di situ. Artinya pampasan itu mungkin lebih sedikitlah. Mungkin juga kementerian boleh memikirkan terutama untuk orang luar bandar. Tanah ini amat berharga. Dia tak boleh tanam kelapa sawit, harga kelapa sawit meningkat, tetapi kesian dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawab, ini bukan bahas Yang Berhormat ya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Sedikit saja. Setengah minit lagi, saya cadangkan ada insentif untuk pertanian bukan duit, dia beli rokok. Insentif pertanian yang mungkin boleh difikirkan oleh pihak kementerian. Terima kasih. Assalamualaikum.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Yang Berhormat bagi Parit Sulong memberi cadangan dan insya-Allah cadangan ini akan saya kemukakan tetapi walau bagaimanapun, sekali lagi saya nyatakan bahawa apabila Tenaga Nasional Berhad mengambil tanah itu sebagai *way leaves*, pampasan yang mereka berikan telah mengambil kira berapakah jumlah kerugian pokok-pokok yang ditanam di kawasan itu. Sekiranya kelapa sawit, berapakah nilai sebatang kelapa sawit itu dan sekiranya pokok getah, berapakah nilai sebatang pokok getah sebelum ia dibayar kepada pemilik-pemilik tanah ini.

Walaupun bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu kita akan ambil kira dan kita akan bentangkan kepada Tenaga Nasional Berhad. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Dahulu sebelum Tenaga Nasional Berhad adalah Lembaga Letrik Negara. Pada masa dahulu, mungkin pampasan yang dibayar untuk *way leaves* ini dengan izin, mungkin agak rendah. Tetapi sehingga hari ini, tanah yang

digunakan untuk laluan ini masih menjadi milik penduduk-penduduk di kampung dan sebagainya.

Oleh sebab perkembangan semasa, penduduk ataupun tuan tanah ini ingin memecahkan tanahnya, pecah lot ataupun pecah sempadan, tetapi apabila membuat permohonan kepada pejabat tanah, pejabat tanah kata tempat laluan ini kena diserahkan kepada kerajaan. Apakah Tenaga Nasional Berhad sekarang ini boleh membayar tanah yang diserahkan ini dengan nilai semasa kepada tuan tanah apabila kerja-kerja pecah lot atau pecah sempadan hendak dibuat. Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebagaimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi bahawa setiap pampasan yang akan dikenakan adalah mengikut taksiran oleh Pentadbir Tanah Daerah. Apabila dinilai, barulah pihak Tenaga Nasional Berhad akan membayar kepada pemilik. Sekiranya pihak pemilik merasakan dia tidak berpuas hati dengan jumlah yang telah ditaksirkan oleh Pentadbir Tanah Daerah, maka pihak pemilik tanah boleh membuat keputusan untuk membuat rayuan kepada kerajaan negeri, kepada EXCO kerajaan negeri, ahli mesyuarat kerajaan negeri supaya mempertimbangkan bahawa harga yang diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad sepatutnya lebih tinggi daripada itu, maka lazimnya, Tenaga Nasional Berhad akan mengikut pandangan yang telah diputuskan oleh kerajaan negeri berhubung dengan pampasan yang akan diberikan kepada pemilik tanah tersebut. Terima kasih.

5. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan bercadang mengkaji sistem "Promosi Automatik" di sekolah rendah dan menengah untuk memberi peluang kepada murid-murid yang lemah mengulangi pelajarannya setahun pada setiap peringkat iaitu selepas UPSR dan PMR kerana terdapat 37% daripada anak-anak kita tidak mampu menyempurnakan pelajaran ke tingkatan 5.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia masih belum bercadang untuk mengkaji dasar kenaikan kelas secara automatik kerana dasar yang sedia ada adalah untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang sewajarnya berdasarkan umur mereka.

Menurut Akta Pendidikan 1996, pendidikan peringkat rendah yang dibenarkan adalah antara lima hingga tujuh tahun. Seseorang murid boleh memohon untuk memanjangkan tempoh pendidikan sehingga tujuh tahun. Kebenaran ini akan hanya diberikan untuk memanjangkan tempoh pendidikan sehingga tujuh tahun. Kebenaran ini akan hanya diberikan sekiranya murid tersebut didapati mempunyai masalah pembelajaran yang serius.

Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat penambahbaikan terhadap program-program yang sedia ada, serta memperkenalkan beberapa program khusus untuk murid-murid yang masih lemah supaya mereka dapat melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi di antaranya menyediakan program-program intervensi, seperti kelas intervensi membaca dan menulis iaitu KIA2M untuk murid-murid tahun satu.

Menyediakan Program Membaca dan Mengira Pasca UPSR, iaitu Program Protein. Menyediakan Kelas-kelas Pemulihan Khas dan Kelas Integrasi untuk sekolah rendah dan Kelas Pemulihan untuk sekolah menengah mulai tahun 2005 dan memperkenalkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah harian, dan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) di sekolah menengah teknik sebagai laluan alternatif kepada pelajar yang kurang berminat dalam bidang akademik.

Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa menilai dasar-dasar sedia ada dan mencadangkan dasar-dasar alternatif yang lebih berkesan supaya pendidikan yang diberikan adalah terbaik untuk semua anak bangsa Malaysia. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006, terdapat 120,000 murid sekolah rendah tidak dapat menguasai kemahiran 3A setelah enam tahun pendidikan. Ada 8.12% murid sekolah rendah keciciran pada tahun 2005 dan bagi sekolah menengah terdapat 42,000 pelajar tidak dapat menguasai kemahiran 3M. Saya bersetuju dengan pandangan tokoh cendekiawan kita bahawa sistem pendidikan kita terlalu mementingkan peperiksaan dan belajar secara menghafal, tetapi mengabaikan pemikiran secara kreatif .

Terlalu mementingkan sains dan teknologi dan mengabaikan aspek kebudayaan. Apakah kementerian bercadang mengambil langkah yang drastik untuk menyusun semula sistem pendidikan sekarang demi perpaduan negara serta meningkatkan daya saing negara supaya Malaysia tidak ketinggalan antara negara jiran di rantau Asia? Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat Yang Berhormat sebut, walaupun perangkaan itu tidak berapa tepat yang disebut kerana macam-macam pihak yang mengatakan angka-angka tertentu. Sebenarnya kalau mengikut perangkaan Kementerian Pelajaran Malaysia kita akan kaji dengan teliti....

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ini dari laman web Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: 125,000 termasuk juga sekolah rendah dan sekolah menengah, bukan sekolah rendah sahaja. Dengan hakikat ini, bahawa kita telah memperkenalkan pada tahun 2006 ini, mulai bulan Mac yang lepas, kita kenalkan KIA2M. KIA2M ini adalah kita membuat saringan bagi pelajar-pelajar antara tahun 1, mana-mana pelajar tidak boleh menguasai 2M, kita asingkan kepada Kelas KIA2M pada bulan April kita mula bagi mereka tiga bulan, kemudian bulan Julai kita buat penilaian kali kedua dan kita dapati daripada asalnya pelajar-pelajar yang tidak tahu, tidak boleh menguasai 2M dan hujung tahun iaitu bulan November ini, kita lihat ada 90% pelajar-pelajar yang kita masukkan dalam Kelas KIA2M ini telah dapat menguasai 2M.

Bagi 10% lagi ada antara mereka yang kita dapati memang ada sindrom dalam diri mereka yang mungkin tidak sedari oleh ibu bapa dan kita rujuk mereka ini ke doktor dan kita masukkan mereka ini ke kelas-kelas khas.

Bagi mereka yang masih lagi tidak boleh menguasai kita akan teruskan dengan kelas 2M apabila mereka masuk tahun dua. Bagi pelajar tahun enam tahun ini, mulai tahun ini juga apabila selepas pelajar-pelajar ini habis peperiksaan UPSR mereka dan jika kita dapati ada pelajar-pelajar yang masih tidak boleh menguasai 2M maka habis sahaja peperiksaan UPSR mereka ini akan diberi satu kelas khas yang dinamakan 'Kelas Protein' iaitu untuk memastikan mereka boleh menguasai 3M.

Mengenai cadangan Yang Berhormat ada komen-komen yang dinyatakan bahawa sistem kita ini banyak berdasarkan kepada peperiksaan ini memang telah pun diberikan penekanan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah menekankan supaya mengkaji semula kurikulum dan Kementerian Pelajaran memang sedang merancang untuk menjadikan kurikulum kita ini tidak hanya berasaskan kepada peperiksaan tetapi kita hendak jadikan peperiksaan ini salah satu sebagai taksiran untuk menilai pelajar di satu-satu tahun. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sistem pelajaran kita agak *rigid* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat sistem kita begitu *rigid* sekali. Kita tidak *cater* kepada golongan yang lebih lemah ataupun golongan yang *talented*. Jadi saya rasa adalah sampai masanya untuk kementerian mengkaji semula untuk mengadakan satu sistem yang boleh *cater* untuk golongan yang lemah itu dan golongan yang *talented* supaya mereka ini boleh mendapat pengajaran yang terbaik sekali dan saya lihat di sini bahawa 37% keciciran ini adalah satu angka yang agak besar. Adakah kementerian membuat kajian sama ada keciciran ini adalah kerana sistem pelajaran kita yang begitu *rigid* ataupun sebab-sebab yang lain. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah nyatakan bahawa bagi pelajar-pelajar yang kurang berminat dalam bidang pendidikan kita telah perkenalkan pelan sistem atau mata pelajaran dalam vokasional yang dahulunya hanya ada di sekolah-sekolah vokasional. Tapi sekarang ini kita telah memperbanyakkan sekolah aliran vokasional ini di sekolah-sekolah harian biasa telah pun diwujudkan.

Bagi pelajar-pelajar Yang Berhormat kata seperti yang ada *talent* dalam sukan kita juga telah mengadakan sekolah sukan yang mana sekarang ini ada dua dan kita akan tambah tiga lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang ada bakat dalam sukan ini mereka boleh maju dalam bidang sukan sebagai profesional. Bagi mereka yang mungkin berminat dalam

bidang kesenian dan kebudayaan, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan membina pula sekolah khas untuk pelajar-pelajar yang dinamakan sekolah kebudayaan dan kesenian untuk pelajar-pelajar yang berminat di dalam bidang seni dan juga bidang kebudayaan.

Jadi walau bagaimanapun, kita sentiasa melihat dasar-dasar yang ada untuk kita memastikan supaya semua anak bangsa Malaysia ini mendapat pendidikan yang sempurna. Terima kasih.

6. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini, berapakah dan di manakah program perumahan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di negeri Sabah mengikut jenis program iaitu Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu (MTEN), Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa Dasar Baru dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki Dasar Baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melaksanakan sebanyak 388 unit rumah di bawah Projek Perumahan Awam Kos Rendah di negeri Sabah iaitu di kawasan Sandakan dan Lahad Datu. Manakala bagi Program Perumahan Rakyat sehingga kini sejumlah 19,014 unit rumah di bawah program tersebut sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negeri Sabah yang terdiri daripada 931 unit PPR Bersepadu dan 983 unit PPR Disewa Dasar Baru.

Daripada jumlah sasaran PPR Bersepadu yang dilaksanakan sebanyak 2,457 unit telah siap pembinaannya dan diserahkan kepada pihak kerajaan negeri untuk membuat pengisian penghuniannya. Manakala bakinya 6,574 unit masih dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan dapat disiapkan secara berperingkat-peringkat sehingga 2007. Bagi PPR Disewa Dasar Baru pula sebanyak 3,358 unit adalah dalam peringkat pembinaan, 3,825 unit dalam peringkat tawaran dan bakinya iaitu sebanyak 2,800 unit masih dalam peringkat perancangan.

Projek-projek PPR Bersepadu yang telah siap pembinaannya adalah di kawasan Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Kawasan-kawasan lain yang turut terlibat dengan pelaksanaan PPR Bersepadu dan PPR Disewa Dasar Baru adalah seperti Lahad Datu, Papar, Kudat, Beluran, Keningau, Kunat, Kinarut, Semporna, Penampang, dan Beaufort. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Segala program kementerian ini amatlah dihargai dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada program-program yang telah dilaksanakan. Walaupun begitu, pembinaan fizikal rumah-rumah tersebut adalah satu faktor untuk saya. Satu lagi faktor yang tidak kurang pentingnya adalah sasaran iaitu rakyat.

Soalan tambahan saya secara umumnya bagaimanakah kementerian menentukan mereka yang mendapat manfaat atau *benefit* dengan izin dari projek-projek perumahan ini adalah sasaran yang sebenarnya dan secara spesifiknya pula, balik kepada Sabah, memandangkan satu permasalahan besar yang wujud di negeri tersebut iaitu pemilikan MyKad palsu ataupun pemilikan MyKad tulen yang diperolehi secara haram oleh pendatang asing tanpa izin? Adakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Jabatan Imigresen dalam membentuk satu mekanisme penapisan kelayakan pemohon-pemohon tertentu supaya dapat memastikan tiada daripada PATI (pendatang asing tanpa izin) mendapat kemudahan yang dimaksudkan untuk warganegara Malaysia? Jika tidak, apakah mekanisme atau kaedah yang digunakan kini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, proses pembinaan projek-projek perumahan rakyat di dalam kementerian melibatkan beberapa tindakan. Satu ialah kerajaan negeri yang mengenal pasti tempat yang memerlukan rumah-rumah tersebut dan selepas itu cadangan diberi kepada kementerian. Kementerian bertindak sebagai agensi yang membina rumah-rumah tersebut di kawasan-kawasan atau tapak-tapak yang telah dicadangkan oleh kerajaan negeri. Selepas pembinaan rumah-rumah tersebut, rumah-rumah diserahkan balik kepada kerajaan negeri dan tugas untuk mengagihkan rumah ini kepada golongan sasaran kuasanya terletak di bawah kerajaan negeri dan kerajaan tempatan di bawah kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, di peringkat dasar kita telah menentukan atau memberi arahan kepada kerajaan negeri untuk memastikan tiap-tiap kerajaan negeri mewujudkan sistem yang tertentu yang akan mengenal pasti golongan sasaran yang layak sahaja yang diberi atau berjaya mendapat rumah-rumah ini dan saya berharap kerajaan negeri Sabah dan kerajaan-kerajaan tempatan di negeri Sabah melakukan dan akan mengenal pasti bahawa keadaan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tidak wujud di mana orang asing yang mempunyai dokumen-dokumen yang palsu memohon dan mendapat rumah-rumah yang telah disediakan untuk warganegara kita. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa satu wawancara akhbar oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa rumah PPR akan dijual kepada penyewa jika mereka mematuhi syarat-syarat yang tertentu seperti dalam tempoh sepuluh tahun tidak akan tukar hak milik.

Saya ingin tahu bilakah projek PPR ini akan dijual kepada penyewa? Dan jika ya, di negeri-negeri mana yang akan melaksanakan projek menjual kepada penyewa ini dengan secepat mungkin? Bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang dibuat oleh kementerian untuk membolehkan orang-orang yang sewa rumah PPR untuk beli rumah ini ialah untuk memberi sejenis bantuan untuk golongan miskin untuk memiliki rumah mereka sendiri. Dan di dalam dasar ini apa yang dicadangkan ialah sewa yang dibayar oleh mereka diambil sebagai deposit untuk pembayaran rumah itu dan rumah-rumah yang disewa ialah di kawasan-kawasan pinggir bandar dan bukan di kawasan-kawasan yang strategik, dan kalau ada beberapa blok unit di dalam rancangan kawasan perumahan itu mungkin kita akan menetapkan satu blok untuk dijual dan yang lain akan disewa. Ini adalah dasar-dasar yang telah ditetapkan dan kita berharap selepas mendapat kelulusan daripada semua pihak akan melaksanakan program ini pada tahun yang akan datang. Sekian terima kasih.

7. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Kewangan menyatakan perancangan dan skim-skim jaminan pelaksanaan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) yang masih lagi beroperasi skopnya, bilangan permohonan yang berjaya dan jumlah nilai pinjaman setiap skim bagi tahun 2005 dan pertengahan pertama tahun 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tuan Yang di-Pertua, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ataupun CGC memainkan peranan utama untuk membantu golongan usahawan kecil serta perusahaan kecil dan sederhana yang tidak mempunyai cagaran atau yang kekurangan cagaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dengan menjamin pinjaman berkenaan. Dalam merangka, mengurus dan melaksanakan skim-skim jaminan, CGC memastikan penglibatan aktif institusi-institusi kewangan. Pada masa ini terdapat tujuh skim jaminan yang ditawarkan oleh iaitu:

- (i) Skim Jaminan Utama Baru;
- (ii) Skim Jaminan Usahawan Kecil;
- (iii) Skim Jaminan Perbankan Islam;
- (iv) Skim Jaminan Laluan Terus;
- (v) Skim Jaminan Anjal dan;
- (vi) Skim Jaminan Franchise.

Dan baru-baru ini pada 28 Ogos 2006 CGC telah melancarkan satu skim baru iaitu *Credit Enhancer Scheme*. Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan dan nilai pinjaman yang telah diluluskan bagi setiap skim pinjaman pada tahun 2005 dan hingga bulan Jun 2006 adalah seperti berikut:

- (i) bagi Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) bilangan pinjaman diluluskan pada tahun 2005 ialah 3,323 yang bernilai RM1,033.4 juta, manakala pada tahun 2006 sehingga bulan Jun yang telah lulus 1,386 bernilai RM482.3 juta;

- (ii) Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) bilangan pinjaman diluluskan pada tahun 2005 ialah 1,122 yang bernilai RM40.7 juta dan bagi tahun 2006 hingga Jun - 351 bernilai RM13.07 juta;
- (iii) Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI) bilangan pinjaman diluluskan pada tahun 2005 ialah 88 bernilai RM52 juta, manakala pada tahun 2006 sehingga Jun jumlah yang diluluskan 36 bernilai RM32.7 juta;
- (iv) Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) bilangan pinjaman diluluskan pada tahun 2005 ialah 2,349 bernilai RM1,385.5 juta dan bagi tahun 2006 sehingga Jun jumlah yang telah lulus berjumlah 1,026 dan bernilai RM625.9 juta;
- (v) Bagi Skim Jaminan Anjal (SJA) bilangan pinjaman yang diluluskan pada tahun 2005 ialah 1,621 bernilai RM797.4 juta manakala bagi tahun 2006 sehingga Jun jumlah yang diluluskan bernilai 640 bernilai RM228.6 juta; dan
- (vi) Skim Pembiayaan Franchise (SPF) bilangan pinjaman yang diluluskan pada tahun 2005 ialah 4 bernilai RM0.64 juta dan pada tahun 2006 masih belum ada kelulusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, CGC telah pun wujud selama 34 tahun dan banyak skim telah pun dilancarkan. CGC bukan hanya hendak membantu SME yang *without collateral* ataupun yang ada *collateral* tetapi juga membantu mereka yang tidak ada rekod prestasi untuk mendapat laluan kemudahan kredit daripada syarikat-syarikat ataupun institusi kewangan.

Soalan saya ialah skim manakah yang paling popular dan paling berjaya dalam membantu SME dalam hal ini, dan apakah terdapat pemilik syarikat yang pernah mendapat kemudahan kredit melalui CGC, tetapi gagal dalam perniagaan dan memohon lagi dengan menggunakan nama syarikat yang lain disebabkan syarikat-syarikat pemilik tunggal pun boleh memohon? Minta penjelasan terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang CGC telah ditubuhkan sejak tahun 1972 dan setakat ini sebenarnya mereka yang telah mendapat manfaat dan mendapat kemudahan CGC adalah lebih 350,000 sebenarnya sejak ditubuhkan. Dan jumlah amaun yang telah dikeluarkan lebih daripada RM30 bilion yang telah diluluskan. Memang Tuan Yang di-Pertua ada NPL lebih kurang 8%, tetapi soalan yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ialah sama ada mereka yang telah gagal memohon semula sudah dapat, ini saya tidak ada perangkaannya tetapi yang saya ada ialah NPL 8%. Memang CGC memberi kemudahan kepada mereka yang tidak ada cagaran atau yang ada cagaran sebahagian pada individu, pada syarikat sendirian berhad dan sebagainya. Memang adalah tetapi perangkaan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya minta tidak ada dengan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perasmian MAHA telah merungut tentang kegagalan bank sama ada bank milik kerajaan atau bank swasta dari segi membantu terutama sekali dalam bidang mempertingkatkan industri asas tani. Jadi, apakah pihak CGC ini juga yang telah begitu banyak pengalaman dan telah banyak membantu usahawan-usahawan sama ada SME dan sebagainya, boleh mempertingkatkan dalam bidang industri asas tani, ataupun pertanian sendiri di samping Bank Pertanian yang akan *dicorporatisation* ini supaya dapat menolong pengusaha-pengusaha kita untuk melibatkan diri dalam bidang industri perniagaan dan sebagainya. Begitu juga dari segi anak-anak muda kita yang *graduate* dari universiti-universiti ini mereka kadang-kadang kurang pengalaman, tetapi berminat untuk menjadi seorang saudagar. Jadi apakah SME atau CGC ini boleh?

Saya dahulu berniaga, dahulu-dahulu saya berniaga CGC menolong saya. Saya mula dengan bantuan CGC dan sebagainya dan alhamdulillah. Jadi boleh atau tidak boleh kerana ini saya nampak tidak begitu *rigid* sangat kalau dibandingkan bank-bank komersial dari segi hendak memberi pinjaman dan *guarantee*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu asas CGC ini sebenarnya dipunyai oleh *shareholder* adalah Bank Negara 80% dan *commercial bank* ialah 20%. *Shareholder commercial bank* ini tidak termasuk Bank Pertanian, Bank Rakyat dan bank-bank persatuan dan sebagainya. Cuma bank komersial yang menjadi ahli kepada CGC. Maka CGC memberi pinjaman melalui bank-bank yang komersial bukan Bank Pertanian - lain-lain bank, Bank Rakyat dan sebagainya. Maknanya bagi projek-projek pertanian dia melalui Bank Pertanian, maka dia tidak termasuk dalam kategori yang boleh diberi pinjaman melalui CGC kerana Bank Pertanian bukan ahli CGC.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maksud saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mungkin seseorang itu memohon pinjaman melalui bank komersial ataupun CGC, memohon tentang perniagaan yang terlibat dengan perniagaan asas tani dan pertanian. Macam biasalah bukan maknanya melalui bank-bank yang macam Bank Rakyat, MARA dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu memang diberi pertimbangan oleh CGC sama ada peminjam itu mohon terus *direct* kepada CGC ataupun melalui bank-bank yang mereka ada akaun atau bank-bank yang mereka sudah biasa. Maknanya kalau dia buat permohonan *direct* pun, bayaran pinjaman hendaklah juga melalui bank-bank komersial itu tadi. Makna CGC akan rujuk balik pada bank komersial.

Tapi pertimbangannya adalah dia ada bagi pertimbangannya khas dan ada panel penasihat. Jadi maknanya bagi mereka yang tak tahu kadang-kadang pergi pinjaman nak pinjam tak tahu nak buat kertas kerja. Dia ada panel dia, CGC ada panel dia, maka CGC akan rujuk pada panel ini bantu mereka yang nak pinjam buat kertas kerja dan akan diuruskan dengan kadar yang amat rendah. Maksimum RM3000 bagi panel yang dilantik oleh CGC. Jadi, kemudahan memang cukup banyak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lepas ini Yang Berhormat bagi Jerai bawa minum lah Setiausaha Parlimen dekat luar. Yang Berhormat bagi Sekijang.

8. Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana kempen menderma organ telah mendapat sambutan dari rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, program kesedaran pendermaan organ yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan memfokuskan kepada penderma '*cadaveric*'. Iaitu pendermaan selepas meninggal dunia. Kempen menderma organ ini telah mendapat sambutan dari rakyat Malaysia memandangkan bilangan pengikrar, penderma organ telah bertambah dari tahun ke tahun. Sehingga September 2006, seramai 99,000 orang telah berdaftar sebagai pengikrar penderma organ di mana 63% iaitu 62,000 adalah daripada kaum Cina, 23.4% atau 23,000 adalah daripada kaum India dan 10.7% atau 10,000 adalah daripada kaum Melayu. Dan 2.9% atau 2900 adalah daripada kaum-kaum yang lain. Pada masa sekarang, bilangan pendaftar sebagai pengikrar penderma organ adalah di antara 1000 hingga 1500 setiap bulan. Sekian.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kementerian yang telah memberikan jawapan tersebut. Saya nak mengemukakan soalan tambahan. Adakah penderma-penderma atau pun keluarga-keluarga penderma ini yang berdaftar ini diberikan keutamaan sekiranya memerlukan organ-organ yang diperlukan. Contohnya kalau misal kata dia mendaftar untuk menderma mata. Tiba-tiba dia atau pun keluarga dia memerlukan pula jantung. Adakah kementerian akan memberikan keutamaan di dalam perkara ini kepada penderma tadi. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan keutamaan ini, kita ada satu *queue* di mana pakar-pakar kita akan menentukan keadaan penerima pendermaan itu. Dan jikalau dia memerlukan organ itu dengan cemasnya, bermakna kita kena bagilah kepada dia dan dari segi itu keutamaan kita tidaklah bagi kepada penderma organ. Tetapi kita mengikut kecemasan penerima organ yang memerlukan organ itu. Sekian.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin bertanya tentang sejauh manakah kejayaan Sistem Elektronik Perkongsian Organ Malaysia atau yang dikenali sebagai e-MOSS? Kerana kita tahu organ yang didermakan ini diambil daripada penderma yang telah meninggal dunia dan kebanyakan organ ini tidak boleh disimpan lama dalam tempoh 4 – 40 jam. Kerana kalau disimpan lama, organ ini tidak boleh dipakai.

Jadi saya nak tahu sejauh mana kejayaan selepas rakyat kita bersetuju atau berikrar untuk mendermakan organ? Dan sistem yang digunakan itu dapat dimanfaatkan agar organ itu dapat digunakan oleh penerima. Dan yang kedua saya nak tahu sejak 1975, seramai 1,135 penerima buah pinggang telah berlangsung di negara kita. Sejauh manakah kejayaan pesakit-pesakit yang menerima sejak kita laksanakan 1975?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mempunyai satu sistem di mana organ ini apabila kita dapat menuainya atau *harvest*, kita akan berikan kepada pesakit yang memerlukannya dengan secepat mungkin. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, organ ini kita tak boleh simpan dengan lamanya.

Tetapi masalah atau cabaran kita adalah kita mempunyai lebih pesakit yang menunggu organ-organ ini dan masalah berkaitan dengan organ ini kena simpan atau nak bagi kepada siapa keadaan itu tidak wujud kerana pada masa sekarang kita mempunyai lebih daripada 7000 orang menunggu organ. Berbagai-bagai organ, ada paru-paru, hati, jantung atau buah pinggang dan sebagainya. So bermakna apabila organ itu ada, dia telah ada orang menunggu untuk menerimanya. Sekian.

9. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilangan perbadanan pengurusan yang aktif, tidak aktif dan bermasalah dalam Kuala Lumpur serta bilangan pemaju yang dikenakan tindakan undang-undang kerana gagal mematuhi undang-undang hak milik strata sehingga sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga September tahun 2006, terdapat 10 perbadanan pengurusan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Dan sesetengah daripada itu adalah akibat pemilik sendiri yang tidak mempunyai niat untuk menghadiri mesyuarat. Dari segi perbadanan pengurusan yang bermasalah, terdapat sejumlah 19 skim yang mempunyai masalah di dalam pengendalian akaun perbadanan pengurusan dan 9 skim menghadapi masalah penyelenggaraan bangunan dan satu skim masing-masing bagi masalah pindah milik dan masalah pemilik melanggar peraturan.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kebanyakan isu kegagalan pemaju memohon hak milik strata dapat ditangani secara proaktif dengan wujudnya gabungan *consensus* di antara Jabatan Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur. Dan sehingga kini kementerian telah pun menerima sebanyak 68 aduan kegagalan pemaju perumahan memohon hak milik strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada jumlah tersebut, satu kes di dalam tindakan pendakwaan dan kini di peringkat penelitian Jabatan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan sebanyak 24 aduan telah dapat diselesaikan dengan permohonan hak milik strata oleh pemaju perumahan dan selebihnya masih lagi di dalam siasatan. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terdapat perbadanan pengurusan yang tidak aktif menyebabkan mana-mana ahli yang rajin membuat kutipan cukai tanah sendiri ke atas pemilik-pemilik unit yang kadangkala sukar membayarnya. Ini menyebabkan pemilik lain terpaksa menanggung denda kelewatan bayaran cukai.

Saya ingin tahu, apakah langkah kementerian untuk mengubah syarat hak milik induk supaya masing-masing pemilik bertanggungjawab membayar sendiri cukai dan lain-lain dan tidak meletakkan kepada perbadanan pengurusan semata-mata dan apakah cadangan kementerian untuk membantu dan memulihkan perbadanan pengurusan bermasalah dan tidak aktif bagi kebaikan para pembeli unit bangunan itu untuk mengelakkan mereka akan menjadi mangsa dan sebagainya? Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kategori aktif tidak aktif ini kita tidak ada garis panduan untuk cakap bahawasanya perbadanan pengurusan tersebut aktif atau tidak. Yang ada di dalam akta kita ialah mereka seharusnya mengadakan Mesyuarat Tahunan di antara 12 hingga 15 bulan. Jadi apa yang saya sebut tadi ialah berkenaan dengan laporan yang diterima, 10 yang tidak membuat mesyuarat kita anggap tidak aktif. Jadi sebenarnya kita mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh pemilik-pemilik tersebut dan oleh itu Kabinet telah pun meluluskan pindaan rang undang-undang terhadap *Strata Act* ini dan akan dibentangkan di Majlis Tanah Negara yang akan bermesyuarat pada 5 Disember ini dan insya-Allah pada sesi Parlimen bulan 3, kita akan bentangkan di dalam Parlimen di mana banyak permasalahan seperti Lembaga Strata dan sebagainya, penubuhan mereka akan dipinda, dimasukkan ke dalam akta yang baru tersebut. Terima kasih.

10. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang diambil oleh kementerian dalam membendung budaya hiburan yang negatif yang diambil dari program televisyen dari barat oleh media-media elektronik negara ini di mana program-program televisyen tersebut tidak memberi penekanan terhadap soal-soal pelajaran, perpaduan, patriotisme, nilai murni serta keagamaan melainkan menonjolkan nilai-nilai negatif dan komersial sahaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peraturan yang terkandung dalam syarat lesen adalah jelas di mana stesen TV swasta perlu menyiarkan kandungan yang mempromosikan budaya dan identiti Malaysia serta memberi penekanan kepada aspek-aspek pembangunan insan dan aspirasi negara. Program-program televisyen pada masa ini sememangnya tidak hanya terhad kepada siaran yang bercorak hiburan semata-mata tetapi juga meliputi siaran-siaran yang menyentuh pembangunan kekeluargaan pendidikan, nilai murni, keagamaan dan integrasi nasional.

Bagi memastikan kandungan yang disiarkan menepati aspirasi negara serta nilai-nilai ketimuran seperti adat bersopan santun, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) juga telah menyediakan satu garisan panduan penapisan bahan-bahan penyiaran menyentuh seni dan budaya yang mengandungi panduan seperti keperluan seni dan budaya dari segi pakaian gerak laku artis dan pertuturan semasa mengadakan pertunjukan di TV, pentas dan di tempat-tempat awam. Antara langkah yang telah dan sedang diambil bagi membendung siaran kandungan yang bersifat negatif ialah dengan memastikan stesen-stesen TV swasta mematuhi syarat lesen yang memberi penekanan kepada mempromosikan budaya dan identiti Malaysia serta aspek-aspek pembangunan insan dan aspirasi negara.

Kawal selia kandungan dilakukan menerusi pematuhan beberapa syarat-syarat lesen termasuk mewajibkan tapisan oleh LPF mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam usaha memantapkan lagi sistem pemantauan, kementerian ini melalui Jawatankuasa Penyelidikan Pemantauan Siaran Televisyen Awam dan Swasta kini sedang menyediakan satu garis panduan menyeluruh mengenai penyiaran program televisyen dengan menggabungkan garis-garis panduan sedia ada iaitu garis panduan penapisan Lembaga Penapisan Filem, kod kandungan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, kod etika penyiaran Kementerian Penerangan dan garis panduan penapisan bahan-bahan penyiaran menyentuh seni dan budaya KeKKWa serta 28 akta yang berkaitan dengan kandungan siaran.

Garis panduan menyeluruh mengenai penyiaran program televisyen ini jangka akan siap pada akhir tahun dan akan diedarkan kepada semua badan penyiaran sebagai panduan yang merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan nilai ketimuran dan aspirasi negara, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan ini soalan yang nampak kecil, tetapi sangat serius. Saya telah tujukan soalan oleh kepada hampir empat kementerian, Kementerian Penerangan dan KeKKWa. Saya hendak khusus kepada jawapan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya memang sangat alu-alukan. Tetapi, nampaknya dalam perkara yang serius ini, kita masih bertanggung. Ini ada masa lagi, tetapi saya ingin beritahu...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus soalan Yang Berhormat, apa yang serius Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sebenarnya rancangan-ancangan di media elektronik ini telah mempengaruhi generasi muda kita sekarang dan masyarakat kita sekarang yang sudah menjadi tidak prihatin dan tidak fokus kepada pelajaran. Oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya garis panduan ini bukan sahaja disegerakan untuk dikuatkuasakan, tetapi diedarkan kepada setiap Ahli Parlimen untuk turut sama meliliti supaya program itu dapat dikuatkuasakan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima Kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sebagai mana Yang Berhormat kata, Yang Berhormat nampak perkara ini kecil tetapi sebenarnya satu perkara yang besar, sebab itu kementerian ini berhati-hati menangani masalah ini dan sebab itu kita meminta kerjasama daripada kementerian-kementerian lain termasuk KeKKWa dan Kementerian Penerangan untuk memberi input-input supaya satu garis panduan yang benar-benar sesuai untuk dikeluarkan dan ini akan diberikan kepada semua syarikat-syarikat yang menyiarkan siaran TV supaya dapat dijadikan garis panduan supaya dapat menyiarkan program-program yang menjadi contoh kepada masyarakat di negara ini, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini program yang ada di TV kita, macam mana kita hendak menilai baik buruk dia kalau bahasa dia pun kita tidak reti? Bahasa yang dia cakap, Latin Amerika, filem Philippines, Tagalog, filem Thai, .. punya filem yang kita sendiri pun tidak faham bagaimana kita hendak mengawal dia dan pada hari ini oleh kerana kebanjiran filem-filem daripada luar menyekat rezeki seniman kita, budaya kita terhakis. Oleh demikian, kalau hendak buat garis panduan, sila beritahu Parlimen ini berapa peratuskah yang disyaratkan supaya TV-TV swasta kita dan TV-TV kita memainkan filem-filem ataupun drama-drama tempatan dan berapa peratus yang dibenarkan di luar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita tunggulah sampai hujung tahun ini sehingga kementerian ini bersama-sama dengan kementerian KeKKWa dan juga Kementerian Penerangan dapat menyiapkan garis panduan penapisan bahan-bahan penyiaran yang menyentuh seni dan budaya dan kita juga akan menggariskan berapa peratuskah program-program ini daripada luar negeri dan juga program-program tempatan, terima kasih.

11. Dato' Chor Chee Heung [Alor Star] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan terdapat beberapa jumlah pelarian Aceh, Rohingya, Riau dan Patani yang kini menetap di Malaysia dan apakah tindakan kerajaan terhadap mereka dan Status mereka di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tafsiran mengenai pelarian diguna pakai oleh pihak UNHCR *United Nation High Commission for Refugees* yang membuka pejabatnya di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf pelarian kerana Malaysia bukanlah negara ahli kepada konvensyen mengenai status pelarian 1951 ataupun protokol mengenai status pelarian 1967. setakat ini pihak UNHCR telah mengkategorikan etnik dari Aceh, Rohingya dan Thailand sebagai pelarian di negara ini. Manakala pendatang dari Riau tidak termasuk dalam kategori tersebut.

Bagi mengesahkan pendatang tanpa izin tersebut sebagai pelarian, pihak UNHCR telah mengeluarkan kad pelarian bagi membolehkan pendatang tersebut

tinggal sementara di negara ini. Berasaskan dasar untuk menjaga hubungan baik, antara pihak kerajaan dengan badan dunia tersebut dan semangat kemanusiaan yang tinggi pihak kerajaan telah mengambil tindakan menjalankan pendaftaran kepada etnik dari Aceh, Rohingya dan Thailand. Setakat ini bilangan orang Aceh yang telah didaftarkan adalah seramai 32,673 orang. Sementara Thailand 131 orang dan Rohingya seramai 5,174 orang. Tindakan pihak kerajaan mendaftar kumpulan etnik ini adalah bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data pendatang tanpa izin yang dipanggil pelarian bagi memudahkan pegawalan dan penghantaran pulang ke negara asal mereka.

Dasar kerajaan terhadap pelarian yang ditafsirkan oleh UNHCR ke semua mereka adalah sama seperti pendatang tanpa izin yang lain dan mereka akan dihantar semula ke negara asal mereka apabila keadaan negara mereka bersedia untuk menerima mereka semula, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, golongan pelarian yang saya difahamkan seperti Rohingya mereka ini ditempatkan di satu-satu tempat, macam Pulau Langkawi. Jadi, saya ingin tahu manakah golongan-golongan pelarian lain ditempatkan dan mengenai saraan hidup mereka ini sama ada kerajaan kita menyara mereka dan sama ada peluang pekerjaan diberikan kepada mereka ini sebagai pelarian. Adakah mereka bekerja dan kedua masalah persekolahan anak-anak mereka ini, sama ada kita benarkan mereka ini peluang untuk memasuki sekolah kita. Mereka ini bukan rakyat negara ini, sekian.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star. Golongan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang di Langkawi itu adalah bukan kumpulan Rohingya.

Golongan yang saya sebut dalam jawapan ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak ditempatkan di mana-mana penempatan kecuali pelarian daripada Thailand dan kumpulan daripada Thailand seramai 131 tadi ditempatkan di pusat tahanan Ajil Terengganu. Sementara kumpulan etnik Aceh yang berada di Negara ini mereka bebas bergerak dan mereka diberi peluang bekerja di Negara ini sementara anak-anak mereka dibenarkan bersekolah di negara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen, saya hendak tanya mengenai pelarian Rohingya ini dan saya dapat jawapan tadi bahawa anak-anak pelarian Aceh dibenarkan bersekolah. Tetapi pelarian Rohingya di kawasan saya ada lebih kurang 35 orang, ada tiga keluarga, sekarang sudah jadi 45, mereka tidak dapat bersekolah, dahulu dapat bersekolah. Jadi yang saya hendak tanya apakah sebenarnya dasar kerajaan kita? Apakah kita membenarkan mereka ini bersekolah ataupun tidak sebab dahulu mereka boleh sekolah. Sekarang mereka tidak dibenarkan bersekolah, akhirnya budak-budak ini jadi tidak tahu hendak pergi ke mana hendak sekolah tidak boleh hendak duduk kampung tidak boleh kerja sebab kecil-kecil. Tidakkah ini merupakan satu tindakan di luar perikemanusiaan? Atau sebenarnya kementerian tidak ada dasar mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Seperti mana yang saya sebutkan tadi ada ramai sebenarnya orang Rohingya tetapi yang kita telah daftarkan setakat ini ialah 5,174 orang. Bagi mereka yang didaftar ini kita beri peluang atau dasar kemanusiaan untuk bergerak untuk mencari pekerjaan dan juga bersekolah. Tetapi bagi mereka yang tidak mendaftar ini tidak dibenarkan kerana ramai akan mengambil kesempatan, untuk datang lagi sekarang ini sekiranya kita memberi peluang kepada orang-orang yang tidak mendaftar untuk mengambil kesempatan masuk ke negara ini.

Sekarang ini kita telah memberhentikan pendaftaran, etnik Rohingya ini kerana beberapa masalah yang timbul berekoran dengan pendaftaran ini, keganasan, kekacauan dan banyak pihak yang mengambil kesempatan. Maka kerana itu keputusan yang dibuat oleh kerajaan setakat ini memberhentikan pendaftaran. Dasar kerajaan seterusnya ialah untuk sentiasa memberi pertimbangan atas dasar kemanusiaan kepada mereka yang mengikut peraturan dan undang-undang negara ini. Terima kasih.

12. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian sentiasa membuat pemantauan terhadap semua sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah dan Sarawak dari segi prasarana dan guru-guru mahir supaya kelak akan lahir modal insan yang bersepadu.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas tanya tentang Sabah dan Sarawak ini? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sebab apa dia tanya fasal Sabah dan Sarawak, dia tidak tanya Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia ada saudaranya di sana, tidak apa.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan penilaian ke atas pengurusan sekolah, pelaksanaan program-program pendidikan serta pengajaran dan pembelajaran secara teliti dan telus di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dengan menggunakan mekanisme Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), Kementerian Pelajaran dapat menilai taraf pendidikan yang disediakan oleh sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Dimensi atas kualiti di atas sekolah yang diukur melalui SKPM adalah berkaitan dengan hala tuju kepimpinan, pengurusan organisasi, pengusaha program pendidikan dan 'kemenjadian' murid, hasil pemantauan dan penilaian tersebut pihak sekolah akan dapat meningkatkan kualiti pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Khususnya ke arah meningkatkan pencapaian murid dalam bidang akademik, ko-kurikulum dan sahsiah selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

Pada masa yang sama KPM sangat komited terhadap usaha merapatkan jurang antara Bandar dan luar bandar khususnya dalam meningkatkan prestasi sekolah-sekolah di luar bandar. Di Sabah dan Sarawak, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM55 bilion untuk pembangunan pendidikan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM1.15 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan luar bandar, Sabah dan Sarawak. Melalui peruntukan ini KPM merancang semua sekolah di Sabah dan Sarawak akan mendapat bekalan air dan elektrik serta infrastruktur asas yang lengkap. Sekolah-sekolah yang tidak selamat dan sekolah-sekolah yang daif akan dibaiki, di baik pulih, diganti dan di naik taraf. Selain itu sekolah-sekolah yang padat akan mendapat bilik tambahan di samping menambah bilangan asrama dan rumah guru, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Menteri Pelajaran yang telah banyak menyumbangkan peruntukan kepada negeri Kelantan walaupun begitu tidak salah kalau saya menyentuh sedikit sebanyak pendidikan di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Apa yang saya timbulkan di sini apakah kerajaan akan bawa sama sebagaimana yang telah dilakukan di negeri Kelantan dari segi infrastruktur dan prasarannya sekali kerana saya mendengar rintihan daripada guru-guru persekutuan khususnya daripada guru Kelantan yang berkhidmat di sana. Katanya infrastruktur sendiri tidak cukup di antara lainnya, elektrik sekolah, jalan ke sekolah, apabila jalan ke sekolah tidak elok bagaimana pelajar akan pergi ke sekolah, itu satu hal. Apabila pergi ke sekolah, elektriknya tidak ada, ataupun tidak cukup, elektriknya sekerat hari. Juga rumah-rumah guru, barangkali kalau dibandingkan dengan rumah-rumah guru di Persekutuan ini maka sudah pasti rumah guru di sini lebih baik dan jadi juga ditimbulkan.

Yang terakhir iaitu apakah usaha daripada pihak kerajaan ataupun pihak kementerian memberi kesedaran kepada ibu bapa, kepada penduduk setempat tentang perlunya pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak mereka sehingga anak-anak mereka mendapat pendidikan yang baik dan akhir sekali menjadi warga negara yang baik dan bermutu untuk masa hadapan negara, apa pandangan dan komen Yang Berhormat?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai masalah pendidikan di Sabah dan Sarawak, seperti yang saya nyatakan kita telah merancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memberikan prasarana dan juga keseimbangan pembangunan bandar dan juga luar bandar. Kita tidak nafikan memang ada beberapa kelemahan sebab itu kita sedang

merancang untuk kita bekalkan elektrik 24 jam bagi 500 sekolah, termasuk ubahsuai pendawaian, penyelenggaraan dan juga diesel, bekalan air bersih bagi 300 sekolah.

Juga mengenai guru kita merancang untuk elaun khas ikut lokasi laluan tahap kesusahan, elaun balik kampung sekali setahun, insurans guru, pengambilan berasaskan lokasi, mewajibkan penempatan guru-guru di luar bandar yang mana dasar yang baru, pelajar dan guru-guru yang baru keluar maktab ini ataupun daripada institut pengajian guru kita akan mewajibkan mereka mengajar di luar-luar bandar. Ini kita lihat masalah kekurangan guru di Sabah dan Sarawak, kita masih lagi mengamalkan sehingga 30 April tahun 2006 sebab kita mengalami lebih guru seramai 233 orang di sekolah rendah tetapi kita melalui kekurangan guru seramai 147 orang di sekolah menengah di Sabah, di Sarawak pula kita menghadapi kekurangan guru ada seramai 205 orang di sekolah rendah dan seramai 546 orang di sekolah menengah.

Jadi semua usaha-usaha ini sedang kita rancang dan kita akan laksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dalam rancangan lima tahun yang akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri, tidak lama lagi. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di antara faktor yang menyebabkan pencapaian kecemerlangan akademik di negeri Sabah ini yang terendah berbanding pada semua negeri adalah disebabkan kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di luar bandar. Guru-guru yang mempunyai *option* Bahasa Inggeris ini, biasa mereka lebih menumpukan di bandar dan mereka tidak mahu ke luar bandar. Jadi apakah pihak kementerian menumpukan perhatian memberi insentif kepada guru-guru Bahasa Inggeris ini supaya berkhidmat di sekolah-sekolah di luar bandar, khusus untuk guru-guru Bahasa Inggeris. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang kita katakan tadi, bahawa insentif kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris ini memang diberi 10% daripada gaji mereka di mana dia mengajar. Kemudian bagi guru pendalaman juga mereka diberikan elaun khas untuk mereka mengajar di kawasan-kawasan pedalaman.

Maka sebab itu, saya katakan tadi bahawa untuk memastikan bahawa guru-guru yang terlatih dihantar ke luar-luar bandar, maka mulai tahun depan ini kita wajibkan semua guru yang baru keluar ini akan ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar dan kita sedang membuat unjuran untuk memastikan bahawa setiap daerah akan dibekalkan dengan guru-guru yang terlatih dalam bidang masing-masing. Terima kasih.

[Soalan No. 13 – Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras) tidak hadir]

14. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah penyelesaian yang segera dan jangka panjang untuk mengatasi masalah graduan pendidikan yang menganggur serta keberkesanan langkah yang diambil kerajaan mengatasi masalah itu.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar ada masalah bagi menempatkan graduan dalam bidang pendidikan dan ada di antara mereka yang masih menganggur. Menyedari hakikat itu, Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan perlu dan kerajaan telah meluluskan beberapa tindakan termasuklah menambahkan jawatan guru, termasuklah menambahkan nisbah guru dengan bilik darjah daripada 1.5 kepada 1.7. Guru-guru yang berkenaan telah pun ditemu duga dan ada di antara mereka yang telah pun dilantik. Antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengurangkan masalah ini adalah seperti untuk menyelaraskan dengan Kementerian Pelajaran tentang unjuran keperluan guru. Fenomena ini berlaku semenjak tahun 2005 secara lebih serius. Sebelum itu, tidak berlaku begitu banyak. Kita dapati bahawa perlu diselaraskan *intake* ataupun kemasukan pelajar-pelajar ke universiti dengan keperluan Kementerian Pelajaran.

Pada masa ini, jawatankuasa ini amat cergas sekali mengadakan pertemuan dan hasil daripada pertemuan-pertemuan ini, umpamanya pada tahun kemasukan 2006-2007, berbanding bilangan tempat yang ada di IPTA sebanyak 7,500 kesemuanya sekali. Itu bilangan tempat yang ada. Hasil pertemuan dengan Kementerian Pelajaran, kita telah mengurangkan pengambilan iaitu cuma kepada

5,700. Jadi kapasitinya 7,500, tetapi yang diambil ialah 5,600. Dengan itu, kita harap dengan adanya penyelarasan yang lebih rapi di antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran, isu ini akan dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini kerajaan ingin menekankan bahawa seseorang pelajar yang mengikuti kursus perguruan itu tidak boleh diberi jaminan untuk mendapat tempat sebagai seorang guru. Kita harap pelajar-pelajar akan membuat pilihan yang tepat berdasarkan unjuran yang telah dibuat oleh kerajaan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Dapatkah pihak Yang Berhormat Menteri memberi sedikit jawapan berkaitan dengan nisbah graduan yang keluar setiap tahun daripada universiti dengan nisbah kekosongan pekerjaan yang boleh kita dapati di setiap tahun di semua agensi kerajaan dan swasta. Ini supaya kita akan melihat unjuran dari masa ke semasa tentang pengangguran siswazah-siswazah kita di masa hadapan ini.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini dalam konteks pendidikan dahulu. Seperti yang saya maklumkan tadi, mengikut kapasiti yang ada di 12 fakulti pendidikan. Di negara kita ada 12 buah fakulti pendidikan di 12 buah universiti. Kapasitinya ialah 7,500 tetapi pengambilan tahun ini ialah 5,600. Jadi 5,600 yang kita ambil tahun ini adalah hasil daripada perbincangan yang kita adakan dengan Kementerian Pelajaran berpandukan kepada keperluan oleh sekolah-sekolah di negara kita. Dalam pada itu, saya ingin tekankan di sini bahawa sekolah swasta juga memerlukan guru-guru. Pada masa ini, tidak ramai pelajar-pelajar kita yang cenderung untuk bekerja dengan sekolah-sekolah swasta.

Jadi dengan unjuran ini, insya-Allah dari segi nisbah pengeluaran graduan dengan keperluan, kita akan selaraskan dengan sebaik mungkin. Tetapi ingin saya tekankan bahawa adalah mustahil untuk kita pastikan bahawa ada dengan izin, *perfect match*. Yang boleh kita lakukan ialah untuk mengadakan unjuran dan kadang-kadang ada selisih di antara unjuran dengan apa yang kita keluarkan daripada universiti. Dalam pada itu, kita sedar perkara ini satu perkara yang serius. Oleh itu, kita akan terus meningkatkan koordinasi penyelarasan antara Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi dari segi pengambilan pelajar-pelajar di fakulti pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Keempat belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.41 [Jadual] –**Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita masih di bawah Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, sambung ucapan.

11.36 pagi.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai Maksud Bekalan dan Pembangunan 41, Kementerian Pelajaran, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah yang merangkumi Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah dan Butiran 020300 - Pendidikan Rendah. Saya hendak sentuh berkaitan dengan penggredan sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, penggredan sekolah dibuat untuk mengkategorikan sekolah kepada gred A atau gred B. Kita sedia maklum bahawa penetapan gred sesebuah sekolah tertakluk kepada beberapa kriteria iaitu *enrolment* pelajar, lokasi sekolah, jenis sekolah, sesi sekolah, aliran sekolah sama ada aliran sains, sastera, teknikal atau agama dan peringkat sekolah sama ada PMR, SPM, STPM dan sebagainya. Kita juga tahu bahawa penetapan gred sesebuah sekolah itu dapat menggambarkan perbezaan beban tugas yang jelas dan *complexity* pentadbiran di sekolah serta mempunyai implikasi pewujudan perjawatan dan kelayakan jawatan-jawatan pentadbiran seperti guru besar dan guru-guru penolong kanan, sama ada di dalam keadaan norma, perjawatan guru KBSM, KBSR ataupun di luar norma iaitu *over and above* dengan izin.

Tuan Pengerusi, penggredan sekolah dilaksanakan setiap tiga tahun sekali. Urusan penggredan semula sekolah rendah dan menengah yang terakhir telah diluluskan pada bulan November 2001. Tidak lama lagi kita akan masuk ke tahun 2007. Maksudnya sudah melebihi lima tahun penggredan semula sekolah masih tidak disempurnakan. Ini sudah tentu tidak menepati piagam kerja atau prestasi kerja kementerian. Saya ingin tahu, bilakah penggredan yang terbaru akan diluluskan?

Tuan Pengerusi, kementerian patut maklumkan kepada Dewan ini juga tentang bilangan sekolah yang dipindahkan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar kerana atas sebab kekurangan murid. Apakah gred sekolah-sekolah berkenaan sebelum dan selepas dipindahkan? Sekiranya kementerian masih ingin kekalkan sistem penggredan sekolah, saya cadangkan apabila sesebuah sekolah gred B dari luar bandar dipindahkan ke kawasan bandar, ia harus secara automatik menjadi gred A. Ini adalah kerana dari segi *enrolment* pelajar, sudah pasti akan meningkat dengan cepat. Contohnya, SJK(C) Chee Wen, USJ 1, Subang Jaya dalam kawasan Parlimen saya. Sejak perpindahan sekolah ini pada tahun 2001, sekolah ini telah berkembang dengan pertambahan murid yang amat tinggi.

Bilangan murid tahun ini adalah hampir 1,700 orang. Tetapi masih dalam gred B. Tahun hadapan 2007, SJK(C) Chee Wen ini mempunyai dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan petang. Ia juga membuka 16 kelas untuk murid Tahun 1. Ini menjadikan jumlah murid melebihi 2,200 – 2,300 orang. Maka melihat dari segi lokasi sekolah dan beban tugas serta *complexity* pentadbiran yang akan dihadapi oleh pihak sekolah, saya hendak tahu bilakah kementerian akan sedar untuk menyempurnakan penggredan sekolah ini?

Tuan Pengerusi, dalam pada itu saya berpendapat bahawa penggredan sekolah dibuat setiap tiga tahun sekali adalah tidak praktikal. Ia seolah-olah meminggirkan sekolah-sekolah tertentu dan meletakkan sekolah itu mempunyai kelas, mempunyai taraf atau *standard* yang berlainan dan melahirkan tanggapan bahawa kementerian tidak prihatin terhadap beban sekolah dan pegawai-pegawai yang terlibat.

Saya berpendapat bahawa proses penggredan sekolah hendaklah fleksibel dan bukannya sekali dalam tempoh tiga tahun. Sama seperti kenaikan pangkat pegawai-pegawai di mana ianya patut bergantung kepada kelayakan, keperluan, perjawatan, kesesuaian dan keperluan semasa. Dan bukannya dihadkan hanya untuk tiga tahun sekali sahaja.

Dan sepatutnya Tuan Pengerusi, semua sekolah diberi taraf dan layanan yang saksama. Tidak kira lokasi sekolah, sama ada bandar atau luar bandar, tidak kira aliran sekolah sama ada aliran Sains, Sastera ataupun Teknikal. Bagi anggota pendidik yang diberi tugas tambahan dalam urusan pentadbiran sebagai guru penolong kanan (GPK) seperti di sekolah rendah iaitu GPK Akademik, GPK Kokurikulum atau GPK Hal Ehwal Murid. Saya cadangkan mereka semua ini diletakkan dalam perjawatan luar norma. Ini adalah kerana semua GPK memainkan peranan yang sama penting malah falsafah pendidikan negara kita tidak hanya mementingkan pencapaian akademik tetapi mengutamakan perkembangan pelajar dan pembinaan insan yang seimbang dalam empat aspek iaitu rohani, jasmani, intelek dan emosi.

Tuan Pengerusi, Butiran 03900 - Pembelian Tanah Pendidikan Pelbagai Negeri yang melibatkan anggaran RM120 juta. Kebiasaannya tanah pendidikan khususnya tanah untuk pembinaan sekolah akan disediakan oleh pihak pemaju dalam sesuatu kawasan pemajuan yang baru. Oleh itu, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian tentang kegunaan anggaran peruntukan tersebut, dimanakah tanah yang ingin dibeli dan apakah tujuan tanah berkenaan? Seperkara lagi yang berkaitan dengan soal tanah dan juga tapak sekolah.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu juga apakah keluasan tapak rizab sekolah yang biasanya akan diserahkan oleh pihak pemaju itu cukup untuk membina sebuah sekolah yang lengkap dengan segala kemudahan dan prasarana termasuklah prasarana untuk aktiviti sukan dan kokurikulum?

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa kementerian mungkin mempunyai pandangan yang berbeza daripada segi kegunaan tanah ataupun tanah yang telah dirizabkan sebagai tapak sekolah. Oleh itu, saya hendak tanya selama ini berapakah tapak sekolah telah ditukar untuk kegunaan lain dengan persetujuan pihak kementerian? Sedarkan pihak kementerian bahawa masih terdapat sekolah yang terletak di atas tanah sementara, berada di dalam keadaan yang menyedihkan. Seperti contoh, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sea Port di SS7/4 berdekatan dengan rumah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Sekolah ini telah wujud sejak tahun 1950-an dan telah memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak muda. Saya berharap pihak kementerian dapat meneliti keadaan sekolah berkenaan yang masih terletak di atas tapak sementara di Jalan SS7/4 Kelana Jaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sekejap lagi. Walaupun dikelilingi oleh bangunan rumah banglo mewah, sekolah berkenaan masih dalam keadaan daif dan serba kekurangan. Dan terdapat sebidang tanah di Kampung Lindungan (PJS6) yang telah dijanjikan sebagai tapak untuk sekolah kebangsaan dan SJKT Sea Port tapi saya dimaklumkan bahawa ada cadangan untuk menukarkan kegunaan tanah tersebut. Sekiranya perkara ini benar, maka saya rasa pihak kementerian sepatutnya berbincang dengan masyarakat tempatan dan pihak PIBG sekolah supaya sebelum pihak kementerian memberi komen bahawa tidak ada halangan untuk menukar tajuk kegunaan tanah tersebut kerana ini melibatkan kepentingan masyarakat ataupun masa hadapan generasi kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir, Butiran 021000 - Pendidikan Sukan dengan anggaran RM56,359,200. Kementerian melalui Program Pembangunan Sukan seperti Sukan Untuk Semua, Sukan Untuk Kecemerlangan, Sukan Untuk Perpaduan, di sekolah ingin melahirkan masyarakat pelajar yang sihat, cergas dan menjana atlet yang berprestasi tinggi. Kita menyedari hakikat bahawa sekolah di negara kita menjadi gedung yang terdekat, mudah dan berkesan mengumpulkan anak-anak muda untuk menjalankan latihan sukan tetapi masih kekurangan kemudahan padang, dewan serba guna dan peralatan yang sesuai untuk latihan sukan. Di kawasan saya banyak sekolah kena sewa padang dengan MPSJ untuk mengadakan acara sukan dan sebagainya.

Maka saya ingin bertanya, bilakah kementerian akan membuat ketetapan dan apakah tempoh sasaran agar semua sekolah dalam negara kita mempunyai padang dan dewan serba guna sekolah untuk tujuan pembangunan sukan menerusi sekolah-sekolah bagi merealisasikan tahap kegemilangan sukan negara dalam jangka masa panjang? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Kota Belud.

11.45 pagi.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya ingin terlibat dalam perbahasan ini dengan merujuk kepada Butiran 02000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Saya cuma ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran berhubung keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini bagi Sekolah Kebangsaan Pulau Mentanani dalam kawasan Parlimen Kota Belud. Keputusan UPSR bagi SK Pulau Mentanani tahun ini sekali lagi sifar maknanya tidak ada seorang pun yang lulus. Semua 26 murid yang menduduki ujian tersebut, gagal. Ia satu keputusan yang sangat mendukacitakan, menyedihkan dan sangat memalukan baik kepada ibu bapa, guru, jabatan, kementerian dan juga pemimpin. Terasa begitu perit untuk diterima tetapi itulah hakikatnya.

Bagi keputusan UPSR tahun ini, pencapaian SK Pulau Mentanani agak rendah, dengan Bahasa Melayu pemahaman hanya 46.2%, penulisan 7.7%, Sains 7.7% manakala Matematik dan Bahasa Inggeris masing-masing tiada yang lulus atau dalam erti kata lain 0%. Tambah mengaibkan lagi kerana ini adalah tahun kedua berturut-turut SK Pulau Mentanani mencatat kegagalan 100% di peringkat UPSR. Sesuatu mesti dilakukan segera dan mesti bersifat drastik. Keadaan tidak boleh dibiarkan lagi, ia sudah berada di tahap serius dan kritikal. Justeru itu kita meminta Kementerian Pelajaran menjalankan kajian bagi mengenal pasti yang membawa kepada kemerosotan yang begitu teruk dan seterusnya mengemukakan cadangan dan kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.

Pada pandangan saya, ada beberapa sebab yang memungkinkan keadaan tersebut berlaku. Pertama, kemudahan asas pembelajaran. Bukan sahaja dari segi bangunan tempat belajar yang perlu diambil kira tetapi juga merangkumi kelengkapan dan peralatan pengajaran yang digunakan. Dalam kes di Pulau Mentanani ini, satu daripada masalah yang dihadapi di situ ialah bekalan elektrik di mana ketika ini hanya dibekalkan selama 12 jam sehari. Justeru kita meminta Kementerian Pelajaran memanjangkan perkara ini kepada kementerian yang berkenaan. Pihak saya telah pun menulis beberapa kali tetapi sehingga sekarang jawapan yang standard yang kita perolehi.

Kedua, perkhidmatan guru-guru selaku tenaga pengajar, kita mahu guru-guru yang bertugas di sini memberikan komitmen sepenuhnya terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan. Kita mahu lebih ramai guru siswazah ditempatkan di kawasan terpencil seperti Pulau Mentanani sebab anak-anak di pedesaan juga dapat menikmati pendidikan berkualiti sebagaimana yang dinikmati anak-anak di kawasan bandar. Justeru itu kita menyarankan agar Kementerian Pelajaran menyediakan insentif tambahan kepada guru-guru yang dihantar di kawasan terpencil seperti Pulau Mentanani sebagai tambahan kepada elaun khas, elaun hidup susah disediakan untuk guru-guru yang bertugas di kawasan luar bandar tetapi amaunnya difahamkan berbeza-beza mengikut jarak dan kawasan. Bagi saya guru-guru yang ditugaskan di Pulau Mentanani layak mendapat kemudahan yang maksimum dengan mengambil kira jarak lokasi dan risiko yang terpaksa dihadapi. Guru-guru yang bertugas di sini terpaksa meredah laut yang bergelora sepanjang perjalanan kira-kira dua jam dari tanah besar Kota Belud.

Tuan Pengerusi, saya juga merasakan bahawa guru-guru yang ditempatkan di situ bukan sahaja mempunyai ijazah tetapi ada kemahirannya untuk membantu anak-anak yang berada di kawasan sedemikian. Kerana biasanya juga kadang kala kalau ditugaskan di kawasan sedemikian, sudah tentu persekitarannya berbeza dengan di kawasan bandar. Maka kita kena pastikan guru-guru yang terlibat mempunyai komitmen, mempunyai minat yang mendalam dalam hal-hal untuk membantu anak-anak di kawasan itu.

Perkara ketiga, kemerosotan sebegitu juga sedikit sebanyak ada kaitannya dengan ibu bapa sendiri yang majoriti mereka adalah nelayan tradisional di Pulau Mentanani ini dan majoritinya adalah daripada masyarakat Ubiyan dan Bidadan

Mereka ini perlu diberi kesedaran mengenai pentingnya pendidikan sebagai jaminan hidup masa depan untuk membebaskan mereka daripada kepompong kemiskinan. Oleh itu saya rasakan bahawa Kementerian Pelajaran kena mencari jalan bagaimana mendekati mereka ini dan kemungkinan satu seminar keibubapaan dapat diadakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Khusus untuk memberi kesedaran kepada mereka.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana telah pun mengadakan lawatan ke Daerah Kota Belud dan telah pun mengumumkan peruntukan melebihi RM130 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dan saya berharap sungguh agar peruntukan tersebut dapat ditentukan, dapat juga membantu menyelesaikan masalah di Pulau Mentadan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

11.50 pagi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih. Saya pun lama juga Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian membahaskan dalam Jawatankuasa mengenai Kementerian Pelajaran. Yang pertama sekali saya ingin rujuk kepada Butiran 020300. Kita nampak jawapan-jawapan dari kementerian apabila kita katakan kekurangan guru Bahasa Inggeris di luar-luar bandar mereka menjawab mengatakan, insentif yang dibagi adalah 10% daripada gaji untuk mereka pergi ke luar bandar. Tetapi saya nampak 10%, kalau gaji guru RM3,000 dia hanya terima RM300 sebulan.

Siapa guru pakar bahasa Inggeris mahu pergi ke luar bandar di mana rumah tidak ada, air tidak ada, lampu tidak ada sedangkan apabila mereka berada di dalam bandar mereka boleh ambil tuisyen mungkin mereka boleh dapat RM1,000, RM2,000 tambahan daripada gaji. Jadi saya minta 10% ini tidak mencukupi. Ada satu usaha baru untuk memperbaiki keadaan ini kita bagi insentif yang lebih kepada guru-guru. Itulah kita nampak di luar-luar bandar di Sabah keputusan UPSR begitu merosot sekali, kerana guru-guru pakar bukan sahaja dalam Bahasa Inggeris tidak mahu pergi ke luar bandar. Jadi saya cadangkan supaya kementerian mungkin pada masa-masa akan datang apabila mengambil guru untuk dilatih menjadi guru, masuk maktab, dan kemudian disyaratkan apabila mereka keluar, mereka mahu pergi ke luar bandar, disyaratkan, kalau tidak mereka ini tidak akan pergi ke luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana di Kalabakan, semua sekolah seperti mana yang diumumkan oleh Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein iaitu Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah sebut namalah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengumumkan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar dan dalam bandar di Kalabakan, mereka ini dibagikan komputer supaya mereka ini dapat akses kepada komputer. Ini bagi pihak rakyat Kalabakan kita mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100 mengenai pemakanan ini sangat hebat sekali. Pemakanan tambahan yang kononnya dibagi secara berzat ini dibagi kepada budak-budak yang miskin yang di luar bandar banyak menerima bantuan makanan. Tetapi apabila kita selidik, pemakanan yang dibagi ini menguntungkan guru-guru dan juga kontraktor yang *supply* makanan. Budak-budak yang dibagi makan ini hanya dibagi mi segera sahaja, walhal kontraktor dan guru mungkin untung lebih daripada apa yang kita uar-uarkan dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi saya cadangkan Tuan Pengerusi kerana sekarang di luar bandar anak siapa pun, anak saya pun kalau ada di luar bandar dia dapat makanan. Anak kontraktor pun dapat makanan, anak-anak orang berada pun dapat makanan kerana dalam satu sekolah semua dibagi makanan. Jadi saya cadangkan supaya cara lain kita membagi kepada orang-orang di luar bandar, anak-anak luar bandar ini yang tidak layak seperti anak saya tidak dibagi makan, tetapi yang penting mungkin bukan bagi makanan, bagi insentif lain. Kalau kita bagi satu budak makan RM6 sehari, sebulan RM180. Anak saya pun ikut makan mungkin anak kontraktor pun ikut makan, anak ahli majlis perbandaran pun ikut makan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada minta penjelasan. Kalau sokong tidak payah minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sangat kagum dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kalabakan, ini memang satu cadangan yang sangat baik. Di negara-negara yang ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, penjelasan sebelum itulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sokong, soalan tidak payah berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu, sebelum itu akan sokong. Di negara-negara yang mana mereka hendak menggalakkan anak mereka pergi, ibu bapa yang miskin yang hantar anak mereka ke sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu caranya ialah memberi insentif makanan. Kalau anak ini datang ke sekolah hari ini dia dapat RM3 untuk makanan. Saya rasa cara ini boleh dipakai di Malaysia, apakah pendapat Yang Berhormat bagi Kalabakan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sebenarnya saya belum habis. Cadangan saya kita tidak bagi makanan, cadangan saya kita asingkan orang yang berada kepada orang yang miskin. Mungkin kalau kita ada RM400 juta untuk dibelanjakan, yang untung kontraktor dan guru. Jadi saya cadangkan kita daftar semula rakyat yang miskin, maka kita bagi insentif ini kepada budak yang miskin atau kepada ibu bapa supaya mereka boleh membelanjakan dengan tidak ada makanan dibagi di sekolah. Ini lebih baik, kalau dua anak dia dapat RM360, kalau satu anak RM180 kalau RM6 satu hari, ini cadangan saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, dalam butiran yang sama juga kita nampak ada pusat-pusat sumber di sekolah-sekolah yang menjaga pusat sumber ini mungkin PIBG sahaja. Pusat sumber ini tidak ada bahan-bahan bacaan. Jadi saya cadangkan supaya kementerian usahalah untuk mendapatkan buku-buku yang bererti disalurkan kepada pusat sumber sekolah ini supaya mereka dapat buku-buku yang mereka kehendaki untuk pelajaran mereka. Jadi Tuan Pengerusi, saya dengan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga mungkin perkara ini dapat diambil tindakan dengan segera oleh Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tetapi lain hari jangan tegurlah akan sampai, akan diberi peluanglah.

11.57 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sangat terima kasih Tuan Pengerusi. Semalam Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa masalah sekolah kurang murid yang terdapat di 531 Sekolah Jenis Kebangsaan, SRJKC di seluruh negara perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembinaan SRJKC baru dibuat di kawasan bandar dan luar bandar.

Yang pertama, saya hendak katakan saya tidak setuju dengan dasar ini dan saya hendak tanya sama ada MCA, GERAKAN, MIC, SUPP juga setuju dengan dasar ini kerana saya tahu sekarang ini kita ada *mismatch* di mana ada sekolah yang kekurangan murid juga ada di tempat-tempat tiada sekolah.

Tetapi sekarang pun ada *mismatch* perumahan, ada di tempat-tempat ada kelebihan bekalan kedai dan rumah. Adakah kita katakan sehingga semua rumah yang belum dijual ini dijualkan, habis jual barulah boleh bina perumahan yang baru. Kita tidak akan memakai dasar yang sebodoh ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi untuk sekolah kita hendak pakai dasar yang bodoh ini? Ini bukan sahaja bodoh ini tidak menghormati kehendak masyarakat Cina.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju nampaknya ini satu dasar yang baru, tidak pernah disuarakan kenapa ini boleh dibuat dan kenapa ada sokongan MCA, GERAKAN, MIC dalam perkara ini yang begitu tidak adil?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah masalah di dalam Barisan Nasional, rakan-rakan atau komponen parti tidak dipedulikan sama ada mereka ada pendapat atau tidak. Saya rasalah mereka tidak dilayan dengan saksama. Apa yang dikatakan oleh menteri ialah murid di SRJKC Central High di Segamat hanya ada dua orang dan tiga guru.

Saya hendak tanya, adakah murid yang terlebih yang hendak pergi ke SRJKC di Skudai atau di Tebrau hendak pergi ke sekolah ini? Adakah ia logik hendak suruh murid-murid yang di Johor Bahru pergi ke tempat ini? Ini saya rasa satu dasar yang sangat bodoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk kepada perkara yang kedua, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Perkara yang kedua ialah saya hendak tahu pendidikan rendah ini, berapa sekolah SRJKC dan SRJKT baru yang hendak dibina. Saya rasa kerajaan tidak boleh memakai penyelesaian yang bodoh ini. Dia mesti lebih bijak supaya selaras dengan dasar kerajaan yang ingin menjaga dan membela semua rakyat dari semua bangsa. Jadi saya rasa perlunya beritahu berapa buah SRJKC dan SRJKT baru yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Rancangan Malaysia Kesembilan ialah untuk merancang. Mana boleh kata kita tidak boleh beritahu sekarang apakah rancangannya. Ini untuk *forward planning*. Kalau dia tidak boleh beritahu apakah *forward planning* itu. Saya juga ingin tahu pada tahun 2008, apakah bahasa yang akan dipakai untuk peperiksaan UPSR untuk mata pelajaran Matematik dan Sains dan bilakah kerajaan akan kaji semula. Semalam kita dengar Yang Berhormat bagi Puchong memuji Menteri Pelajaran bahawa sangat adil dan layak menjadi Menteri Pelajaran kerana telah meminda satu sekolah dari negeri Perak ke tempat dia. Tetapi di seluruh negara masih kekurangan 124 sekolah. Beliau tidak peduli hanya kerana semata-mata kawasan dia sudah dapat satu sekolah.

Dia juga tidak peduli bahawa Pemuda UMNO telah menghina Ketua Menteri Pulau Pinang daripada parti dia sendiri. Saya rasa sikapnya ini bukan berdasarkan prinsip tetapi berdasarkan bahawa itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada perkara lain?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Societal interest*. Ada, ada lagi ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri, kalau dia memandang perkara itu dan bukan berasaskan kepada siapa yang cakup, dia patut mengadakan satu respons yang konsisten apabila Ketua Menteri Pulau Pinang membuat cadangan untuk mengkaji semula dasar mengajar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketua Menteri, dia bukan jaga Kementerian Pelajaran, jadi tidak perlu kaitkanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hanya hendak menunjukkan bagaimana Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak konsisten dalam isu pelajaran iaitu apabila Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun lalu, dia mengatakan bahawa perlu mengkaji semula dasar mengajar pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Apakah respons Menteri Pelajaran? Dengan izin, "*Education Minister, Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein tersely said he would not entertain the move by Gerakan Party Leader in raising the issue on the teaching of Science and Mathematics in English in school and wanted the Gerakan Deputy President to be more responsible. Hisham described the statement from Tan Sri Dato' Koh Tsu Koon who is also Chief Minister of Penang as irresponsible and unrealistic besides jeopardizing the position of the student.*"

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, itu cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah baca lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini cukup untuk menunjukkan. Tetapi baru-baru ini apabila UMNO Johor membantah dasar yang sama, adakah Menteri Pelajaran respons dengan sikap yang sama? Tidak! Ini menunjukkan bahawa Menteri Pelajaran ini tidak konsisten. Dia bukan, dalam percakapan Cina kerana Tuan Pengerusi tahu, dia [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Dia bukan respons...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena bercakap sesuatu yang semua faham.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak *explain*lah, hendak terangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau untuk saya sahaja, boleh berbincang di luar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak terangkan bahawa dia bukan respons mengikut isu tetapi berdasarkan siapa yang cakap iaitu yang selalu dikatakan di Malaysia, "*is know what you know, but who you know*". Samalah dengan sikap itu, tidak berdasarkan kepada prinsip. Ini menjadi masalah kepada kita semua.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu pendidikan khas, bagaimana Menteri Pelajaran merancang pendidikan khas ini untuk OKU kerana kita mendapati bahawa pada waktu sekarang tidak ada data yang spesifik untuk *autistic*, untuk *down syndrome* dan untuk *slow learner*. Jadi mereka dilayan seperti semua sama tetapi kita tahu mereka adalah tidak sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah, Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak merayu supaya kita lebih adil kepada OKU ini. Berilah sebanyak yang boleh. Mengapa kita tidak boleh? Kita ada begitu banyak duit untuk projek kecil. Biarlah kita belanja untuk projek yang besar untuk pendidikan khas untuk SRJKC dan SRJKT dan semua sekolah di Sarawak dan Sabah. Sekolah kebangsaan selalunya telah mewah. Dalam SJRK pun perlu berbelanja. Bagilah, jangan kita abaikan mana-mana sekolah atau mana-mana budak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, objektif pendidikan, objektif Kementerian Pelajaran adalah begitu mulia sekali. Dia hendak melahirkan bangsa Malaysia yang bersepadu, beriman dan berikrar. Tetapi saya rasa untuk mencapai objektif ini Menteri Pelajaran mesti memberi satu contoh teladan yang baik. Teladan yang baik ialah dia mesti menjadi menteri untuk semua kaum. Dia mesti menjadi menteri yang pandai, menteri yang mengeluarkan penyelesaian yang pandai, bukan penyelesaian atau dasar yang bodoh. Beliau juga mesti menunjukkan yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah sebutkan bodoh-bodoh selalulah, nanti kita pun bodohlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu penyelesaian yang bodoh. Saya bukan kata dia bodoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Bukan, bukan, saya kata tidak payah kita sebutkan perkataan itu. Nanti yang cakap pun jadi bodoh. Tidak payah cakaplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak bijaklah, tidak bijak ya. Tuan Pengerusi, saya rasa yang semalam kita dengar bahawa keris itu adalah budaya orang Melayu tetapi keris itu pun adalah budaya bangsa-bangsa yang lain. Menunjukkan keris dalam konteks perhimpunan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semalam sudah bangkit lama dan panjang lebar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja, dia tidak jawab. Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Dalam konteks Perhimpunan Agung UMNO dan dengan perkataan-perkataan ingin mandi darah dan menunjukkan keris ini. Kita hanya

boleh buat satu kesimpulan untuk berperang. Berperang dengan siapa? Hendak darah siapa? Hanya orang bukan Melayu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ini terkeluar daripada butiran, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa walaupun Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga ada keris tetapi yang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong itu, beliau ialah seorang pemerintah. Itu kuasa pemerintahan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa Menteri Pelajaran untuk samakan beliau dengan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, Yang Berhormat cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya haraplah janganlah gunakan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:gunakan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong lagi untuk menjelaskan perangai sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, sedikit, sedikit. Penjelasan sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam konteks menunjukkan keris ada di sini satu *quotation*, "*Tuan shift the keris in front of the society, the keris and the keris owner and expression of crude brutish masculinity, the bordered on the uncivilized and the bashing.*" Bukan saya, orang Melayu! Orang Melayu yang tulis ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terkeluar daripada tajuk, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Malay culture, disperse the keris.* Jangan Menteri Pelajaran menunjuk teladan yang buruk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Siapa yang hendak berucap bangun? Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sila.

12.10 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Izinkan saya merujuk kepada Butiran 010600 Pengurusan Basiswa dalam perkara B.41.

Kalau kita melihat anggaran perbelanjaan untuk tahun 2007 yang berjumlah RM388.6 juta, muka surat 442. Ada kekurangan hampir 20 juta kalau dibandingkan dengan anggaran untuk tahun 2006. Adakah jumlah pelajar yang memerlukan bantuan oleh Kementerian Pelajaran telah menurun. Ataupun subsidi untuk bantuan pelajaran pelajar yang telah dikurangkan. Ini adalah persoalan yang saya hendak anjurkan.

Di sini saya merujuk kepada satu laporan akhbar *New Straits Times* pada 25 November tahun ini, muka surat 19, tentang seorang pelajar darjah 4 yang bernama Rajina yang tidak dapat meneruskan pelajarannya kerana keluarganya tidak mampu membayar tambang bas yang berjumlah RM40 sahaja. Rajina bukan satu kes yang khas. Kita boleh mendapati di seluruh Malaysia kisah-kisah sedih seperti Rajina ini tetapi tidak dilaporkan oleh akhbar atau majalah. Di mana kerana kemiskinan dan sekarang ini kemiskinan akan bertambah teruk kerana pagi semalam kenaikan harga minyak dan petrol telah diisytiharkan oleh menteri berkenaan. Seperti mana yang diumumkan Menteri Kerja Raya. Kenaikan tol di lima buah lebuhraya yang utama semuanya menambah kepada inflasi secara umum.

Mengikut data yang disediakan oleh sebuah NGO, Prim yang prihatin kepada sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Tamil, 70% daripada 524 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tidak menerima bantuan walaupun hampir 90% daripada murid-murid mereka adalah daripada keluarga yang miskin. Jadi langkah

untuk mengurangkan biasiswa untuk pelajar yang miskin adalah satu langkah yang tidak wajar sama sekali.

Walaupun Yang Berhormat Menteri Pelajaran semalam telah mengatakan bahawa bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil itu adalah bawah Akta Pendidikan di mana tidak boleh dicampuri, tapi ini adalah dalam urusan pentadbiran. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melihat pada situasi mereka yang daif di sekolah-sekolah berkenaan dan juga pelajar-pelajar miskin dan tidak ada halangan untuk kerajaan dan Kementerian Pelajaran khususnya untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 2 (b) 20800 - Perkembangan Kurikulum dan P 01700 - Pusat Perkembangan Kurikulum. Seperti mana yang diumumkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri pada bulan September, pemantauan ataupun *survey* kementerian tersebut telah melaporkan bahawa sejak pendidikan Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris telah diperkenalkan tiga tahun lalu, hampir 6% daripada jumlah pelajar telah gagal dalam mata pelajaran Matematik. Manakala dalam mata pelajaran Sains, hampir 20% telah gagal.

Sejak eksperimen ini diperkenalkan, pakar pendidikan telah mengatakan bahawa ini satu ujian yang tidak munasabah dan tidak akan berjaya. Di mana mereka yang mengemukakan data dan penyelidikan jelas menunjukkan bahawa pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar lebih memberikan keputusan yang lebih cemerlang.

Pelajar-pelajar kita tidak sepatutnya menjadi alat ujian kerana mereka adalah harapan masa depan negara. Saya menyeru Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula kurikulum Matematik dan Sains dengan objektif untuk mengembalikan kepada sistem pengajaran tiga tahun yang lalu kerana *survey* kementerian sendiri telah menunjukkan kegagalan eksperimen ini secara *conclusive*. Janganlah kita gadaikan masa depan anak-anak kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi izinkan saya mengemukakan perkara yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran Tinggi tetapi malangnya dihalang daripada dilapor oleh akhbar-akhbar Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Butiran yang terbabit adalah P.41 Butiran 00100 Pendidikan Pra Sekolah dan Rendah, dan 00200 Pendidikan Menengah dan Matrikulasi.

Kejadian perbelanjaan kerajaan yang disalahgunakan seperti mana yang didapati di Sekolah Jenis Kebangsaan Kung Yu, Johor, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Mah Hua di Kepala Batas, Penang dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan 'Sin Bin' di Klang, Selangor adalah satu perkara yang harus dipandang secara serius di mana tindakan tegas mesti diambil. Keselamatan struktur dan bangunan sekolah-sekolah harus diutamakan kerana nyawa pelajar dan satu nyawa telah kehilangan.

Seorang guru di Kedah, saya sendiri telah pergi melawat di situ di mana keselamatan, nyawa mereka telah hilang. Kalau kita tidak memantau bagaimana dana untuk Butiran ini digunakan, kita akan dapati lebih banyak lagi kes-kes salah guna kuasa ini.

Soalan saya adalah bagaimana Kementerian Pelajaran boleh memastikan bahawa perkara yang membabitkan sekolah-sekolah yang disebut tadi tidak akan berulang lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

12.16 tgh.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh tajuk 02000 - Pendidikan Rendah dan Menengah, Butiran 02010-Pengurusan Sekolah. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang *enrolment* murid-murid di sekolah. Kita tahu terdapat ketidak seimbangan *enrolment* murid-murid di sekolah terutamanya di bandar dan luar bandar. Di bandar-bandar kita dapati bahawa *enrolment* murid-murid adalah begitu besar iaitu lebih daripada 1500 sehingga mencecah kepada 3000 orang murid. Ini selalunya berlaku di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Pengerusi, setakat ini, apakah tindakan kementerian untuk menyediakan satu persekitaran yang begitu *conducive* kepada murid-murid dan guru-guru di sekolah untuk P&P iaitu Pembelajaran dan Pengajaran. Nisbah guru dan murid di dalam kelas juga ada yang telah mencecah satu kepada lebih daripada 50 orang murid (1:50). Dalam hal ini Tuan Pengerusi, suasana sebegini sudah tentunya akan menimbulkan masalah terutamanya masalah disiplin, masalah keciciran dan akhirnya murid-murid terkandas. Dalam hal ini ia sudah tentunya akan menyebabkan modal insan negara kita juga tidak akan tercapai apalagi kalau negara kita menekankan banyak tentang modal insan.

Kita inginkan rakyat Malaysia kita berkualiti dan kalau suasana di sekolah tidak *conducive*, bagaimanakah kita dapat melahirkan rakyat yang betul-betul berkualiti yang akan memberi sumbangan kepada negara kita.

Oleh itu, saya memohonlah kepada kementerian, supaya tindakan segera perlu diambil untuk mengatasi masalah murid-murid yang mempunyai *enrolment* yang begitu besar. Itu sahaja sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

12.19 tgh.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara sahaja ialah mengenai Butiran 020300 - Pendidikan Rendah. Tuan Pengerusi, kawasan Gelang Patah merupakan sebuah kawasan pembangunan pesat dan penduduk bertambah pesat juga. Semakin makmur suatu kawasan, semakin banyak masalah timbul. Salah satu masalah yang amat membimbangkan saya ialah kesesakan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Di kawasan saya mempunyai lapan buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Dua buah sekolah SJK (C) Kuo Kuang 1 mempunyai seramai 4500 pelajar dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang 2 mempunyai dekat 4000 pelajar. Kedua-dua sekolah ini merupakan sekolah yang paling ramai pelajar di seluruh negara.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah meluluskan SJK(C) Tau Boon dipindahkan dari daerah Kluang ke kawasan saya untuk meringankan kesesakan pelajar di kawasan ini. Ini membuktikan bahawa Kementerian Pelajaran mengambil perhatian masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan ini. Tetapi memandangkan penduduk bertambah dengan begitu pesat, sekolah baru masih diperlukan dari semasa ke semasa.

Saya berharap pihak kementerian dapat mendirikan lebih banyak SJK(C) di kawasan Gelang Patah dengan mengikut keperluan rakyat atau penduduk di kawasan ini. Soalan yang saya ingin tanyakan ialah adakah pihak kementerian merancang untuk membina SJK(C) baru di kawasan Gelang Patah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai masalah yang masih dihadapi oleh sekolah-sekolah di kawasan Gelang Patah ialah masalah kekurangan guru yang berkelayakan daripada kementerian. Mengikut kajian, SJK(C) masih kekurangan sebanyak 128 orang guru yang berkelayakan. Maka pihak sekolah terpaksa mengambil guru sementara untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru ini.

Tuan Pengerusi, cara ini bukanlah suatu penyelesaian yang berkesan kerana ia merupakan langkah jangka pendek dan masih akan mengalami masalah yang sama pada masa hadapan. Kebanyakan guru-guru sementara adalah terdiri daripada pelajar yang baru habis bersekolah dan sedang menunggu keputusan peperiksaan dan bersedia untuk melanjutkan pelajaran yang akan ditawarkan.

Sebaik sahaja kolej-kolej atau universiti memulakan pelajaran, masalah kekurangan guru akan timbul semula. Ini amat membimbangkan pihak sekolah kerana fenomena selalu menukar guru ini menyebabkan pelajar-pelajar mula mengabaikan pelajaran mereka dan menjejaskan kebolehan dalam penerapan ilmu. Walaupun masalah ini merupakan masalah yang lama tetapi sehingga sekarang masih belum dapat diselesaikan.

Soalan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai rancangan atau tindakan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Kuala Krai.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Kuala Krau, minta maaf. Kuala Krau.

12.24 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 020900 – Pengurusan Buku Teks. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana pada tahun ini hampir 90% atau lebih, semua pelajar-pelajar seluruh negara termasuk anak-anak guru telah diberikan skim pinjaman buku teks.

Menjelang pada tahun 2008, buku teks akan diberikan kepada semua pelajar-pelajar di seluruh negara tanpa mengira latar belakang keluarga dan ekonomi masing-masing. Cuma di dalam memberikan skim pinjaman buku teks ini, saya juga ingin mencadangkan supaya sekolah agama rakyat yang mana Kementerian Pelajaran telah bersama-sama dengan Jabatan Agama Islam di negeri Pahang telah memberikan peruntukan lebih RM1 juta setiap tahun untuk membaik pulih bangunan dan sebagainya. Cuma saya cadangkan supaya pengurusan buku teks atau skim pinjaman buku teks dan juga alat-alat bantuan mengajar di sekolah agama rakyat juga hendaklah diberikan secara percuma kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Yang keduanya, Butiran 020400 - pendidikan menengah. Mengenai senarai Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pembinaan Sekolah Menengah Kuala Krau II yang telah dipohon dan tanah juga telah digezetkan di atas nama Kementerian Pelajaran dan saya memohon supaya Sekolah Menengah Kuala Krau II ini dapat dibina di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana Sekolah Menengah Kuala Krau yang ada sekarang ini mempunyai lebih 1,200 orang pelajar yang begitu sesak sekali untuk keselesaan di sekolah menengah tersebut.

Yang ketiganya tentang pendidikan sekolah rendah di mana guru-guru yang cuti bersalin dua bulan. Baru-baru keputusan UPSR di Sekolah Kebangsaan Paya Ara seramai dapat 5A dan 10 orang yang dapat 4A 1B. Malangnya yang dapat 4A 1B adalah Bahasa Inggeris di sekolah ini berada di luar bandar dan guru Bahasa Inggeris pada ketika itu cuti bersalin tidak ada guru yang *optionnya* sama yang sepatutnya menggantikan guru Bahasa Inggeris yang bersalin itu untuk mengajar Bahasa Inggeris. Inilah satu perkara yang perlu dilihat di kementerian mengenai guru-guru yang bersalin hendaklah diganti mengikut *option* masing-masing.

Yang keempatnya Butiran 020200 - pendidikan prasekolah. Laporan yang saya terima daripada pejabat pelajaran daerah menyatakan bahawa murid-murid atau pelajar yang mengikuti prasekolah di sekolah kebangsaan begitu ramai. Mereka terpaksa mengikuti Program KIA 2M tidak seperti kalau dibandingkan yang pelajar atau kanak-kanak kita yang berada di tadika KEMAS dan Perpaduan dan sebagainya tidak perlu lagi mengikuti kelas KIA 2M. Saya memohon supaya pihak kementerian melihat kembali kurikulum

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah empat perkara. Cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: empat perkara, satu lagi tentang terima kasih lah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Yang terakhirlah. Yang akhir.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang akhir, terima kasih kerana menghapuskan yuran peperiksaan. Cuma saya membawa hasrat daripada guru-guru setelah dihapuskan yuran peperiksaan, guru-guru yang terlibat dengan memeriksa dan menyemak kertas-kertas peperiksaan ini hendaklah dibayar seperti biasa elaun mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman. Sri Aman tidak perlu panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tidak berapa panjang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Biasanya Yang Berhormat suka cakap panjang. Saya menasihatkanlah.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Oleh kerana itu, saya minta kerjasama Tuan Pengerusi bagi saya sedikit masa yang lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Tidak.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Dasar Baru iaitu implementasi bahasa Iban di Tingkatan 4 dan 5.

Pertama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kementerian dan pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Bahagian Kurikulum kerana memberikan kerjasama yang begitu mengagumkan terhadap implementasi bahasa Iban pengajaran dan pembelajaran di Sarawak. Tetapi saya masih ada beberapa soalan.

Yang pertama, untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban untuk Tingkatan 4 dan 5 yang akan diimplementasikan pertama, bilakah ia akan dimulakan dan yang kedua apakah status buku teks yang akan digunakan dan seterusnya saya juga minta apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melatih guru yang akan mengajar bahasa ini di Tingkatan 4 dan 5.

Saya juga ingin menanyakan apakah rancangan universiti-universiti ataupun institusi latihan guru untuk melatih guru untuk mengajar bahasa Iban. Ini telah dipersetujui lebih 10 tahun dahulu tetapi saya nampak sehingga hari ini program ini belum dijalankan dengan sempurna.

Kedua, kita ada buku teks bahasa Iban dari darjah tiga hingga tingkatan tiga tetapi buku teks ini sudah ketinggalan zaman dan saya bertanya bilakah penilaian semula akan dibuat oleh kerana isi kandungan buku-buku teks ini sudah ketinggalan zaman, isu yang dalam buku itu sudah lapuk dan data-data, ejaan-ejaannya sudah tidak sempurna lagi.

Seterusnya saya ingin bertanya mengapa masih begitu banyak sekolah mengajar bahasa Iban di luar waktu dan mengapa juga sekolah-sekolah yang dipenuhi oleh murid dari kaum Iban tidak mengajar bahasa Iban. Di satu daerah, di Daerah Tatau, di kawasan Parlimen Selangau hampir seratus peratus sekolah adalah sekolah yang dipenuhi murid dari kaum Iban tetapi mengapa begitu sedikit sekolah itu mengajar bahasa Iban. Oleh kerana saya menerima aduan dari ibu bapa dan dari pemimpin-pemimpin masyarakat, mereka sangat tidak puas hati di mana pengundi seramai hampir 90% dari kaum Iban tetapi bahasa Iban tidak diajar di sekolah-sekolah di kawasan dan di daerah itu.

Yang terakhirnya Tuan Pengerusi, saya minta apakah usaha yang telah dibuat oleh kementerian untuk menilai semula kedudukan-kedudukan kakitangan penting di Jabatan Pelajaran di Sarawak? Apakah usaha untuk menaikkan pangkat mereka dan untuk menentukan jumlah mereka mencukupi dan mereka juga dihargai dengan menempatkan mereka di tempat yang lebih tinggi dari sekarang. Saya minta supaya pangkat mereka dinaikkan seperti di Jabatan Bahasa Melayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak ingatkan Yang Berhormat, tiga hingga empat minit sahaja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Macam mana ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah sebab ...

12.32 tgh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Butiran 040200 mengenai Lembaga Peperiksaan iaitu mengenai mata pelajaran Fizik, *Add Math*, *Chemistry* dan *Biology*, dengan izin yang akan 'diinggeriskan' pada tahun depan untuk peperiksaan SPM. Masalahnya sampai sekarang belum ada lagi buku teks yang betul-betul dapat membantu pelajar dan satu buku sahaja yang dikeluarkan untuk buku panduan iaitu *Oxford Press*.

Ini telah mengelirukan ramai guru dan pelajar memandangkan pelajar-pelajar ini sangat mengharapkan bantuan kerana ini pertama kali dalam bahasa Inggeris dan seluruh negara menunggu maklumat mengenai pengajaran ini dari segi kandungan teks, bentuk soalan, format peperiksaan dan juga bentuk soalan. Maka ini telah menyebabkan masalah. Oleh itu saya mohon satu sahaja. Saya bertanya kementerian mengapa ini terlambat sedangkan kita sudah pun membuat keputusan untuk 'menginggeriskan' mata pelajaran ini sejak tahun lalu dan sebelumnya? Mengapakah kelewatan ini? Mengapakah monopoli diberi kepada Dewan Bahasa dan Pusaka sehingga mereka mungkin tidak mencukupi sumber (*resources*) untuk memastikan bahawa kandungan-kandungan ini dapat dibekalkan kepada guru-guru dan juga pelajar-pelajar?

Ini telah menyebabkan ramai ibu bapa gundah-gulana kerana mengharapkan anak-anak mereka. Saya mintalah perkara ini diberi perhatian yang serius supaya bulan Januari segala-galanya disiapkan supaya pelajar-pelajar dan juga guru-guru dapat menyediakan diri mereka menghadapi SPM nanti. Itu satu.

Kedua...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Banyak lagi. Ada dua tiga lagi. Saya baru satu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Saya bagi lagi satu sahaja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana di Cameron Highlands, sekolah-sekolah jenis kebangsaan (T) telah diberi bantuan yang baik, dua buah sekolah akan dibina baru dan kelulusan satu sekolah kebangsaan di Kampung Raja. Saya mengucapkan terima kasih dan seterusnya rumah-rumah guru diperlukan kerana ramai guru dari bawah tidak mahu naik ke atas.

Akhir sekali, Butiran Pendidikan Sukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Yang Berhormat muda lagi, banyak peluang lagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, saya baru mula. Dua minit sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

Butiran 021000 – Pendidikan Sukan. Saya minta satu sahaja saranan, pengkhususan sukan di sekolah perlu diubahsuai. Saya mohon supaya pengajaran dan pembelajaran sukan difrancaiskan ataupun diswastakan kepada badan-badan swasta supaya guru boleh fokus kepada P&P di dalam kelas. Saya minta supaya sukan itu dikaji semula kandungannya. Dulu gimnastik menjadi satu mata pelajaran yang utama setiap penggal dalam sukan tetapi kini sudah dikeluarkan. Begitu juga sukan renang dan merentas desa kerana ketiga-tiga komponen ini begitu penting untuk *endurance*, ketangkasan fizikal dan juga untuk kelonggaran badan. Maka saya mintalah supaya kandungan itu dikaji semula kerana ini tidak memerlukan peralatan yang terlalu banyak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sila, Yang Berhormat bagi Tuaran.

12.36 tgh.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta berbahas bagi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa perkara, Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tiga sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dualah. Dua.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Butiran 020400 iaitu Pendidikan Menengah. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin membawa perhatian kementerian kepada pembinaan SMK Pekan Nabalu yang telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga ke hari ini belum dilaksanakan. Saya ingin bertanya apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian untuk mengenal pasti tapaknya? Saya difahamkan sudah ada rancangan untuk hendak memindahkan tapaknya daripada Pekan Nabalu di Pekan Tamparuli.

Kalau itu dibuat, sebenarnya itu tidak membantu sebab yang kita perlukan ialah sebuah sekolah menengah di Pekan Nabalu yang juga akan menjadi sekolah menengah untuk kampung-kampung yang berdekatan. Jadi, saya mohon supaya pembinaan SMK Pekan Nabalu ini dapat dipercepatkan dan benar-benar dalam dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang kedua.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tiga sahajalah. Saya juga ingin memohon pihak kementerian supaya membina asrama bagi SMK Seri Nangka dan SMK Sungai Damit. Kedua-dua sekolah ini menghadapi masalah pelajar-pelajar yang sepatutnya datang ke SMK Seri Nangka ini tidak datang ke situ sebab tidak ada asrama. Mereka yang daripada pedalaman, sebagai contohnya daripada SMK Penimbawan terpaksa ke SMK Badin sebab di SMK Badin ada asrama, di SMK Seri Nangka tidak ada asrama. Jadi, sudah sekian lama kita bercerita tentang perkara ini belum lagi dapat dilaksanakan.

Dalam hal ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana mulai tahun hadapan pembelajaran bahasa Kadazan-Dusun akan dimulakan di kesemua sekolah menengah di kawasan Parlimen Tuaran. Dalam hal ini saya juga ingin bersama-sama dengan Ahli Parlimen bagi Sri Aman tentang status bahasa Kadazan-Dusun, bahasa Iban dan bahasa Semai sebagai bahasa tambahan. Apakah pihak kementerian akan meneruskan dasar di mana bahasa-bahasa tambahan ini diajar di luar jadual sekolah? Kalau begitulah namanya, itu bagi saya tidak cukup ikhlas, Tuan Pengerusi. Sebab kalau diajar di luar masa jadual seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi iaitu walaupun tempat itu ramai pelajar yang ingin belajar tetapi kalau di luar jadual waktu memang masalah kepada murid, masalah kepada ibu bapa dan masalah kepada guru.

Dalam hal yang sama juga saya mohon supaya kebajikan guru-guru yang mengajar bahasa Kadazan-Dusun ini ataupun bahasa-bahasa tambahan yang lain seperti bahasa Semai, bahasa Iban atau bahasa Kadazan-Dusun sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah ini hendaklah diambil perhatian. Sebab suatu ketika dulu dikatakan bahawa mereka akan diberi elaun tambahan sebanyak RM50. Ramai guru-guru tertanya-tanya sehingga ke hari ini tetapi tidak juga diberi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Kota Belud tadi tentang kecemerlangan sekolah. Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud menceritakan tentang 0% pencapaian UPSR di Pulau Mantanani, di kawasan saya pun ada juga 0% UPSR tahun ini iaitu SK Sambah. Apabila kita tengok faktornya, satunya yang bahasa Inggeris tadi, guru tidak datang ke situ sebab prasarananya kerana tidak ada rumah guru. SK Sambah pada tahun lepas 100% lulus tetapi pada tahun ini tiba-tiba 0% hanya kerana bahasa Inggeris.

Sebab itu saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kalabakan bahawa kalau hanya 10% elaun diberikan kepada guru-guru sebagai insentif untuk mengajar bahasa Inggeris di luar bandar, saya ingat itu tidak cukup. Sebab terlalu sedikit guru-guru yang pakar di dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu pihak kementerian, khususnya di negeri Sabah ini selain daripada prasarana perlu dipertingkatkan seperti rumah-rumah guru dan pelbagai lagi prasarana, soal guru bahasa Inggeris ini amat penting.

Dan, begitu juga Yang Berhormat bagi Kalabakan menyatakan kebanyakan buku-buku pusat sumber tetapi bukan itu sahaja, saya ingin mencadangkan supaya di perhebatkan program Nilam ini. Nilam bukan sahaja dalam bahasa Malaysia tetapi dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Cukup, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

12.40 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang perkara 020800 yang akan saya baca bersekali dengan 002000 – Dewan Bahasa dan Pustaka, berkaitan dengan perkembangan kurikulum.

Berdasarkan kepada beberapa perkembangan mutakhir ini, dan yang paling terbaru ialah apabila Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama GAPENA baru-baru ini, mengadakan satu seminar tentang masa depan persuratan Melayu dan bahasa Melayu, sekali lagi menegaskan tentang betapa perlu kerajaan mengkaji semula pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Jadi, saya rasa sudah sampai masanya untuk Kementerian Pelajaran mengambil satu tindakan yang proaktif dan bersedia untuk mengakui akan kesilapan masa lalu. Mungkin Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan timbalan-timbalannya merasa malu untuk mengakui bahawa dasar untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini dibuat oleh Perdana Menteri yang lalu tanpa ada satu kajian yang komprehensif, kajian yang profesional, satu kajian yang menyeluruh, yang mengambil kira pandangan-pandangan pakar, ahli-ahli akademik.

Sudah sampai masanya saya merasakan Kementerian Pelajaran mengambil langkah untuk menukar kembali, tidak perlu kaji semula. Ini kerana kajian yang dibuat, pandangan-pandangan akademik, bukan pandangan kaki lima, bukan pandangan-pandangan di kedai-kedai kopi tetapi pandangan yang lahir daripada suatu seminar. Banyak seminar yang telah dianjurkan, hatta oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri, dan pandangan daripada mereka yang memperjuangkan bahasa Melayu. Saya rasa jangan malu untuk Kementerian Pelajaran untuk mengembalikan mata pelajaran ini ke dalam bahasa Malaysia. Itu pandangan yang ingin saya berikan untuk saya bawa dan hatta apa yang saya baca ini adalah sebahagian apa yang diperjuangkan oleh UMNO Negeri Johor, dalam konvensyen mereka.

Jadi, kalaulah pimpinan negara yang ada pada hari ini, pandangan UMNO pun tidak boleh diterima, saya rasa sukar untuk kita memperjelaskan tentang masalah yang benar-benar telah berlaku di peringkat akar umbi, anak-anak. Bukan sekadar anak orang Melayu, anak-anak orang Cina, di luar bandar, anak-anak orang India di estet-estet yang sangat sukar sebenarnya untuk memahami mata pelajaran ini, jika diteruskan diajar dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu saya mengharapkan Kementerian Pelajaran bersedia untuk mengubah perkara ini dan bersedia untuk mengakui segala kesilapan masa lalu untuk kepentingan negara pada masa yang akan datang.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang pendidikan guru, 020700. Saya ingin mendapat penjelasan bahawa baru-baru ini keluar satu kenyataan daripada Menteri Pelajaran bahawa graduan lepasan UPSI tidak diberikan jaminan kerja, ataupun tempat untuk mengajar di sekolah-sekolah. Saya ingin merujuk tentang perkara ini, apakah sebenarnya bila saya melihat dengan teliti tentang objektif penubuhan awal UPSI, ialah untuk memartabatkan profesion perguruan untuk melahirkan para guru yang mampu untuk berdepan dengan cabaran masa depan negara, sama ada di peringkat *local* ataupun di peringkat global.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, seminit, Tuan Pengerusi. Kalau begitulah objektifnya dengan menubuhkan UPSI tiba-tiba graduan lepasan ini tidak ada jaminan untuk meneruskan profesion mereka. Jadi, apa sebenarnya matlamat ini. Saya tidak nafikan tentang graduan-graduan atau lulusan maktab-maktab perguruan tetapi apa tujuan kerajaan mewujudkan UPSI. Sudah tentu mahu

melahirkan satu kelompok guru yang lebih baik, yang lebih komparatif untuk menjana ataupun satu *arrangement* proses untuk memperkasakan profesion perguruan. Tiba-tiba golongan ini tidak diberikan jaminan untuk mereka meneruskan profesion mereka dan latihan yang mereka terima di UPSI.

Jadi, saya minta penjelasan supaya dasar ini juga tidak menjadi dasar, dengan izin, *flip flop*, yang tidak ada haluan, tidak ada objektif yang jelas dan tidak ada hala tuju yang jelas. Oleh itu, saya mohon untuk meminta penjelasan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

12.45 tgh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara, secara ringkas sahaja....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, kajian Kementerian Kesihatan baru-baru ini menunjukkan 13% kanak-kanak kita mengalami tekanan jiwa dan ini juga berpunca dengan pendidikan prasekolah. Ini adalah satu *indicator* saya rasa yang penting untuk menarik perhatian kita terhadap sistem pendidikan prasekolah di negara kita.

Kerajaan perlu prihatin dan bersikap proaktif dalam pengurusan komponen pendidikan ini. Jika kita melihat dan merenung tentang gejala mengambil tuisyen di kalangan kanak-kanak prasekolah, satu reaksi kepada pendidikan prasekolah sekarang. Maka jelaslah satu indikator bahawa pengajaran di kelas tadika dan taska kita sudah bermasalah teruk.

Jadi, kementerian hanya melatih lebih kurang 520 guru prasekolah setahun dan majoriti guru-guru di tadika, taska Kemas dan juga Jabatan Perpaduan ataupun taska swasta tidak terlatih tetapi dibenarkan mengajar. Ekoran daripada itu pelbagai kaedah pengajaran masing-masing mengikut persepsi dan budi bicara guru-guru tadika itu telah dicuba dan digunakan. Pelbagai kesan pembelajaran dan pengalaman persekolahan telah dialami oleh kanak-kanak kita. Ini akan membawa implikasi yang serius kepada pendidikan anak-anak kita pada masa yang akan datang.

Jadi, saya cadang untuk memastikan kanak-kanak prasekolah kita tidak menjadi mangsa kepada bentuk kaedah pengajaran, percubaan ataupun *try and error*, dengan izin. Satu langkah sementara atau *stop gap measure* diambil untuk mengurangkan *damage*, dengan izin, kepada pendidikan-pendidikan anak-anak kita. Satu kursus intensif tentang psikologi pendidikan kanak-kanak dan pedagogi perlu diwajibkan sebelum seseorang guru prasekolah itu dibenarkan mengajar.

Yang kedua, tentang pendidikan sekolah rendah. Sementara kerajaan membantu sekolah-sekolah luar bandar yang serba kekurangan, keperluan di kawasan bandar yang agak mendesak perlu diberi perhatian juga. Kebanyakan sekolah-sekolah termasuk sekolah SJK(C), SJK(T), sekolah kebangsaan di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi terpaksa meletak 50 orang murid atau lebih di dalam sebuah bilik darjah oleh kerana kekurangan bilik darjah.

Jadi, langkah-langkah perlu diambil juga dengan cepat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang ketiga, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, sedikit lagi. Untuk membina lebih banyak bilik darjah di kawasan yang memerlukan bilik darjah. Jadi, di kawasan Parlimen Tebrau saya ingin menarik perhatian dan minta kementerian menyiasat dengan mengambil tindakan untuk menyediakan bilik darjah yang mencukupi, misalnya kepada Sekolah Kebangsaan Kota Masai dan Sekolah Jenis Kebangsaan Foon Yew (5).

Di kawasan persekitaran kedua-dua sekolah tersebut penduduk meningkat dengan pantas ekoran daripada pembangunan ekonomi yang pesat. Kementerian perlu memberi bantuan khas kepada sekolah-sekolah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Kementerian harus memandang serius dan menyahut kepada permintaan rakyat yang telah disampaikan kepada wakil rakyat supaya peruntukan khas diberi kepada SJK(C) Foon Yew (5) dan Sekolah Kebangsaan Kota Masai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Akhir sekali, Tuan Pengerusi. Sedikit lagi di bawah Pendidikan Guru. Saya hendak minta kementerian menyasiat, mengambil tindakan sewajarnya tentang rungutan dan rintihan sekumpulan guru yang sedang mengikuti kursus KDPM MODLPBS di institut perguruan mulai Disember 2005 hingga Jun 2009.

Guru-guru kumpulan ini menerima gaji lebih kurang RM1,200 bila bertugas sebagai GSTT (Guru Sandaran Tidak Terlatih) sebelum memulakan latihan. Tetapi kini mereka hanya diberi elaun sebanyak RM616 setiap bulan tanpa bayaran KWSP dan tanpa pemberian bonus dalam tempoh kursus. Mereka menerima elaun GSTT DB17 ataupun DB27 dan diberi bayaran KWSP serta bonus setelah mengikuti kursus. Tanggungjawab mereka di sekolah sama seperti biasa atau lebih berat daripada GSTT di sekolah. Saya minta kementerian menyasiat dan membetulkan ketidakadilan ini. Perkara yang kedua ialah tentang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Cukup, cukup.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *Half a minute, half a minute.* Perkara yang kedua ialah tentang gaji yang diberikan kepada pensyarah-pensyarah institut pendidikan perguruan yang berkelayakan Master dan Ph.D. Kumpulan pensyarah-pensyarah ini tidak menerima apa-apa ganjaran langsung untuk ijazah, sarjana dan Ph.D yang mereka miliki. Sementara kita memahami kementerian menggalakkan pensyarah-pensyarah meningkatkan kelayakan akademi mereka, tetapi apabila setelah bertungkus-lumus mendapatkan ijazah yang lebih tinggi tiada sebarang insentif langsung untuk merestui usaha yang gigih itu. Dasar kementerian yang sedia ada perlu ditinjau semula supaya ganjaran diberikan kepada usaha yang murni ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

12.52 tgh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan Pembangunan 41 ini pertamanya saya hendak membahaskan Butiran 010100 - Dasar dan Korporat. Dahulu saya melihat struktur organisasi Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan pada masa itu, Ketua Setiausaha diletakkan setara dengan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Tapi nampaknya baru-baru ini saya terlihat bahawa sekarang ini Ketua Setiausaha diletakkan di atas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

Jadi kalau kita lihat dalam kementerian, KSU bertanggungjawab kepada lima atau enam bahagian. KPPM lebih daripada 11 atau lebih. Dan kalau kita hendak memperkasa perkhidmatan pendidikan ini yang selalu kita uar-uarkan nampaknya di kementerian sendiri perkara ini tidak dilaksanakan. Jadi saya berharap perkara ini dapat diperbetulkan dan diperjelaskan. Itu pun saya tak tahu dari segi gred gajinya. Mungkin gred gaji KPPM lebih rendah daripada gred gaji KSU. Jadi sebagai ketua satu daripada cabang perkhidmatan awam yang besar eloklah perkara ini diperbetulkan jangan sampai guru-guru merasa terpinggir. Sampai sekarang kalau kita lihat guru-guru merasakan mereka ini sebenarnya pegawai perkhidmatan awam kelas dua atau kelas tiga terpaksa buat *badge* pula pakai "Saya bangga menjadi guru".

Jadi ini saya rasa kalau kita paksa letak *badge* pada dada maksudnya moralnya rendah sangatlah. Jadi untuk memastikan moral guru-guru meningkat dan mereka tidak merasakan mereka pegawai perkhidmatan awam kelas dua atau kelas tiga, pastikan perkara di Kementerian Pelajaran itu sendiri tidak berlaku.

Yang keduanya, saya hendak menyentuh tentang 020000 - Pendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Pertamanya dari segi guru-guru

pengalaman. Kalau kita lihat keputusan UPSR ini saya pasti sekolah-sekolah di luar bandar memang agak rendah kelulusannya. Satu daripada puncanya saya percaya adalah kerana guru-gurunya tidak berpengalaman. Guru-guru bila berpengalaman contohnya kalau di kawasan saya dia buat sebagai penempatan guru-guru yang memohon untuk bertukar ke Kelantan diletakkanlah di dalam kawasan Parlimen Lipis atau Daerah Lipis.

Jadi mereka ini sebenarnya tidak mempunyai semangat kerana hendak mengajar di situ. Tujuan mereka hendak balik ke Kelantan. Jadi kesannya mereka tak ambil endah sangat kadang-kadang dari segi pembangunan murid-murid. Jadi kita harap di sebalik meletakkan guru-guru pengalaman di bandar kita letakkan di luar bandar.

Begitu juga apabila UPSR keluar ramai pelajar nanti atau ibu bapa seronok kerana anak-anak mereka dapat 5A dan bercadang untuk pergi ke sekolah berasrama penuh. Jadi saya mengharapkan sekolah asrama penuh ini diperuntukkan untuk pelajar-pelajar luar bandar seperti hasrat awal dahulu tidak dibuka kepada semua pelajar sama ada daripada bandar atau luar bandar tapi dikhususkan untuk luar bandar sahaja kerana itulah tujuan kita buat asrama penuh kerana kemudahan sekolah di luar bandar tak ada kita adakan sekolah asrama penuh. Ini sekarang kita lihat anak-anak atau ibu bapa di Kuala Lumpur pun ghairah hendak menghantar anak-anak mereka ke sekolah asrama penuh. Bukan kerana apa, kerana hendak melepaskan tanggungjawab. Kalau duduk rumah mungkin sukar untuk dijaga. Jadi kalau kita dapat hantar ke sekolah asrama penuh, guru-gurulah menjaga mereka. Ibu bapa dapat melepaskan tanggungjawab mereka daripada menjaga anak-anak.

Seterusnya saya hendak sebut tentang 030200 - Pendidikan Khas. Saya minta supaya sekolah-sekolah ataupun kelas-kelas pendidikan khas dibina di semua sekolah jika boleh di Malaysia kerana kita dapati ramai kanak-kanak yang bermasalah, kanak-akan istimewa ini kadang-kadang tak dapat peluang untuk pergi ke sekolah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Kerana sekolahnya jauh dan kalau ada sekolah berdekatan dengan mereka ibu bapa pun tak mampu mungkin mereka boleh menghantar anak-anaknya ke sekolah. Jadi dengan cara ini peluangnya dapat.

Satu lagi, 04100 - ITNM. Sehingga kini saya tak jelas dan tak faham, apakah peranan ITNM (Institut Terjemahan Negara Malaysia) ini sebenarnya? Saya dimaklumkan sedikit, sebuah syarikat sendirian berhad atau syarikat berhad. Jadi kalau syarikat berhad kenapa kita hendak paksa bagi pula peruntukan bagi 2007. Adakah ITNM ini sudah tidak mampu untuk menyara badan mereka sendiri ataupun sudah tidak berfungsi lagi, tidak berperanan lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. cukup.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sebab itulah saya rasa kita terpaksa mengadakan sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris kerana ITNM ini yang sepatutnya berperanan untuk menterjemah buku-buku ke dalam Bahasa Melayu tidak menjalankan tugasnya. Jadi mohon penjelasan. Dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

12.58 tgh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 Kementerian Pelajaran. Saya akan bincang satu sahaja iaitu 030400 kerana jarang disebut mengenai dengan JAPIM (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral).

Tuan Pengerusi, kalau saya melihat kepada struktur yang ada, ada empat unit. Saya minta tambah satu unit. Adakah kementerian bercadang iaitu Unit J-QAF kerana kita ada hari ini dalam JAPIM ialah Pengurusan, Dakwah, Kurikulum, Penyelarasan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan kemudian kita tambah J-QAF/KAFA satu lagi supaya kerana ada J-QAF dengan KAFA itu adalah untuk modal insan yang berkualiti.

Saya melihat bahawa harapan kita untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, komited, berketerampilan dan berdaya juang ini mesti digabungjalinkan antara akademik dengan agama supaya diselaraskan terutamanya Bahasa Inggeris. Tuan Pengerusi, kita lihat sekolah agama tidak dapat bersaing dengan sekolah akademik apabila pergi ke peringkat menengah atau peringkat tinggi ke universiti kerana Inggeris lemah, Arabnya tidak kuat, matematik lemah, sains lemah. Ini kita minta cekapkan.

Apabila kita tengok dalam...minta maaf Tuan Pengerusi saya tengok itu bahasa Kelantan. Saya guna bahasa pekat sedikit. Sejauh manakah kejayaan SMAR/SMAN? Ini juga penting kerana saya melihat kerajaan sudah mula selaras dengan dasar pendidikan negara. SMAR (Sekolah Agama Rakyat), dan SMAN (Sekolah Agama Negeri). Sejauh manakah kejayaan? Minta Timbalan Menteri jawab dengan baik dengan cara *slowly and steady*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat. Sudah cukup, sudah cukup. Yang Berhormat sokongkah?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, tak payah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak bagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apa, tak bagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ada satu lagi. Minta maaf ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak boleh, tak boleh beri laluan kerana saya hendak tutup cerita.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu tak boleh?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini cerita kah, perbincangan?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ini perbincangan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Petang ini sambung lagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi kalau kita melihat kepada *manpower* yang ada pun di JAPIM tidak mencukupi sebab itu saya melihat DG48 ini kepada ketua sektor pendidikan Islam dan moral perlu *upgrade* seperti kita ikut Hadhari. Hadhari ialah maju ke depan. Bukan Hadhari yang orang faham silap. Kadang-kadang parti pembangkang silap faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ini butiran 030400. Tidak lari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Saya ingat Hadhari Jabatan Perdana Menteri. Bukan ya?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan, bukan. Jadi sebab itulah saya hendak supaya dalam sektor perkhidmatan, sektor kemanusiaan, sektor sekolah, sektor satu lagi disebut yang akan ditambah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:jaminan kualiti dan sektor peperiksaan penilaian. Maka kita hendak supaya pendidikan Islam dan moral satu sektor dalam Kementerian Pelajaran supaya ditengok balik. Kalau sesuai,

manpower tak cukup tambahan, sebab kita tengok J-QAF dengan Kafa dengan pendidikan Islam seluruh negara ini cukup besar harapan kita untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Maka saya akhirkkan dengan dasar kualiti komited berkhidmat ke arah kualiti, ke arah melahirkan ummah yang progresif sentiasa bergerak maju bukan mundur. Kita hendak bergerak maju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Inilah fahaman saya. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Jadi siapa yang ingin berucap nanti datang awal sedikit. Tiba sebelum 2.30 petang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

2.30 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula. Majlis di dalam Jawatankuasa. Kita masih di bawah Kepala Bekalan 41 dan Kepala Pembangunan 41 di bawah Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat bagi Maran.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi tadi kata lepas Yang Berhormat bagi Pasir Puteh adalah saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini pun tidak apa, sila duduk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan! Ini tidak ikut keputusan Tuan Pengerusi yang lepas...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau boleh Yang Berhormat pendekkan, bawa isu satu dua sahajalah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana beri peluang untuk saya bahaskan Bekalan 41 - Kementerian Pelajaran. Saya hendak sentuh beberapa perkara.

Yang pertama ialah Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah. Suka saya maklumkan bahawa di kawasan saya Parlimen Maran terdapat lebih kurang 5-6 buah sekolah rendah yang kurang murid iaitu Sekolah Kebangsaan Chenor, Sekolah Kebangsaan Pesagi, Sekolah Kebangsaan Kertau, Sekolah Kebangsaan Bukit Segumpal dan juga Sekolah Kebangsaan Kuala Wau. Dan dalam peperiksaan UPSR yang baru ini pencapaian sekolah-sekolah ini amatlah mendukacitakan saya, walaupun beberapa usaha telah kita buat dan saya buat bagi membantu guru-guru dan sekolah ini bagi mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR.

Saya memohon benar-benarlah kepada Kementerian Pelajaran supaya memberikan perhatian yang serius kepada sekolah-sekolah luar bandar terutama sekolah-sekolah yang mempunyai kurang murid ini, seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya yang lepas, di mana beberapa faktor saya kira mungkin menyebabkan sekolah-sekolah seperti ini kurang mendapat perhatian dan tidak menjadikan semangat kepada guru-guru untuk mengajar kerana pelajarannya kurang murid dan berada di luar bandar. Saya minta supaya usaha yang lebih kuat, lebih berstrategi dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran supaya pencapaian pelajar-pelajar di sekolah luar bandar ini akan dapat kita peringkatkan.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah Butiran 030200 - Pendidikan Khas. Di kawasan saya terdapat sekolah yang mempunyai pelajar yang istimewa ini dan saya perhatikan bahawa pelajar ini memanglah golongan pelajar yang perlu kita berikan perhatian yang serius tentang kebajikan mereka. Sudahlah mereka ini terdiri daripada orang yang kurang bernasib baik dari pandangan kita sebagai manusia biasa yang sempurna ini, malahan pula mereka tidak juga bernasib baik dari segi peluang-peluang yang lain. Saya perhatikan peruntukan bagi pelajar-pelajar ini agak kurang bagi mereka menjalankan aktiviti yang lebih berbanding dengan pelajar-pelajar biasa.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, Kementerian Pelajaran berapakah sebenarnya sekolah-sekolah istimewa ini ataupun sekolah-sekolah khas ini yang berada di negeri Pahang? Dan saya mohon kalau dapat peruntukan disalurkan lebih kepada kelas-kelas khas ini, kerana saya nampak kadang-kadang mereka terpaksa berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi mendapatkan peruntukan tambahan untuk mereka melaksanakan program kepentingan mereka.

Yang ketiga Tuan Pengerusi ialah Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru. Saya perhatikan banyak rumah guru ini kalau kita lihat dua kategori, yang pertama rumah-rumah lama yang dibina oleh kerajaan berpuluh-puluh tahun yang lalu. Yang kedua ialah rumah-rumah, kompleks-kompleks perumahan guru yang dibina di banyak kawasan termasuklah di kawasan saya Parlimen Maran sendiri. Tetapi satu perkara yang saya perhatikan ialah dari segi penyenggaraan rumah-rumah ini. Saya lihat masih banyak lagi rumah-rumah guru yang lama ini tidak diberikan perhatian yang baik, di mana tidak ada penyelesaian pada rumah berkenaan yang boleh mengurangkan penyelesaian kepada guru-guru yang akan mengajar.

Yang kedua ialah dari segi penyenggaraan *landscaping* yang saya nampak agak terbiar dan saya harap pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran dan Pejabat Pelajaran Daerah memberi perhatian supaya suasana keselesaan guru-guru terutama di kawasan luar bandar akan dapat diberi perhatian, dan ini boleh menanam semangat kepada guru berkenaan bagi mengajar ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya minta satu sahaja tambah yang tadi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi saya boleh beri, tambah masa sedikit untuk saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat yang lain hendak berucap juga.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tambah sikit Tuan Pengerusi. Izin tidak? Tidak boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan ke?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, kalau bagi tambah saya, saya bagi sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak boleh tambah Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tidak boleh, saya tidak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang akhir ialah Butiran 04600 - Sistem Pengkomputeran Sekolah. Saya dapati apabila pergi ke sekolah-sekolah, kita dapati ada setengah daripada makmal komputer ini tidak lagi digunakan kerana terdapat kerosakan berlaku di makmal-makmal berkenaan.

Saya ingin beritahu pihak kementerian setakat ini berapakah makmal-makmal komputer yang telah dibina oleh kerajaan yang bernilai berjuta-juta ringgit ini khususnya di kawasan saya Parlimen Maran boleh digunakan dan digunakan sepenuhnya, dan kalau tidak apakah tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan? Saya harap supaya

Kementerian Pelajaran berikan perhatian ini. Kita tidak mahu setelah kerajaan mengeluarkan berjuta-juta ringgit bagi membina kemudahan ini tetapi kemudahan tersebut tidak digunakan oleh pihak sekolah. Saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

2.38 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja tetapi ringkas. Satu mengenai dengan Dasar dan Korporat iaitu Butiran 010100. Ini mengenai dengan guru-guru dari Sabah di atas pelantikan 1980 yang mana 1980 kebanyakan guru-guru ini telah menerima imbuhan mengenai dengan tambang percuma. Tiap-tiap tahun mereka dapat tambang ini dan dapat pergi ke Kuala Lumpur untuk Cuti-cuti Malaysia yang saya sebutkan sekarang. Malangnya sekali tambang percuma ini telah pun dimansuhkan dan semua guru di Sabah tidak lagi mendapat imbuhan-imbuhan seperti ini. Namun demikian pelantikan-pelantikan baru yang telah pun diambil baru-baru ini masih mendapatkan imbuhan ataupun keistimewaan seperti ini. Jadi saya minta supaya kementerian meneliti mengenai dengan perkara ini agar guru-guru dari Sabah ini mendapat keistimewaan seumpama apa yang didapati oleh guru-guru dari Semenanjung.

Yang kedua, saya hendak sentuh mengenai perkara pemakanan di asrama iaitu Kementerian Pelajaran di bawah Butiran 020100 mengenai dengan asrama dan makanan-makanan di asrama-asrama tersebut khususnya di luar bandar. Di mana asrama ini perlu disediakan tempat tinggal yang kondusif, makanan yang seimbang dan sebagainya.

Saya ingin bertanya dengan kementerian sama ada mereka ini mempunyai *dietitian* ataupun pakar-pakar makanan yang melihat pemakanan yang telah diberikan kepada anak-anak sekolah ini supaya makanan-makanan ini adalah makanan seimbang yang mempunyai zat dan sebagainya umpamanya dengan izin.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Saya pun tidak tahu mana mahu bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia bagi Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Saya tertarik dan juga begitu turut bersamalah dengan Yang Berhormat tentang makanan yang disediakan di asrama ini. Ada sesetengah asrama menyediakan makanan yang kurang berkualiti. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan, apakah tindakan yang harus diberikan kepada penguasa asrama jika sekiranya makanan yang disediakan itu kurang berkualiti atau tidak ada zatnya atau barang yang agak lama? Dan agak lama sangat sesuatu kontraktor menyediakan makanan ini sampai 10 tahun diberi mengendalikan asrama itu Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Soalan yang dikemukakan oleh saudara Yang Berhormat dari Padang Terap itu kita sama-sama masukkan dalam persoalan ini. Persoalan yang saya tanya ini mengenai dengan *detritions* atau pun pakar pemakanan ini. Anak-anak ini memerlukan dengan izin *the healthy food put the healthy mind* iaitu kalau kita mempunyai *healthy body* dan kita juga mempunyai *healthy mind* dan juga *healthy brains*. Kalau kita tidak mempunyai makanan-makanan seimbang seumpama ini, saya risau kepada anak-anak khususnya di luar bandar ini akan mendapat makanan-makanan yang tidak berzat dan makan makanan-makanan yang tidak seimbang.

Selain daripada itu saya juga perlu untuk menyentuh mengenai dengan perkara-perkara mengenai pengkomputeran pembangunan, sistem pengkomputeran di sekolah-sekolah di luar bandar ini. Saya sudah kemukakan banyak kali lagi. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah strategi yang telah susun atur oleh kementerian ini mengenai dengan sekolah-sekolah di pedalaman khususnya di pedalaman bahagian kawasan Pensiangan ini yang begitu rumit sekali, yang begitu menyedihkan sekali bahawa kebanyakan bukan sahaja tidak mempunyai makmal

komputer tetapi komputer yang telah diberi kepada sekolah-sekolah ini adanya semuanya yang tidak berfungsi.

Selalunya *generated non operation out* dengan izin. Selalunya tidak mempunyai diesel-diesel yang perlu dibekalkan kepada sekolah-sekolah tersebut dan akhirnya budak-budak sekolah di luar bandar ini tercicir daripada segi pembelajaran mereka dan lebih-lebih lagi bila kita nak rapatkan jurang perbezaan di antara luar bandar dan bandar ini dalam aspek pendigitalan atau pun celik komputer ini. Terima kasih.

2.43 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ia mengenai pembangunan sekolah-sekolah baru. Saya nak bangkitkan dua sekolah. Satu ialah sekolah Saint Geetha Savai di Ipoh dan satu lagi ialah sekolah Kangkar Pulai di Johor. Tuan Pengerusi, kedua-dua sekolah ini di mana macam sekolah Kangkar Pulai ini sekarang ada lebih kurang 643 murid dan dijadualkan pada tahun 2010 muridnya akan meningkat kepada 1086 murid. Akan tetapi walaupun sekolah ini telah memohon satu sekolah baru dibina dan kerajaan pun telah bersetuju bahawa satu sekolah baru akan dibina di satu tempat di mana lebih dari lima ekar telah diagihkan.

Akan tetapi walaupun telah lebih dari dua tahun, janji kerajaan tidak ditunaikan. Saya difahamkan Menteri Pelajaran dan juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran telah pergi ke sekolah tersebut dan telah pastikan bahawa keperluan untuk membina satu sekolah yang baru adalah bukan sahaja diperlukan tetapi perlu dibina dengan segera lebih-lebih lagi keadaan sekolah-sekolah ini yang menggunakan atap zink di mana sangat panas untuk murid-murid belajar di sekolah tersebut. Di samping itu sekolah-sekolah tersebut juga tidak ada apa padang, tidak ada makmal komputer, tidak cukup darjah-darjah, kekurangan guru-guru dan sebagainya.

Akan tetapi walaupun kerajaan telah janji tetapi kenapa ia tidak ditunaikan? Itu soalan yang saya ingin bangkitkan. Dan lagi yang mustahak sekali adalah di mana di serata tersebut lebih kurang 25km tidak ada satu sekolah Tamil di tempat tersebut. Apakah sebab satu sekolah baru tidak dibina dan bilakah ia akan dibina? Itulah soalan saya yang terutama dan lagi satu adalah sekolah Saint Geetha Savai di Ipoh. Keadaan yang sama telah wujud dari tahun 1935 di mana sekolah papan ini berada dalam pekan Ipoh dan ada cukup murid. Akan tetapi tidak ada tanah di agihkan oleh kerajaan, tidak ada apa-apa polisi untuk membina satu sekolah baru untuk sekolah Saint Geetha Savai ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin bangkitkan mengenai kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina. Saya hendak tahu walaupun kerajaan sedar bahawa kekurangan guru ini, apakah tindakan yang diambil supaya kekurangan ini dapat diisikan. Dan saya difahamkan baru-baru ini di sekolah-sekolah Tamil di mana ada lingkungan lebih kurang 500 guru-guru sambilan yang bekerja, yang telah bertugas untuk tiga tahun ke lima tahun dan polisi kerajaan adalah dulu, bahawa guru-guru sambilan ini akan diberi peluang untuk menjalankan *training* mereka pada waktu lepas sekolah. Tetapi saya difahamkan dari tahun ini ia akan dihapuskan dan manakah dan kenapakah guru-guru Tamil ini tidak diberi peluang supaya mereka mendapat *training* dan lepas itu balik ke sekolah-sekolah Tamil untuk bertugas di sana? Apakah sebab satu pendirian yang baru diambil oleh kerajaan bahawa mereka tidak diberi peluang sama juga dengan sekolah-sekolah Cina. Saya difahamkan ini juga satu pendirian yang baru dan lagi satu adalah sekolah Cina di Bercam di mana lebih dari 3,000 murid yang sedia ada dan kekurangan *classroom-classroom* di mana setiap *classroom* adalah lebih dari 50 murid dan walaupun standardnya adalah yang dikatakan oleh kerajaan adalah 25 untuk setiap *classroom* tetapi di sana sebenarnya kita perlukan empat lagi sekolah di bina di Bercam, Ipoh dan apakah pendirian mengenai hal ini? Adakah kerajaan akan membina lebih sekolah di rantau-rantau di tempat tersebut?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebab akhir saya nak kata Tuan Pengerusi, pada 20 September, timbalan menteri telah berkata di Parlimen bila saya menanya adakah sekolah-sekolah baru Tamil dan Cina akan dibina? Kali pertama dalam 49 tahun timbalan menteri mengatakan bahawa dasarnya adalah dalam

Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada apa-apa sekolah-sekolah baru Cina dan Tamil akan dibina. Dan bila sebelum itu saya telah menanya kepada timbalan menteri, adakah beliau kenapa Menteri Pelajaran tidak datang ke Parlimen untuk menjawab satu soalan polisi dan timbalan menteri telah mengatakan bahawa mengikut Undang-undang Persekutuan, Artikel 43, beliau ada kuasa untuk memberi jawapan. Akan tetapi menteri dalam lepas satu minggu telah mengatakan ini dengan izin, *'the deputy could not be blame for what he said because the matter was not under him'*. Jadi saya nak tanya adakah, bila hari ini bila beliau menjawab, adakah dia akan menggunakan alasan yang sama? Jikalau beliau tidak ada kuasa untuk memberi jawapan, jangan datang ke Parlimen untuk memberi jawapan dan memesongkan Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini adalah satu perkara yang mustahak kerana bila beliau memberi jawapan seperti ini dalam Parlimen dan selepas itu menteri mengatakan sesuatu yang lain di luar Parlimen, ini merunsingkan, memesongkan Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau beliau tidak ada kuasa, jangan mengambil satu peranan bahawa dia timbalan menteri, tetapi timbalan menteri tanpa berkuasa tidak boleh menjawab, kalau sedemikian jangan jawab. Biar menteri sendiri datang untuk menjawabnya. Terima kasih.

2.49 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 020400 mengenai Pendidikan Menengah. Saya rasa fungsi sekolah menengah kebangsaan ini amatlah penting dalam memupuk semangat perpaduan. Akan tetapi saya tergamam dan terkejut apabila ada suara-suara sumbang yang nak menggagalkan perpaduan nasional ini.

Saya mengambil satu contoh di mana Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling untuk menubuhkan sekolah rancangan khas di mana dinyatakan dengan jelas dia kata kita hanya menumpukan kepada kuota 10% kepada SJK(C) dan SJK(T). Pada hal di Tampin sekolah itu, 30% lebih daripada pelajar-pelajar dari sekolah yang berasal daripada SJK(C) dan SJK(T). Saya tidak tahu kenapa itu boleh terjadi dan selepas itu atas campur tangan Timbalan Menteri Pelajaran dia kata, "Oh, dalam syarat itu dilonggarkan".

Dia tulis murid-murid dari sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil mendapat 7A dan wajib kertas Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. Saya rasa mereka tidak faham sistem itu. Kalau buat syarat ini sepuluh syaratnya orang menghindari SJK(C) masuk. Saya rasa itu bukan caranya dan selepas itu dibuat pula, "Oh, bukan sekolah rancangan khas". Dia hendak buat kelas rancangan khas di mana tumpukan pada satu kaum. Bagi saya sekolah menegah kebangsaan sebenarnya terbuka pada semua sebab itulah kita memperkasakan Sekolah Menengah Kebangsaan dan saya berasal dari sekolah menegah kebangsaan dan saya tidak mahu perkara ini menjadi satu sebab kita mendorong kolorisasi berlaku di sekolah.

Saya rasa itu adalah satu perkara bercanggah dengan apa yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri, saya tidak mahu perkara ini berlaku di negeri dan tempat lain kerana itu satu perkara yang serius, tidak sepatutnya kita melakukan segregasi kaum dalam sekolah menengah kebangsaan. Itu satu perkara yang memang penting. Keduanya, Pendidikan Guru di bawah Butiran 020700 KDPM-LPBS, saya rasa dalam konteks ini kita kena faham latar belakang guru sandaran tidak terlatih sebelum ini mereka dibenarkan untuk mengajar di SJK(C) SJK(T) tetapi, pada awal tahun ini disebabkan kekurangan bajet dan sebagainya guru sandaran tidak terlatih ini telah bertukar statusnya di bawah (KGSK) Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan.

Ini bermakna bagi mereka yang berkhidmat dari umur 24 tahun sampai 30 tahun tetapi bajet tidak cukup awal tahun, jadi guru simpanan macam pemain simpanan. Sekarang apabila ada peluang untuk mereka menyertai kursus KDPM-LPBS, tiba-tiba rekod mereka tidak wujud lagi di kementerian. Saya rasa itu memang tidak adil bagi mereka yang telah berkhidmat dalam SJK(C) SJK(T) selama ini. Saya meminta pihak Menteri dan Timbalan Menteri melihat perkara ini.

Biarlah kita memberi kelonggaran. Kalau mereka telah berkhidmat lebih daripada lima tahun walaupun usianya terlanjut sekali sampai 30 tahun 31 tahun, saya rasa orang-orang ini telah berpengalaman telah berbakti kepada sekolah, kita patut memberi keutamaan dan mereka sekarang berhadapan dengan situasi, mereka tidak boleh menyertai tidak boleh memohon kerana rekod tidak ada dalam Jabatan Pelajaran. Saya memohon Menteri dan Timbalan Menteri supaya melihat perkara ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan timbalan di mana nampaknya SJK(C) Yong Peng II yang sekarang bercantum dengan SJK(C) Yong Peng I di kawasan saya dia telah mendapat peruntukan RM7 juta untuk membina 30 buah bilik darjah dan saya minta jasa baik Menteri, Timbalan Menteri supaya perkara ini dapat disegerakan memandangkan keadaannya yang terdesak. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

2.53 ptg

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri kerana begitu serius mendengar. Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah, 020200 - Pendidikan Pra Sekolah. Saya menyentuh mengenai dengan modal insan. Kita rata-rata bercakap modal insan hampir setahun yang mana di bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan inilah saya rasa perlu kita ketarakan benda ini kerana modal insan bermula daripada prasekolah dan di rumah. Kita tahu rata-rata pra sekolah ini bilangan muridnya begitu ramai. Mungkin dengan ramainya murid-murid ini sudah tentu kita tidak boleh menanam modal insan yang baik dan berkualiti.

Jadi, saya kira di PIBG, Ibu Bapa, Guru harus memainkan peranan penting lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah di pra sekolah ini kita mulakan bilangan murid yang sedikit seperti di negara-negara maju, bukan 50 orang bukan 40 orang, tetapi 20 orang. Kalau tidak kita tidak mungkin mencapai modal insan yang berkualiti. Ini seharusnya kita jadikan sebagai permulaan kerana kita "melentur buluh biarlah di waktu rebung", kalau tidak kita bercakap sahaja, kita tidak akan capai modal insan ini. Kita ada modal banyak, Merana Kembar ada, wang ringgit berjuta, tetapi kita tidak sempurna kalau kita tidak ditunjangi dengan modal insan yang betul-betul. Maka, inilah masa dan ketikanya kita bermula daripada pra sekolah, daripada rumah.

Kita tidak akan mungkin membina modal insan ini di peringkat graduan, di universiti-universiti mereka ini sudah tidak mungkin boleh diatur lagi dan ini telah pun dibuktikan oleh pensyarah-pensyarah. Satu lagi di pra sekolah ini masanya begitu panjang, kita bermula daripada jam lapan sampai 12, berapa jam dan murid-murid yang empat, lima tahun sudah jemu dengan mereka macam-macam boleh jadi situ. Jadi, kita pendekkan masa ini kita jadikan dua jam. Maka dengan cara itu kita boleh mungkin mengurangkan daripada segi murid tadi dengan ada dua kelas yang 40 jadi 20, itu satu pandangan. Satu lagi mengenai dengan 020300 - Pendidikan Rendah. Ini juga harus dipantau oleh kerana kita ada guru besar, kita ada guru-guru kanan, kita ada pakar-pakar Bahasa Inggeris, kalau dahulu pengajaran ini dipantau, sekarang tidak lagi. Dan satu lagi Pendidikan Guru - 20700 di mana kursus-kursus ini terlampau banyak sekarang.

Apabila kita pergi ke sekolah-sekolah kalau ada 20 guru, ada 10, ke mana pergi? Kursus, kursus, kursus. Tetapi, dari segi pengajaran, pembelajaran di sekolah tidak begitu lagi ditumpukan dan satu lagi kita harus baiki kerana pendidikan guru ini dia memang tahu dari segi pendidikan, buku-buku harus dia ada satu Persatuan Guru ini dia buat sendiri mengikut kurikulum yang tertentu bukan dibeli. Ini lebih sesuai dan lebih praktikal lagi, jika diadakan satu Jemaah untuk membuat buku-buku ini. Ada sesetengah sekolah, apabila dipantau mereka-mereka ini membuat persatuan dan di mana buku-buku di akhir tahun dijual dan digunakan untuk guru, bukan untuk Persatuan PIBG, bukan untuk murid. Ini juga satu-satunya harus dipantau. 040600 - Naziran. Ini pun satu yang membazir, kita ada Nazir, bebas, Nazir yang membazir tidak betul-betul pergi melawat di sekolah-sekolah.

Kalau dahulu kita lihat di mana-mana sahaja guru-guru ini begitu bersedia kerana takut dengan Nazir dan sebagainya. Tetapi, sekarang tidak lagi di manakah Nazir-nazir ini dan apakah peranan mereka kepada pendidikan di sekolah-sekolah

rendah baikpun di sekolah menengah. 00800 - Rumah Guru, ini pun satu harus dipantau. Ada sesetengah kawasan tidak cukup rumah, ada sesetengah kawasan berlambak rumah macam di Kuala Krai kawasan saya, rumah tidak diduduki oleh guru, peruntukan sudah dibelanjakan. Mereka asyik duduk rumah yang selesa walaupun 40, 50 kilometer pergi. Jadi, mereka harus duduk di rumah itu tidak berulang, kalau berulang, maka sudah tentu guru-guru di bawah tidak mengikutinya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: dan tidak akan ada modal insan yang kita hendak tadi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

2.59 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada butiran 020300, Pendidikan Rendah. Saya hendak minta supaya Kementerian untuk melihat kembali beberapa sekolah di Parlimen Jasin, ada satu sekolah itu masih lagi di bina zaman penjajah dahulu sampai sekarang masih lagi ada di Jasin walaupun pada hari ini kita lihat banyak sekolah di tempat-tempat lain begitu cantik, molek tetapi ada satu tempat di Kampong Jabau, Jasin masih lagi bangunan sebelum merdeka.

Yang kedua berkenaan dengan Sekolah Sri Bemban yang pada hari ini perkembangan di kawasan itu dengan banyaknya projek-projek perumahan didapati bahawa sekolah ini sudah tidak muat pada murid dan malang sekali saya tidak tahu pejabat pendidikan Melaka pun tidak masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membina baru kawasan sekolah itu kerana pada hari ini saya pergi ke sekolah itu dapati bahawa sehinggakan bilik guru dan kantin sekolah juga ditukarkan kepada kelas kerana tidak cukup kelas. Ada kelas-kelas itu sampai bilangan muridnya 50 orang dan saya berharap supaya kementerian dapat melihat sekolah rendah, Sekolah Kebangsaan Sri Bemban ini dan apabila saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri, dia minta supaya Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk membolehkan kementerian membuat sekolah baru.

Di Melaka Tuan Pengerusi, memang tanah kerajaan sudah tidak ada lagi yang perlu adalah pengambilan tanah. Oleh yang demikian saya hendak minta supaya kerajaan di bawah kementerian demi untuk pendidikan kawasan Bemban ini supaya kementerian juga dapat mengeluarkan sebilangan kewangan untuk pengambilan tanah estet untuk membuatkan sekolah baru daripada kawasan itu.

Satu lagi ialah saya hendak pergi kepada butiran 020400 pendidikan menengah, pendidikan menengah saya hendak tanya juga kepada Kementerian tentang kedudukan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak di Jasin sama ada di sekolah ini adalah sekolah menengah biasa ataupun sekolah menengah agama dan saya dapat tahu bahawa hari itu sekolah ini dimasukkan dalam sekolah rancangan khas. Yang menyedihkan kerana pada hari ini ramai di antara anak-anak kita yang luar Melaka pun datang ke sekolah itu dan mereka mengambil jurusan sains tetapi malangnya makmal sains pun tidak ada di sekolah itu.

Satu ketika dahulu dua tahun sudah, Kementerian Kerja Raya telah mengiklankan untuk membuat asrama baru, makmal baru tetapi dapati akhirnya rancangan ini dibatalkan. Saya hendak tahu kedudukan sebenar Sekolah Menengah Tun Perak ini, apa statusnya kepada Kementerian Pelajaran dan yang akhirnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan keputusan UPSR di Jasin, saya dapati banyak di antara sekolah-sekolah rendah di Jasin dapati bahawa keputusan UPSR ini merundum. Salah satunya ialah sekolah kebangsaan Jasin yang mana tahun 2005, kita ada 15 orang murid yang dapat 5A.

Tahun ini malangnya hanya empat sahaja yang dapat 5A dan apabila kita selidiki, kita dapati bahawa ramai antara murid-murid kita ini tidak mendapat A di dalam Bahasa Inggeris. Apabila ditanya mengapa jadi begitu, kerana bagaimana yang disebut oleh sahabat dari Kuala Krai tadi, guru Bahasa Inggeris ini sekejap-sekejap di panggil kementerian atau jabatan pergi kursus meninggalkan anak-anak murid. Kejap, kejam kursus, kejam, kejam kursus, kejam, kejam kursus dan akhirnya sekolah yang pernah mencatat 15 5A tahun ini tinggal 4 orang sahaja Tuan Pengerusi. Saya minta pada kementerian kalau hendak panggil cikgu kursus, panggilah waktu cuti sekolah,

jangan ganggu pelajaran anak-anak kita. Banyak berlaku ini, di tempat-tempat. Apa pasal masa cuti sekolah tidak boleh panggil kursus, mengapa waktu sekolah biasa pula diadakan kursus.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi Tuan Pengerusi, yang ini yang saya hendak sampaikan dan saya menyokong, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

3.07 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sebenarnya hendak mencelah Jasin tadi tetapi saya diberi perbincangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Celah sekaranglah ya Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih. Saya hendak khusus kepada, saya lanjutkan terus. Ini dilema Kementerian Pelajaran sebenarnya, dia antara hendak menghantar kursus-kursus sewaktu sesi persekolahan ataupun sewaktu cuti sekolah. Jadi baru-baru ini sebahagian guru telah dihantar bertugas dan berkursus dalam cuti sekolah dan nampaknya kesatuan telah membantah terhadap perkara ini.

Jadi dalam konteks ini saya ingin kembali kepada semangat guru pada suatu ketika dahulu di mana kita tidak seharusnya cepat hendak mengaitkan insentif guru ini dalam bentuk kebendaan kerana saya sebenarnya faham dan tahu bahawa ramai di antara guru-guru ini suka sebenarnya bersukarela dalam konteks perkhidmatan *Lillahi Taala*. Tetapi apabila kita terlalu banyak sangat menonjolkan aspek insentif kebendaan ini, jadi ini boleh mengganggu oleh kerana itulah apa yang saya hendak sarankan kepada kementerian ialah supaya memperkasakan semangat guru suatu ketika dahulu di mana mereka boleh bekerja secara sukarela.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil cermin mata sebab tidak nampak *[sambil memakai cermin mata]* Perkara yang saya hendak khususkan ialah perkara 040100, iaitu bahagian EPRD ataupun perancangan dan penyelidikan saya berharap supaya satu kajian tindakan dibuat oleh kementerian ini terhadap kepimpinan dan profesionalisme perguruan dan ini sangat mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran guru ini terhadap anak-anak kita.

Sehubungan ini, sebenarnya saya hendak khusus kepada ramai di antara guru-guru ini adalah profesional bahawa mereka ini sebenarnya boleh menentukan sama ada pelajar-pelajar yang diajar atau dibimbingnya boleh mencapai celik huruf ataupun sebaliknya. Jadi sehubungan ini, saya sangat berharap supaya elemen guru pakar dari segi pemulihan dapat diinstitusikan.

Kalau saya ambil contoh di negeri Selangor, ada seorang individu guru namanya Ravinmisran. Dia ini sebenarnya boleh mencabar guru dan orang lain bahawa kalau ada murid dalam tahap satu maknanya tahun tiga tidak tahu 3M, buta 3M kecuali dia ini cacat pemikiran, dia mencabar sesiapa sahaja hantar murid ini kepada dia dalam tempoh dua bulan maknanya murid ini boleh belajar ataupun boleh celik huruf dengan baik.

Sehubungan ini, saya sangat berharap supaya pihak kementerian dapat secara jujur dengan memberitahu data yang sebenarnya berapakah sebenarnya murid-murid yang buta huruf ataupun tidak celik 3M, di kawasan-kawasan tertentu supaya kita selaku pemimpin di peringkat akar umbi dapat turut membantu mereka.

Perkara yang keduanya, yang Sabak Bernam ingin nyatakan ialah berkaitan dengan apa yang di sebut oleh sahabat saya dari Kuala Krai. Saya ingat kita tidak adil untuk menyatakan bahawa nazir itu membazir sebab nazir ini sebenarnya satu institusi yang mempunyai peranan yang sangat penting. Saya tahu bahawa sekarang ini pihak kementerian sendiri telah mewujudkan satu pemantauan yang mesra guru-guru dan ini memang saya sangat galakkan di mana nazir itu pergi ke sekolah untuk membantu dan memberi semangat kepada guru-guru ini dan bukan apa yang disebutkan ditakuti oleh guru-guru ini.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Dalam konteks ini saya yakin kalau guru-guru ini dapat diberikan perangsang oleh kumpulan nazir mereka ini menjadi guru yang bertambah baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Langat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih, dari segi *practicalitynya*, saya lihat nazir ini selalunya bila guru-guru besar atau pengetua-pengetua yang tidak berfungsi lagi, maka dihantar kementerian menjadi nazir, itu pertama. Yang keduanya saya lihat, kalau di United Kingdom ramai *stakeholders* akan tertunggu-tunggu laporan nazir pada tiap-tiap tahun kerana ia memberi impak kepada prestasi sekolah-sekolah yang berkenaan. Saya hendak tanya, Sabak Bernam, sama ada di kementerian kita ada laporan naziran bagi tiap-tiap tahun yang diisytiharkan di media masa untuk memberikan rangsangan kepada guru-guru untuk membaiki prestasi di peringkat sekolah?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih sahabat saya dari Kuala Langat, saya bercakap sedikit pengalaman dalam jabatan pelajaran 12 tahun yang lalu. Jadi oleh kerana itu yang terkini saya ingat kementerian kena jawab di mana pihak nazir menjadi salah satu daripada jabatan yang dijemput oleh untuk membincangkan dan memuafakatkan tentang pelajaran di Jabatan Pelajaran Negeri dan ini akan menjadi satu kawalan terhadap prestasi guru-guru itu. Jadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Perkara yang kedua akhirnya ialah berkaitan dengan mata pelajaran MPV. Saya melihat mata pelajaran vokasional ini sebagai satu mata pelajaran yang sangat penting yang boleh memberikan perhatian kepada pelajar-pelajar yang tidak begitu bagus akademiknya. Oleh kerana itu saya sangat berharap supaya mata pelajaran vokasional ini dapat dipelbagaikan supaya pelajar-pelajar yang sebenarnya tidak begitu cemerlang ataupun sederhana dapat memberikan tumpuan dan ini akan mengurangkan masalah gejala ponteng yang bagi Sabak Bernam ponteng ini adalah ibu kepada segala gejala sosial yang negatif.

Perkara yang terakhir sekali yang saya ingin nyatakan ialah ucapan terima kasih Yang Berhormat Menteri khususnya yang telah menjanjikan sebuah dewan bagi Sekolah Menengah Munsyi Abdullah. Satu-satunya sekolah di hujung dunia Selangor yang bukan sahaja akan dimanfaatkan oleh sekolah itu, tetapi juga oleh 15 sekolah kebangsaan yang ada di sekitar kawasan. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sepanggar. Berapa orang lagi hendak berucap?

3.10 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah. Memang atas pemansuhan yuran peperiksaan pada baru-baru ini telah memberikan banyak kebaikan kepada ibu bapa dan khasnya kepada murid-murid kita. Tetapi yang masalah sekarang ialah kita minta juga supaya yuran-yuran seperti yuran sukan dan yuran pendaftaran juga dimansuhkan. Oleh sebab setiap bermulanya sekolah, ramai kanak-kanak tidak dapat masuk ke sekolah disebabkan pembayaran yuran masuk sekolah ini.

Itu sebab ramai juga ibu bapa akan mengunjungi Ahli Parlimen untuk memohon bantuan mengenai yuran kemasukan sekolah ini. Saya rasa sangat-sangat membebankan ibu bapa dan saya merayu juga ini juga dimansuhkan. Menyentuh mengenai Butiran 03500 - Ubahsuai dan Naik Taraf & Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih oleh sebab di kawasan saya memang tidak dinafikan banyak peruntukan telah diberi untuk membaiki pulih bangunan-bangunan sekolah khasnya di luar bandar. Daripada sekolah kebangsaan sehinggalah ke sekolah menengah. Saya memohon agar disebabkan peruntukan ini begitu besar, saya minta supaya pemantauan itu juga melibatkan guru-guru dan PIBG.

Oleh sebab pada dahulunya kita dapati bahawa bangunan-bangunan, apabila mereka membina bangunan, guru-guru dan PIBG tidak dilibatkan sehingga kawasan-kawasan yang sering kali dilanda banjir, masih juga dilanda banjir oleh sebab mereka tidak ada perbincangan awal mengenai bagaimana mereka dapat menaik tarafkan bangunan sekolah ini. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin merayu supaya sekolah-sekolah mubaligh, *mission school* ini dengan izin, di kawasan saya khususnya di Sepanggar ini begitu banyak sekali sekolah-sekolah *mission* yang telah dibina pada tahun 60an dan juga pada tahun 50an. Kita dapat lihat pada ketika ini, keadaan bangunan itu begitu uzur sekali. Contohnya di SK St. Catherine kita telah diberitahu oleh pihak jurutera daripada JKR dan juga jurutera daripada DBKK di mana sekolah SK St. Catherine itu tidak selamat. Bangunan itu telah uzur. Saya difahamkan bahawa pihak sekolah telah pun memohon bantuan daripada pihak kementerian. Tetapi sehingga kini belum pun dapat kita ketahui sama ada bantuan itu dapat diberi ataupun tidak? Saya merayu di sini supaya pihak kementerian dapatlah buat kajian dan berilah bantuan itu kepada sekolah *mission* ini disebabkan kita tahu dan tidak dinafikan bahawa ramai murid-murid berbilang kaum dan berbilang agama sedang belajar di sekolah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat ya?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Jadi itu sebab saya mohon agar sekolah ini diberi bantuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

3.15 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Lama sudah saya tunggu. [*Dewan riuh*] Saya ingin membangkitkan empat isu sahaja. Jadi sebelum saya teruskan ucapan saya, saya hanya ingin bangkitkan jawapan yang saya terima daripada Dewan ini mengenai kajian status pencapaian murid yang dijalankan terhadap murid tahun tiga mengenai program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik.

Dalam jawapan yang saya terima, kajian yang dijalankan oleh kementerian menunjukkan bagi mata pelajaran Sains tahun tiga pada tahun 2005, sebanyak 8.3% murid berjaya memperoleh markah 40 ke atas. Manakala bagi mata pelajaran Matematik tahun tiga pula, hanya sebanyak 53.1% murid memperoleh markah 40 ke atas. Kajian tersebut sebenarnya menunjukkan bahawa 46.9% ataupun hampir 47% murid tahun tiga gagal mencapai markah 40 dalam ujian Matematik.

Saya berasa hairan kerana Kementerian Pelajaran menetapkan markah 40 sebagai markah kelulusan bagi murid sekolah rendah kerana ini merupakan markah kelulusan yang sangat rendah. Sekiranya seseorang murid tahun tiga gagal mendapat 40 markah dalam ujian Matematik, ini bermaksud dia tidak tahu macam mana buat pengiraan tambah, tolak, kali dan bahagi dalam angka tiga digit? Ini bermaksud pemahaman murid-murid kita dalam Matematik adalah lebih teruk berbanding dengan murid-murid sebelumnya.

Keputusan kajian yang dijalankan oleh pihak kementerian ini menunjukkan dasar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar untuk mengajar Matematik dan Sains kepada murid-murid sekolah rendah adalah satu dasar yang gagal langsung. Ramai guru sekolah rendah mengadu bahawa mereka tidak tahu sama ada mereka mengajar Bahasa Inggeris ataupun Matematik dalam kelas Matematik mereka. Selain itu, ramai di antara guru-guru sekolah rendah ini memang kurang fasih di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena pindah topik lain. Yang Berhormat ada empat. Masa tidak cukup nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey. Jadi macam mana kita mahu para guru ini untuk terus mengajar murid-murid sekolah rendah dalam bahasa Inggeris? Jadi saya berasa kesallah Menteri Pelajaran kita yang memang telah tahu tentang kegagalan dan masalah dasar ini masih degil untuk meneruskan cara pengajaran ini. Beliau berkata kementerian hanya akan mengkaji semula dasar ini selepas tahun 2008, iaitu selepas murid-murid yang belajar Sains dan Matematik melalui bahasa Inggeris

masuk ke tahun enam. Apakah ini bermaksud bahawa kementerian ingin terus menggadaikan masa depan beribu-ribu kanak-kanak kita sehingga generasi muda kita ini jahil dalam Matematik dan ini adalah bercanggah dengan tujuan asal dasar kementerian.

Isu kedua yang saya nak minta ialah tentang pembukaan semula bangunan asal SJK(C) Damansara yang mana telah ditutup selama 2,130 hari iaitu hampir enam tahun sehingga hari ini. Memandangkan kawasan Petaling Jaya memang kekurangan sekolah rendah Cina untuk memenuhi permintaan ibu bapa dari pelbagai kaum terhadap sekolah Cina, jadi saya ingin minta pihak kementerian untuk membuka semula SJK(C) Damansara di Petaling Jaya.

Isu ketiga, minta dirikan sekolah rendah Cina di Sri Petaling. Ini kerana lebih daripada 90% daripada penduduk di kawasan Sri Petaling ialah kaum cina dan kawasan ini mempunyai tiga sekolah kebangsaan tetapi tiada sekolah rendah Cina. Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk terpaksa menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sekolah rendah Cina di tempat yang jauh dari rumah mereka. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk menambah sebuah lagi sekolah rendah Cina di Kuala Lumpur. Tetapi mereka hanya boleh pilih di antara sama ada Cheras ataupun Sri Petaling. Jadi, saya ingin minta pihak kementerian mengambil pendekatan untuk membina sekolah mengikut keperluan masyarakat tempatan dengan mendirikan sekolah rendah di Sri Petaling dan Cheras.

Isu keempat, bekalan buku teks tidak cukup di kebanyakan sekolah kebangsaan sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Saya terima aduan daripada ibu bapa yang anak mereka belajar di sekolah kebangsaan menengah dan juga sekolah rendah bahawa selalu berlakunya bekalan buku teks yang tidak cukup di kawasan Lembah Klang. Jadi, kadang-kadang ketidakcukupan ini menyebabkan kebanyakan mereka terpaksa membuat fotostat buku teks mereka. Malah ada juga pelajar yang pergi ke sekolah tanpa buku teks selama lebih dari setengah tahun. Jadi, saya ingin minta pihak kementerian mengambil perhatian tentang masalah kesuntukan buku teks yang selalu berlaku ini.

Akhirnya Tuan Pengerusi, kami faham bahawa salah satu ketika slogan kerajaan adalah "Kepimpinan Melalui Teladan". Jadi memandangkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini, tiap-tiap tahun dalam perhimpunan agung UMNO menunjukkan keris.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat itu tidak berkaitan, Yang Berhormat sudahlah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dan menyatakan inilah budaya Melayu. Tuan Pengerusi, saya tanya Rantau Panjang dan juga Pasir Mas, mereka kata ini memang bukan budaya Melayu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh cukup.

Seorang Ahli: Dia tidak tunjuk keris dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Seputeh, sila duduk. Rantau Panjang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cukuplah, duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bercanggah dengan Islam, betul ke Rantau Panjang?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Seputeh sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengkaji diri sendiri sebagai menunjukkan teladan yang baik bagi murid-murid sekolah supaya mereka tidak bawa keris ke sekolah pada masa yang akan datang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa Tuan Pengerusi, keris ke ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Untuk mengatakan ini adalah budaya Melayu. Rantau Panjang

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah sila duduk. Saya sudah beri Yang Berhormat, ok Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu pun ada keris lima, senjata kita itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bawa satu dua isu kerana saya minta Timbalan Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Agung pun pegang keris juga.

3.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya 00200 - Pendidikan Menengah. Saya ingin dapat kepastian mengapa sekolah matrikulasi yang diperuntukkan sebanyak RM790 juta itu masih lagi tidak boleh wujud di Kelantan? Saya rasa masalah tanah tidak akan berbangkit di Kelantan ini kerana tanah yang kerajaan Kelantan bagi dahulu sebanyak 500 ekar di Kampung Tangok, Bachok pun masih tidak dipenuhi oleh sekolah-sekolah.

Yang keduanya, 020700 - Pendidikan Guru. Saya hendak tanya bagaimanakah kedudukan guru-guru J-QAF? Berapa ramai sekarang ini diambil guru J-QAF dan apa nasib mereka? Dan apakah mereka ini akan kekal mengajar bahasa tulisan Jawi sahaja di sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah menengah dan tidak diberi peluang untuk mengajar pelajaran-pelajaran agama sesuai dengan keputusan mereka itu? Jangan kita jadikan buldozer ada tapi kita gunakan untuk buat gali parit belakang rumah atau buat tolak busut sahaja. Gunakanlah buldozer ini di tempat yang sesuai.

Yang ketiga ialah masalah bantuan modal di bawah 01100. Saya ingin mengetahui sejauh mana bantuan modal ini telah disampaikan ataupun tercicir boleh sedikit kepada sekolah-sekolah rakyat ataupun dikatakan SAR dahulunya. Dan saya dimaklumkan ada beberapa sekolah rakyat ataupun SAR ini telah pun diberi bantuan modal ini khususnya dikatakan ialah bantuan per kapita. Saya ingin mendapat penjelasan daripada menteri, dan yang tidak dapat itu apakah masalah yang masih dihadapi sekarang ini? Yang telah dapat, apakah mereka ini telah membuat pengakuan khususnya untuk menuruti apa yang diiklankan oleh kementerian ataupun mereka ini semuanya akan patuh kepada apa yang diarah oleh UMNO.

Dan 03900 - Pembelian Tanah yang diperuntukkan sebanyak RM120 juta. Saya ingin mengetahui sejauh manakah tanah yang telah dibayar oleh kementerian kepada Jabatan 'Jajahan' Pasir Mas dalam Parlimen Rantau Panjang iaitu lima tahun dahulu dengan tujuan untuk membina sebuah sekolah integrasi. Saya hendak tanya apakah sekolah ini akan dibina dan ataupun sekolah ini dibatalkan tidak jadi untuk dibina? Dan saya melihat dalam RMK-9 pun, bahawa tidak ada lagi sekolah integrasi di dalam Parlimen Rantau Panjang ini. Kalau tidak keberatan saya minta supaya pihak kementerian cuba usahakan supaya perkara ini menjadi kenyataan. Jangan hanya menjadi janji di bibir mulut sahaja.

Akhirnya ialah 030400 - Pendidikan Islam dan Moral. Ini saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian. Sejauh manakah kajian dibuat, keberkesanan hasil daripada adanya Pendidikan Islam dan Moral di sekolah-sekolah, sama ada sekolah kebangsaan ataupun sekolah menengah di seluruh Malaysia ini?

Dan kajian-kajian yang dibuat itu adakah memerlukan *syllabus* itu ataupun '*manahasit*' itu ditukar ganti kepada *syllabus* yang sesuai dan boleh meningkatkan kefahaman Islam kepada mereka-mereka beragama Islam dan meninggikan lagi moral kepada mereka-mereka yang tidak beragama Islam ini. Dan kalau tidak keberatan saya minta pihak kementerian memberi sedikit panduan kepada Ahli-ahli Parlimen sekalian bagaimanakah cara *approach* yang digunakan oleh guru-guru agama atau guru mengajar moral ini kepada murid-murid di semua sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

3.24 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membahaskan perkara yang berkaitan dengan 00100 - Pendidikan Pra Sekolah dan Rendah. Khususnya mengenai akses kepada pendidikan pra sekolah. Kita sedia maklum Kementerian Pelajaran Malaysia masih belum dapat memastikan akses kepada pra sekolah kepada semua kanak-kanak dalam kumpulan umur lima tahun. Bilangan pra sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah sangat kecil berbanding dengan pra sekolah kendalian Kemas dan pihak swasta.

Mengikut perangkaan Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri pada tahun 2005, pada masa ini pra sekolah dikendalikan oleh KPM - 3,267 buah, ABIM - 312 buah, Jabatan Agama Islam Negeri - 473 buah, Kemas - 6,920 buah, Jabatan Perpaduan Negara - 1,500 buah dan pihak swasta - 3,847 buah. Sedangkan kita sedia maklum mendapatkan pendidikan pra sekolah penting kerana kesediaan pembelajaran, *learning readiness* dengan izin sangat mempengaruhi tahap penguasaan 3M murid-murid di sekolah rendah. Dan dengan mengikuti pra sekolah yang berkualiti tinggi, akan menyediakan kanak-kanak dengan asas kemahiran 3M - membaca, menulis dan mengira apabila masuk tahap satu.

Selain itu, pendidikan pra sekolah dapat memenuhi keperluan sosial kanak-kanak dan impak positif pendidikan tersebut membantu kanak-kanak meningkatkan kecergasan, membentuk personaliti dan memupuk kreativiti dan kemahiran sosial. Kemahiran tersebut sangat berguna apabila kanak-kanak memasuki sekolah rendah. Dapatan kajian *The Impact Of Pre School Intervention On Primary Pupils In Malaysia* tahun 1996 dengan izin yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran sendiri menunjukkan bahawa ada perbezaan yang *significant* dari segi pencapaian kanak-kanak di tahun satu antara yang pernah mengikuti pra sekolah dengan yang tidak mengikuti pra sekolah. Mereka yang pernah mengikuti pra sekolah mendapat keputusan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, adalah disarankan supaya KPM menjadikan agenda utama untuk memperluaskan program pra sekolah bagi memenuhi keperluan kanak-kanak terutama di golongan berpendapatan rendah untuk mendapat pendidikan pra sekolah. Justeru mereka tidak terpinggir kerana tidak mampu membayar yuran pra sekolah swasta yang agak mahal. Contohnya kalau di kawasan Seremban yang juga termasuk sebahagian dalam Parlimen Rembau, kalau swasta itu RM80 ke RM100 bagi seorang murid. Ada yang sampai RM200, jadi bayangkan kalau lima anak berapa harus tiap-tiap keluarga keluarkan perbelanjaan.

Yang kedua, dicadangkan supaya lebih banyak kelas/pusat pra sekolah kerajaan diwujudkan terutama di pinggir bandar seperti di Paroi dalam kawasan Parlimen Rembau. Sebab di Paroi ini ada 55 taman perumahan, dan tiap-tiap taman perumahan itu ada antara 2,000 hingga 4,000 penduduk. Dan rata-rata penduduk kawasan ini sebahagiannya masih produktif, berumur antara 30 ke 40 tahun. Dan anak mereka berusia sebahagian besarnya bawah 10 tahun. Jadi dengan itu keperluan untuk pra sekolah ini sangat tinggi supaya dengan itu dapat membantu mengurangkan belanja kos hidup sebab di pinggir bandar sekarang ini, sebahagian besar daripada mereka yang di Paroi itu menyewa rumah ataupun bayar *loan* rumah dengan kerajaan, dengan bank, membayar *loan* kereta dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya satu unit khas di Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjaga hal-hal berkaitan pra sekolah seperti unit rendah dan unit sekolah menengah yang ada sekarang. Jadi dengan cara itu pemantauan dan juga perancangan untuk menyediakan pra sekolah ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Jadi saya sangat-sangat berharap supaya pihak kementerian dapat timbang di Paroi ini misalnya di kawasan Senawang, di kawasan Taman Tuanku Jaafar, di kawasan Taman Seri Pagi yang rata-rata penduduknya sangat padat. Dan juga sekarang ini mereka bergantung kepada kelas-kelas tadika perpaduan yang jumlahnya cuma ada satu, dua di tiap-tiap bukan semua kawasan perumahan tetapi yang ada di berhampiran dengan sekolah rendah tetapi jumlah murid yang boleh masuk cuma 30 hingga 35 orang sahaja. Sedangkan permintaan ada 300 ke 400 orang.

Jadi sebab itulah saya harap-harap sangat pihak kementerian dapat menimbangkan perkara ini walaupun saya dah membangkitkan dua, tiga kali sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian.

3.29 ptg.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010900. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan supaya kementerian mungkin agaknya dapat menjalankan usaha untuk membangkitkan kesedaran khususnya di kalangan ibu bapa.

Ini berkaitan dengan khidmat pengurusan kesedaran di kalangan ibu bapa bahawa kos pendidikan anak-anak pada tahun-tahun yang mendatang ini akan meningkat. Suka tidak suka kita kena terima hakikat untuk mendapat pendidikan yang terbaik maka kita perlu membuat persiapan dari segi rancangan ekonomi keluarga itu harus tersusun supaya mereka dapat bersedia untuk menerima sebahagian daripada tanggungjawab untuk menanggung kos pendidikan anak-anak di masa akan datang. Ini juga ada hubung kaitnya dengan soal mungkin kita harus melihat kepada ganjaran yang kita beri kepada guru-guru.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi ada mengatakan bahawa guru-guru sepatutnya lebih kepada membuat kerja-kerja kebajikan tetapi dalam dunia yang nyata ini saya kira kita harus juga melihat kepada apa yang berlaku di sekeliling kita. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai contoh, satu kajian yang dibuat oleh majalah Times baru-baru ini menyatakan kepada kita guru sekolah menengah di Amerika sebagai contoh hanya memerlukan 43 jam untuk mendapat pendapatan USD1000. Guru pada puratanya di Amerika mendapat pendapatan USD1000, dia mencecah pendapatannya USD1000 dalam masa 43 jam sahaja.

Kita mungkin 43 hari bekerja pun tidak tahu sama ada guru itu mendapat RM3,500 atau tidak. Jadi kita harus lihat Yang Berhormat perkara ini sama ada melalui pertubuhan ataupun kesatuan-kesatuan yang melihat kepada kebajikan guru-guru ini supaya membuat persediaan untuk mengambil langkah kesedaran, membangkitkan kesedaran di kalangan ibu bapa terhadap kos pendidikan yang akan meningkat dari tahun ke tahun. Jadi kalau kita bandingkan pendapatan yang diterima oleh guru-guru ini tentulah ini satu perkara yang kalau kita buat sebagai perbandingan adalah satu perkara yang mungkin teramat rendah.

Jadi mungkin agaknya ini yang menjadi pepatah Inggeris itu menjadi kenyataan, '*you give peanuts, you get monkey*'. Jadi kalau guru itu dia bertindak seperti itu payahlah anak-anak kita yang kadangkala mungkin sudah masuk sekolah menengah pun ada yang tidak boleh membaca. Jadi ini semua perlu kita lihat kembali supaya usaha dapat dimantapkan bagi tujuan meningkatkan profesion perguruan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kanowit.

3.33 ptg

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada Butiran 03500 - Ubah Suai dan Naik Taraf Sekolah di Sabah dan Sarawak. Satu *outstanding* isu di kawasan saya di Kanowit adalah projek *relocation* SMK Sedaya. Saya ingin tahu apakah status naik taraf ataupun *relocation* projek ini yang telah dirancang semenjak tahun 1999 dahulu. Saya difahamkan tapak baru sekolah ini sudah pun ditetapkan tetapi sampai sekarang selepas tujuh tahun belum ada apa-apa yang telah dibuat pada projek ini. Untuk pengumuman Dewan yang mulia ini sekolah menengah ini adalah satu daripada sekolah yang tertua di Sarawak tetapi malangnya kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam belum ada dan bekalan air pun *stand a lone system*.

Jadi baru-baru juga satu daripada asrama yang diperbuat daripada kayu telah terbakar dan sebab itu saya mintalah kerajaan ataupun pegawai-pegawai dari kementerian ini melawat sekolah ini supaya mereka memahami masalah sebenar di

sana dan kalau boleh dipercepatkan apa yang telah dirancang selama tujuh tahun yang lalu.

Satu lagi juga masalah yang saya lihat di kawasan luar bandar terutamanya saya ingat mungkin juga berlaku di semua tempat di Sarawak ialah sekolah yang kurang murid ini di kalangan sekolah-sekolah di luar bandar. Ini termasuk sekolah-sekolah kerajaan dan juga sekolah-sekolah SKJC. Kalau dapat saya juga ingin kerajaan mengkaji masalah ini dan kalau boleh menubuhkan satu sekolah gabungan ataupun *centralize school* di mana kelengkapan yang cukup diberikan kepada sekolah-sekolah itu dan ini akan memberi perkhidmatan dan pendidikan yang lebih sempurna kepada murid-murid di sana.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Butiran selanjutnya adalah 03600 dan 04600 berkaitan dengan Sistem Pengkomputeran dan Sistem Sekolah Bestari. Di kawasan luar bandar, yang sering berlaku sekarang ini ialah saya ingat projek ini mungkin tidak berjaya oleh sebab satu masalah besar adalah bekalan elektrik yang tidak ada dan juga telefon yang tidak ada. Jadi tiap-tiap tahun kita mendengar rancangan kerajaan untuk meningkatkan tahap Sistem Pengkomputeran ataupun Sistem Sekolah Bestari. Saya fikir di kawasan saya di Kanowit saya tidak tahu berapa buah sekolah yang sudah dapat melaksanakan program-program ini. Jadi saya menyerulah kepada kerajaan ataupun kementerian kalaulah, kita memang tahu bekalan elektrik 24 jam dari SESCO tidak ada, cubalah beri banyak sedikit peruntukan untuk mereka membeli diesel supaya generator set mereka dapat jalankan dengan lebih lama. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

3.36 ptg

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang pertama 020400, Yang Berhormat Menteri ada umumkan mengenai konsep sekolah *cluster* untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Saya mahu tahu sama ada konsep ini akan mengikuti, melakukan 100% nya meritokrasi atau semacam apa yang ada meritokrasi yang palsu untuk *intake* pelajari-pelajar masuk universiti. Ini mustahak oleh sebab dalam cabaran yang kita menghadapi di mana teknologi dan globalisasi sudah membolehkan kerja *didigitize* dan *dioutsource* ke mana-mana tempat dunia, kualiti pekerja sangat penting untuk menentukan sama ada negara kita boleh bersaing.

Sebab itu pelajaran ada disifatkan sebagai *black gold* dalam ekonomi-ekonomi Abad 21. Di sini saya ada satu surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus kepada sekolah-sekolah yang menunjuk bahawa untuk sekolah rancangan khas atau SRK disifatkan sebagai dikategorikan oleh jabatan pendidikan ada tiga sekolah, iaitu SMK KGV, King George V, Seremban, SMK Tuanku Mohamad Kuala Pilah dan SMK Tuanku Besar, Tampin. Tetapi syarat-syarat untuk kemasukan ke Tingkatan Satu tahun 2007 ke sekolah-sekolah khas ini ialah bahawa UPSR mendapat 5A dalam UPSR 2006.

Tetapi untuk murid-murid dari SJKC dan SJKT perlu mendapat 7A, untuk Sekolah Rendah Kebangsaan 5A cukup tetapi untuk SJKC dan SJKT perlu 7A dan lebih dahsyat bukan sahaja itu adalah syarat yang tidak adil ada lagi satu syarat bahawa mulai tahun 2007, semua kelas Tingkatan Satu untuk sekolah khas ini pengambilan murid adalah terdiri daripada 90% bumiputera dan 10% non bumiputera. Kenapa, bukan sahaja mahu *benchmark* lebih tinggi, 5A mahu 7A tetapi pun 90%, 10%. Bukankah ini, apa ini *cluster* sekolah-sekolah kecemerlangan? Bagaimana kita boleh menjadikan sekolah-sekolah kita sekolah-sekolah kecemerlangan di dunia.

Sebab itu kita tengok dalam semua statistik-statistik di dunia mengenai *quality system education, quality of the education system*, kita Malaysia tidak *appear* langsung dalam reda dunia, *we don't appear* oleh sebab kita tidak ada meritokrasi kita tidak *excellent*. Saya harap bahawa inilah kita boleh dapat jawapan daripada Yang Berhormat dan adakah ini sebabnya kenapa kita dapat laporan daripada UNESCO baru-baru ini bahawa dengan izin, "*Malaysia has been identify as one of the 24 country has recorded a drop in his primary education and roman between 2000, 2004 according to UNESCO report education for all global monitoring report*".

Kita mahu bersaing, kita perlu satu konsep Malaysia *versus the rest* dan bukan kita, bumiputera *versus* bumiputera. *Time* kita *come to separate*.

Lagi satu ialah mengenai kurikulum pendidikan menengah. Ada banyak kompelin. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya seorang *historians* bahawa sejarah tidak diberi tempat yang sewajarnya dalam kurikulum kita. Adalah sungutan *history is dead*. Kita diberi tempat supaya rakyat kita faham bahawa bukan sahaja sejarah mengenai kebudayaan, mengenai warisan kita dan antara sebab itu kita tengok apa yang berlaku dalam *syllabuses*, *text books* kita bahawa tidak ada satu sikap *Malaysianization*, nampaknya lebih *Islamization*, *Islamic history*. Tidak ada *world history* yang kita patut ada dan ada kompelin bahawa dengan izin, kita perlu *more world history in the syllabus or more history in the syllabus of 30, 40 years ago compared to today*.

Sebab itu kita tidak ada pandangan yang perlu globalisasi. *The world is the oyster for all Malaysian*. Sebab itulah kita harap bahawa dalam perkara.. Itulah sebab apa yang berlaku baru-baru ini, tidak faham apa ertinya keris orang Melayu betul. Ini adalah satu simbol *power of the symbol justice* tetapi apabila digunakan dalam konteks May 13, konteks orang Melayu amok, konteks bahawa mandi dalam darah, itulah *provocation*.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah simbol *aggression*.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akhirnya saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran bolehlah timbang, bolehlah memperbetulkan sendiri. Sistem pelajaran ialah memupuk *nationality*. Ia sekarang menjadi simbol *disunity*.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan ini tidak boleh terus dibiarkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

3.42 ptg.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 080300 – Bertugas Ke Luar Negara. Saya sebenarnya selalu didatangi oleh guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah yang mengadu tentang nasib mereka tidak diberikan kemudahan apabila mengikuti suami ataupun isteri yang bertugas di luar negara. Saya timbulkan perkara ini kerana banyak *report* yang saya dapat tahu bahawa pegawai-pegawai yang mengikuti rombongan ke luar negara ataupun bertugas di luar negara yang ingin membawa isteri mereka yang secara kebetulan mengajar di sekolah, mereka ini tidak dapat diberikan cuti bergaji penuh oleh kerana arahan ada dikeluarkan oleh pihak kementerian yang tidak membolehkan mereka itu boleh ikut suami tetapi diberikan cuti tanpa gaji.

Saya fikir arahan ini perlu dikaji semula supaya guru-guru ini dapat mengikut suami atau isteri mereka yang bertugas di luar negara kerana pada saya dari segi Kementerian Pelajaran tidak ada apa-apa dia rugi sebab perbelanjaan untuk ke sana dibiayai sendiri. Pada saya adalah lebih baik Kementerian Pelajaran memberi peluang kepada guru-guru ini untuk mengikut suami atau isteri mereka yang bertugas di luar negara ini supaya dapat mengkayakan pengalaman mereka sebagai seorang guru.

Lagi pula dari segi moralnya, adalah lebih baik suami yang bertugas ke luar negara ada isteri mengikut di belakang. Dari segi moralnya baik. Begitu juga dari segi kerjaya, ini akan boleh menambahkan guru-guru tadi dari segi pengalaman dia, pengetahuan mereka berkenaan dengan hal-hal luar negara. Misalnya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh tanya sedikit?

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: ...kalau mereka ini...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau isteri yang ke luar negeri, bolehkah suami yang ikut juga?

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Boleh, dengan perbelanjaan sendiri. Jadi misalnya, kalau misalnya mereka ini guru Ilmu Alam hendak mengikut suaminya, mereka akan dapat satu pengetahuan yang baru, melihat sendiri misalnya pemandangan tempat-tempat bersejarah di luar negara di mana pengalaman ini nanti dapat digunakan apabila mereka bertugas di sekolah-sekolah yang berkaitan.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian supaya arahan ini dapat dikaji semula dan dibenarkan mereka ini dapat turut serta berdasarkan kepada alasan-alasan yang saya berikan tadi. Itu satu, Tuan Pengerusi.

Yang keduanya ialah Butiran 02100 – Pengurusan Pentadbiran Negeri. Begitu juga dalam soal pentadbiran, soal pertukaran guru-guru ini, ada sesetengah tempat guru-guru ini ditukarkan pada saat-saat dua, tiga bulan sebelum peperiksaan berlangsung. Jadi dua, tiga bulan, misalnya UPSR, mereka ini ditukarkan ke sekolah lain ataupun tempoh mereka pencen, dua, tiga bulan sebelum peperiksaan. Jadi bermakna mereka ini tidak dapat menumpukan ataupun memberikan khidmat mereka untuk mengajar ataupun memberikan persiapan kepada murid-murid ini untuk menghadapi peperiksaan-peperiksaan tersebut kerana arahan, kalau tempoh dia hendak pencen, dia terpaksa pencen berhenti terus ataupun kalau ditukarkan, sungguhpun pertukaran ini mendapat tentangan daripada PIBG-PIBG sekolah, tetapi saya lihat nampaknya tidak diendahkan.

Jadi saya mengharapkan perkara pertukaran guru-guru ini kalau boleh janganlah dibuat sesuka hati ataupun mengikut faktor-faktor yang kami sendiri tidak dimaklumkan. Adalah lebih baik guru-guru ini menyelesaikan tugas mereka ataupun persiapan mereka ataupun perjuangan mereka melihat murid-murid ini akan mendapat satu keputusan peperiksaan yang cukup cemerlang, diajar oleh guru-guru ini, diberikan petua-petua dan sebagainya. Tidakkah dalam saat-saat keperluan mereka diperlukan, mereka ini ditukarkan ataupun mereka ini dipencenkan.

Kalau pencen, pada saya boleh tidak kementerian memikirkan pencen mereka ini ataupun tarikh persaraan mereka ini dilanjutkan sedikit bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan kepada sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terutamanya sekolah-sekolah atau kelas-kelas yang menghadapi peperiksaan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

3.47 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 021000 iaitu tentang Pendidikan Sukan. Tuan Pengerusi, kita percaya hari ini banyak merakamkan peristiwa-peristiwa yang menyedihkan di kalangan anak-anak murid kita yang terlibat dengan gejala sosial, terutamanya penagihan dadah dan akhir-akhir ini mat rempit.

Jadi pada kajian dan pemerhatian saya, kita mendapati bahawa anak-anak ini mempunyai terlalu banyak tenaga. Maka tenaga ini digunakan untuk menghabiskan masa mereka terjebak dalam perkara-perkara negatif seperti ini. Jadi saya ingin pihak kementerian berikan penjelasan, apakah fokus kementerian tentang pendidikan sukan pada hari ini. Kalau kita dapati bahawa guru-guru yang mengajar subjek-subjek ataupun perkara-perkara berkaitan dengan pendidikan jasmani, ini adalah guru-guru yang tidak mempunyai kepakaran tentang pembinaan jati diri sukan di dalam anak-anak murid.

Umpamanya guru mengajar sejarah diminta untuk mengajar pendidikan jasmani. Jadi di manakah sebenarnya kebolehan guru tersebut di dalam mendidik anak-anak murid ini supaya mempunyai semangat kesukanan ataupun kepakaran sukan yang tinggi. Jadi saya ingin mencadangkan supaya ianya dilihat semula. Guru-guru yang hanya mempunyai kepakaran dan juga pengetahuan tentang sukan ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah dan menengah supaya anak-anak ini juga boleh dijuruskan kepada kegiatan-kegiatan sukan yang akhirnya boleh membawa kejayaan ataupun kecemerlangan kepada aktiviti sukan negara.

Perkara yang kedua berkaitan dengan Pendidikan Rendah, Tuan Pengerusi iaitu Butiran 020300. Saya amat gembira apabila melihat hari ini Jabatan Pendidikan Rendah telah mulakan soalan-soalan yang piawai di seluruh sekolah. Saya ambil contoh ini dekat kawasan saya di mana kesemua peperiksaan di peringkat Darjah 3, 4, 5 dan 6 dipiawaikan soalnya di mana semua sekolah di dalam daerah Melaka Tengah akan menghadapi soalan yang sama. Tetapi baru-baru ini anak saya bawa balik satu kertas soalan dan saya dapati ada markah bonus sebanyak lebih kurang 15

markah kerana tiga soalan itu tidak mempunyai jawapan di dalam *multiple choice* yang disediakan. Jawapan pilihan yang disediakan tidak ada jawapan.

Jadi di sini saya hendak minta supaya kementerian melihat supaya ada satu unit kawalan kualiti soalan-soalan yang dilepaskan kepada sekolah-sekolah ini supaya anak-anak kita ini tidak merasa seolah-olah mereka ini tidak pandai menjawab soalan atau sebaliknya kerana hanya tidak mempunyai jawapan di dalam *multiple choice* tadi.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah tentang hukuman yang diberikan kepada guru-guru ataupun guru besar disebabkan oleh laporan-laporan daripada persatuan-persatuan ibu bapa dan guru-guru.

Saya berharap bahawa kementerian boleh memberikan perhatian. Kadang-kadang guru-guru besar ini dia bagus, dia memberikan satu tunjuk ajar yang bagus kepada guru-guru di peringkat sekolah. Tetapi oleh kerana ketegasan guru besar ini telah menyebabkan rasa tidak senang hati di kalangan ahli-ahli PIBG dan telah memberikan laporan, dan telah membuat laporan polis tentang tindak tanduk guru-guru besar ini. Guru besar yang bagus ini ditukarkan ke jabatan ataupun ke sekolah-sekolah lain.

Jadi saya kira kalau boleh pihak kementerian mempunyai satu proses yang standard bagaimana untuk mengkaji, sebenarnya guru besar ini telah melakukan perkara yang bagus. Tetapi disebabkan oleh satu tindakan yang tidak disenangi oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru, guru besar yang baik ini telah ditukarkan sehingga menjejaskan perjalanan prestasi akademik sekolah tersebut. Jadi kalau boleh, kementerian sediakan satu proses tindakan ini supaya tidak menjejaskan prestasi akademik anak-anak kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Saratok.

3.51 ptg.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh satu dua perkara berkaitan dengan pelajaran khususnya di kawasan Parlimen saya di Saratok. Terutama sekali, berkaitan dengan Butiran 00900 iaitu Asrama.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kementerian kerana sistem asrama untuk sekolah-sekolah yang terpencil di Sarawak dan juga di Sabah, telah memberi faedah kepada ramai murid daripada luar bandar untuk datang ke sekolah dan mendapat pendidikan bersama-sama dengan murid-murid daripada sekolah lain. Tetapi Tuan Pengerusi, kita perlu juga memperbaiki sesetengah bangunan asrama itu yang masih lagi dalam keadaan yang uzur, yang dibuat daripada kayu dan telah pun diguna selama 20, 30 tahun dan murid-murid yang duduk di situ, kadang-kadang ibu bapa mereka tidak cukup *confident*, tidak yakin bahawa bangunan ini tidak akan runtuh ataupun tidak akan menyebabkan apa-apa malapetaka.

Yang kedua Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Pendidikan Prasekolah dan Rendah iaitu Butiran 00100. Di kawasan Parlimen Saratok sekolah rendahnya lebih 50 buah sekolah dan kebanyakan sekolah ini, sekolah kurang murid. Saya telah membawa perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini pasal prestasi sekolah-sekolah kurang murid ini, walaupun keadaan nisbah guru pada murid agak baik adanya satu orang guru pada 10 orang murid ataupun 15 orang murid. Tetapi masalahnya Tuan Pengerusi prestasi murid itu dalam UPSR kadang-kadang tidak memuaskan dan mengecewakan. Jadi, kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar di mana seorang guru itu terpaksa berhadapan dengan 40, 50 orang murid keputusan itu semakin lebih baik.

Jadi, satu daripada masalahnya saya perhatikan di sekolah-sekolah di situ Tuan Pengerusi adalah, oleh kerana guru-guru itu kebanyakan mereka walaupun kementerian telah membangun, membuat rumah guru di situ, separuh daripada guru itu ataupun 70% daripada guru itu tidak duduk di kawasan sekolah. Kalau mengikut pengalaman pada suatu ketika apabila gurunya duduk di kawasan sekolah dia memerhatikan pelajaran murid semasa dia buat *'night prep'* belajar waktu malam, guru itu adalah di kawasan sekolah. Kadang-kadang guru itu pun menjenguk budak-budak itu apabila dia belajar. Jadi ini menguntungkan sangat, tapi keadaannya sekarang ini walaupun kuarters gurunya baik-baik belaka tapi dia kosong, guru tidak duduk di situ.

Jadi kalau kementerian dapat buat satu arahan supaya guru-guru khasnya guru-guru di sekolah yang berasrama bagi lebih sedikit masa untuk duduk bersama-sama dengan murid di sekolah itu mungkin prestasinya akan lebih baik. Tidaklah macam sekarang ini satu orang guru untuk 10 orang murid dan dalam satu kes di sekolah di kawasan saya seorang guru sekolah itu baru ada 6 orang di dalam Tahun 6. Tetapi prestasinya pada UPSR, pada satu tahun kosong sekali. Jadi, saya rasa ini dapat dipertingkatkan.

Lagi satu kes Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 03500 berkaitan dengan pengubah suai dan naik taraf bangunan sekolah. Ada satu bangunan sekolah di kawasan saya di Kabong, di mana muridnya ada 800 lebih dan gurunya 46 orang, tapi bilik kelasnya Tuan Pengerusi, masih lagi dalam keadaan yang uzur sangat. Sebab sekolah ini, bangunan ini telah digunakan selama 30, 40 tahun yang lalu. Ini dibuat daripada kayu jikalau kementerian dapat memberi perhatian sikit untuk kawasan ini saya akan berterima kasih sangat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batu Gajah.

3.55 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membangkitkan beberapa perkara sahaja. Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Apabila media melaporkan sebuah sekolah di Alor Star akan runtuh kerana dimakan anai-anai Timbalan Menteri kata, meminta guru besar jangan memaklumkan pihak berkuasa berkenaan dengan keadaan bangunan yang hampir runtuh dalam masa yang singkat, kerana ini akan menjejaskan keselamatan pelajar.

Tapi kesalnya dalam situasi St. Michael Institution di Ipoh sebuah sekolah yang dibina tahun 1912, sebuah sekolah warisan yang mempunyai 2,500 orang pelajar. Apabila bangunan mereka telah disahkan tidak selamat kerana dimakan anai-anai, pada tahun 2001 mereka dimaklumkan perlukan RM400,000 untuk membaiki atap-atap itu, tetapi mereka hanya diberi RM50,000. Baru-baru ini media melaporkan lagi bulan 10 yang lalu, melaporkan bahawa mereka sekarang dalam keadaan kecemasan. Kerana ada bilik pelajar terpaksa ditutup kerana dimakan anai-anai.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi. Pada masa 2001 saya juga menjadi Timbalan Presiden PIBG sekolah tersebut dan saya juga terlibat dan telah memaklumkan kepada kementerian. Anak saya sendiri belajar di sekolah tersebut. Kita khuatiri bila-bila masa bumbung itu akan terjatuh. Tetapi oleh kerana mungkin Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa itu adalah satu sekolah yang terbesar di negeri Perak, tetapi tidak ada apa-apa tindakan pun diambil. Walaupun anai-anai itu dengan izin, *was spreading in the whole*, apa-apa *part of the whole school* dan memberi ganjaran sebanyak RM50,000 walaupun ada *independent* rekomendasi yang telah dibuat untuk memohon RM400,000 untuk memperbaiki sekolah tersebut. Apakah sebab kerajaan menganaktirikan sekolah tersebut? Adakah ia kerana bukan satu sekolah *fully added*. Apakah sebab perkara ini terjadi? Adakah Yang Berhormat setuju kepada saya bahawa kerajaan tidak patut menganaktirikan sekolah-sekolah seperti ini sebaliknya memberikan pertolongan yang sewajarnya supaya mengatasi masalah-masalah yang berlaku? Ini adalah satu perkara yang tidak patut berlaku.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Ipoh Barat, saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Ini semua ialah anak warga Malaysia dan mereka hanya memerlukan RM400,000 dan bertungkus-lumus pada 2001 hingga sekarang baru RM245,000 melalui derma orang ramai. Mereka sekarang hanya mahu RM250,000 lagi. Saya harap pihak kementerian sebelum ini ada berkata telah mengagihkan sejumlah wang untuk membantu sekolah-sekolah. Saya harapkan RM250,000 atau lebih boleh diberi untuk sekolah St. Michael Institution Ipoh ini agar keselamatan anak-anak warga negara Malaysia ini tidak akan terjejas dan boleh meneruskan pendidikan mereka. Saya pohon jawapan bagi isu ini.

Perkara kedua ialah Butiran 030200 - Pendidikan Khas. Bajet ini ada menyatakan akan ada pertambahan kemasukan ke sekolah rendah dan sekolah menengah seramai 3.2 juta dan 2.3 juta. Saya ingin tahu sekolah-sekolah yang akan dibina di bawah

Rancangan Malaysia Kesembilan ini, apakah ada diambil kira kemudahan asas dan kemudahan *user friendly* kepada mereka yang mempunyai *disability*, dengan izin, OKU. Sebab saya dimaklumkan ada sekumpulan OKU, mereka sangat risau. Kalau pembangunan kerajaan yang akan dibina ini tidak mengambil kira kemudahan yang boleh membantu mereka berdikari, mereka akan diketepikan di arus pembangunan ini.

Saya hendak tahu berapa buah sekolah atau kesemua sekolah apakah ada mengambil kira memberikan kemudahan kepada golongan OKU ini?

Perkara yang ketiga ialah mengenai kemasukan pelajar. Ada dikatakan akan memulakan sesi 2007. Setiap kali, setiap tahun akan timbul di mana ibu bapa mendaftar anak mereka untuk belajar di sekolah yang paling hampir dengan rumah mereka, mereka tidak dapat masuk dan dihantar ke tempat lain. Saya pohon apakah garis panduan untuk penempatan pelajar-pelajar ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

4.01 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00100 – Pendidikan Pra Sekolah dan Rendah dan juga Butiran 00200 – Pendidikan Menengah.

Saya dimaklumkan bahawa kawasan Parlimen Kuala Selangor diperuntukkan sejumlah RM87 juta untuk pembinaan sekolah baru, sama ada pra sekolah ataupun sekolah rendah dan juga sekolah menengah yang melibatkan 45 binaan. Cuma saya tidak pasti sekolah-sekolah yang dimaksudkan dan saya harap senarai yang berkenaan dapat diberikan seperti yang saya pohon untuk rujukan.

Walau bagaimanapun, saya hendak menekankan betapa perlunya sekolah-sekolah baru akibat daripada pertumbuhan kawasan, pertambahan rumah dan murid. Saya ambil contoh Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2, di mana darjah 1 ada 11 kelas di Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2 dan tidak dapat menampung pertambahan murid yang begitu tinggi. Saya harap sekolah mendesak seperti ini dapat diberikan keutamaan.

Begitu juga dengan sekolah tidak selamat atau sekolah sakit. Saya hendak rujuk kepada Sekolah Kebangsaan Tanjung Keramat dalam keadaan struktur bumbung sudah rosak, bangunan yang mendap dan juga selalu berlaku litar pintas. Begitu juga kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vageesar di mana dua buah blok telah diisytiharkan oleh JKR tidak selamat. Apakah status tentang pembinaan blok yang baru.

Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan soal sekolah menengah agama. Saya hendak tahu status proses pengambilalihan sekolah menengah agama negeri oleh Kementerian Pelajaran. Saya lihat dalam Bajet 2007 ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak wujud lagi pembinaan sekolah baru iaitu sekolah menengah kebangsaan agama berasrama penuh yang mana saya difahamkan yang sudah ada sebanyak 56 buah dan saya fikir pendidikan agama seimbangan dengan pendidikan akademik, perlu ditambah sekolah-sekolah agama berasrama penuh seperti yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dengan Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan. Saya pernah bercakap di Dewan Yang Mulia ini supaya Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor dapat dibina secepat mungkin, kerana hari ini pejabat ini telah dua kali menumpang. Yang pertama di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vageesar dan yang kedua di Sekolah Tanjong Keramat dan tapak sudah disediakan cuma menunggu peruntukan untuk pembinaan kompleks pejabat pendidikan daerah.

Di samping itu juga saya berharap kepada kerajaan melalui Butiran 01100 – Bantuan Modal. Peruntukan tambahan dapat diberikan kepada sekolah-sekolah bantuan modal khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang banyak di kawasan Parlimen saya.

Begitu dengan Butiran 046000 – Sistem pengkomputeran sekolah. Hari ini kebanyakan sekolah telah dibekalkan dengan makmal komputer, tetapi komputer yang telah dibekalkan, saya ambil contoh Sekolah Kebangsaan Pasangan di Kampung Kuantan sebanyak 20 buah tetapi 10 yang rosak. Saya harap dapat diganti secepat mungkin. Begitu juga dengan beberapa buah sekolah yang lain.

Yang akhir Tuan Pengerusi, saya berharap peruntukan khas dapat disediakan oleh Kementerian Pelajaran bagi menceriaikan sekolah-sekolah, sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah kerana kita menganggap institusi ini cukup penting kepada persepsi masyarakat dan kalau dapat slogan 'Sekolahku Syurgaku' dapat dilaksanakan.

Begitu juga yang terakhir peruntukan khas dapat disediakan kepada PIBG di setiap sekolah, kerana hari ini tidak dibenarkan menggunakan peruntukan Wakil Rakyat dan kita harap Kementerian Pelajaran dapat menyediakan peruntukan khas untuk PIBG agar mereka dapat mengadakan program untuk kecemerlangan sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bera.

4.05 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 00800 – Rumah guru. Butiran 04600 – Sistem pengkomputeran sekolah. Butiran 020100 – Pengurusan sekolah.

Saya ingin membangkitkan mengenai kekurangan bajet untuk penyelenggaraan. Saya beri contoh, penyelenggaraan rumah guru misalnya di daerah Bera. Kami memerlukan sejumlah RM800,000 untuk penyelenggaraan rumah guru tetapi dukacita dimaklumkan bahawa peruntukan untuk penyelenggaraan rumah guru di Bera telah pun dihentikan semenjak tahun 2004. Saya minta perkara ini dipertimbangkan supaya diberikan semula.

Bajet untuk penyelenggaraan memang tidak mencukupi. Apabila ia melibatkan sekolah-sekolah luar bandar. Sekolah-sekolah luar bandar memerlukan pengubahsuaian dan sebagainya, terutamanya ia melibatkan sekolah yang mempunyai sistem pengkomputeran. Dengan itu memerlukan pendawaian semula. Sekolah-sekolah di luar bandar pun sekarang ini pun sudah mempunyai hawa dingin dan sebagainya dengan itu memerlukan pendawaian semula, *upgrade* dari segi pendawaian dan penyelenggaraan tidak mencukupi untuk itu.

Sebab itu kadang-kadang tidak sesuai, pendawaian mesti ditukar kepada dua *phase* kepada tiga *phase* misalnya. Tetapi oleh kerana tidak cukup wang untuk perkara tersebut, jadi perkara ini tidak dapat dilakukan. Di Bera misalnya, pada tahun 2006 kita memerlukan sebanyak RM1.6 juta untuk penyelenggaraan tetapi wang yang diluluskan hanyalah RM1.1 juta bermakna ada kekurangan sebanyak RM500,000.

Bera berharap supaya wang untuk penyelenggaraan ditambahkan memandangkan banyak sekolah-sekolah yang usang perlu dinaiktarafkan. Begitu juga dengan utiliti. Oleh kerana yang saya sebutkan tadi banyak barangan elektrik yang ditambah, seperti penghawa dingin, komputer dan sebagainya sedangkan peruntukan untuk utiliti tetap dengan peruntukan lama. Iaitu ia tidak setimpal dengan bertambahnya unit-unit ataupun perkara-perkara yang menyebabkan perkara-perkara yang boleh menaikkan jumlah bil elektrik. Saya harap perkara ini dilihat semula.

Saya juga memuji langkah pihak Kementerian Pelajaran apabila mengadakan sistem komputer di sekolah-sekolah. Tetapi malangnya oleh kerana sistem komputer yang diberi begitu lama. Misalnya empat tahun lepas apabila diwujudkan sistem komputer di sekolah. Komputer-komputer dibekalkan sesuai untuk empat tahun lepas tersebut.

Seperti yang kita tahu, komputer semakin hari semakin canggih, pengisian dia dan sebagainya akan bertambah, *RAM* dia akan bertambah. *RAM* yang baru lebih cepat daripada yang lama. Perisian yang baru mungkin berbeza daripada perisian yang lama. Tetapi malangnya apa komputer yang ada di sekolah-sekolah di luar bandar terutama adalah komputer yang sesuai untuk empat atau lima tahun yang lalu dan tidak meningkat dari segi kualitinya berbanding dengan komputer yang semakin hari semakin canggih ini. Saya berharap supaya pihak Kementerian Pelajaran melihat perkara ini supaya komputer-komputer yang ada di sekolah-sekolah di luar bandar di *upgrade* mengikut kesesuaian masa.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya hendak sebut mengenai kadar yang dibayar kepada pengusaha makan untuk makanan tambahan. Sehingga hari ini mereka dibayar RM1.20 satu kepala memandangkan kos bahan mentah terlalu tinggi sekarang ini, RM1.20 adalah terlalu murah. Tetapi kerana mereka terpaksa menyediakan

makanan, saya bimbang jikalau makanan yang disediakan itu kurang bermutu atau kurang berkualiti.

Saya berharap kalau pihak kementerian boleh mengkaji semula *rate* ataupun kadar RM1.20 untuk makanan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada dua, sebelum saya duduk Tuan Pengerusi, saya hendak kemukakan tiga soalan, ringkas.

Yang pertama, kerajaan berbelanja begitu besar untuk skim baucer tuisyen. Jadi soalan saya, sejauh manakah kejayaan tuisyen ini? Adakah ada peningkatan dari segi kelulusan, dari segi pencapaian pelajar-pelajar yang mengikuti skim baucer tuisyen. Itu soalan pertama.

Soalan kedua ialah dari segi *syllabus* di akhir tahun. Saya dapati sebulan akhir, sebelum tutupnya penggal sekolah di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah tidak ada satu *syllabus* tertentu untuk mengajar murid-murid sekolah. Saya difahamkan anak saya sendiri apabila pergi ke sekolah di hujung tahun mereka kata sudah tidak ada belajar di sekolah-sekolah. Ramai yang akhirnya tidak mahu ke sekolah. Jadi, saya harap pihak Kementerian Pelajaran memikirkan supaya ada *syllabus* tertentu untuk menjadikan murid-murid sekolah berminat lagi untuk meneruskan pelajaran di sekolah waktu hujung tahun.

Soalan ketiga saya ialah mengenai sekolah kurang murid di sekolah yang lengkap. Saya sudah bangkitkan perkara ini dua kali dan tahun lepas Yang Berhormat Menteri kata beliau akan mengumumkan dasar iaitu sekolahnya besar, lengkap, macam universiti. Di tempat saya di dalam hutan belantara ada 32 bilik darjah, lengkap dengan makmal komputer, lengkap dengan asrama. Murid? Kurang murid. Ada enam kelas sahaja digunakan. Saya kata itu merugikan. Saya mencadangkan supaya jadikan sekolah ini sebagai sekolah asrama penuh supaya tidak merugikan kerajaan. Tetapi kementerian katanya ada dasar dan setakat ini belum ada apa-apa jawapan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ini betul-betul akhir, saya hendak mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada pihak kerajaan kerana meluluskan RM750,000 untuk SJK(T) Ladang Kemayan, RM650,000 untuk SJK(T) Ladang Menteri - sekolah Tamil, tetapi masih belum mencukupi. Saya mohon supaya diberikan tambahan kepada bajet yang diberi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

4.12 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga butiran sahaja iaitu 020400, 030400 dan 02200. Di atas butiran itu saya mengambil kesempatan pertama sekali, saya melihat bagaimana negara kita begitu pesat dengan pembangunan, pendidikan dan pembelajaran di mana kerajaan mengambil sikap mengambil berat kepada anak-anak supaya mereka boleh bersekolah dan terus menyambung pelajaran mereka.

Tetapi dalam keadaan keghairahan kerajaan untuk mendidik anak-anak kita barangkali ada yang tersalah pandang ataupun terlepas pandang di mana di sana ada beberapa jenis sekolah yang tidak mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada pihak kerajaan ataupun pihak kementerian. Pertama saya suka sebutkan apa yang telah disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sebentar tadi terutama sekolah menengah agama kerajaan negeri. Walaupun ia telah beberapa kali dibangkitkan oleh kawan-kawan kita tetapi saya mengambil kesempatan lagi supaya kerajaan melihat bagaimana sekolah-sekolah menengah agama kerajaan negeri langsung tidak diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Di mana silap dan di mana salahnya?

Saya beri contoh, Tuan Pengerusi, Sekolah Yayasan Islam Negeri Kelantan. Kalau kita melihat dari segi prestasi kelulusan pencapaian peperiksaan, saya rasa bahawa sekolah menengah agama kerajaan negeri Kelantan ini yang terbaik di seluruh negara, bahkan ia dimasukkan juga di dalam keputusan cemerlang, dengan 9A, 10A dan berbagai-bagai lagi.

Jadi, saya rasa tidak elok kalau kita tidak mengambil perhatian kerana mereka adalah aset yang paling penting dalam negara kita. Di dalam Al-Quran ada

disebut..[*Membaca petikan ayat dalam Al-Quran*] Semua baca. Kita orang Islam baca ayat-ayat Quran ini. Ertinya: “Apakah sama orang yang mempunyai ilmu dengan orang yang tidak mempunyai ilmu?”

Sudah tentu, oleh kerana itulah Allah s.w.t tidak menjawab. Hanya Allah melempar pandangan, melempar kehendaknya adakah sama orang yang mempunyai ilmu dengan orang yang tidak mempunyai ilmu. Dia minta daripada kita yang menjawab. Sudah tentu tidak sama. Maka tidak sama itulah kita mengambil satu pertimbangan yang adil, waras dan tidak termasuk dalam apa yang disebut oleh Allah s.w.t[*Membaca petikan ayat dalam Al-Quran*]. Maksudnya: “*Jangan disebabkan oleh kerana kamu marah kepada sesuatu kaum, maka kamu tidak melakukan keadilan. Maka hendaklah kamu melakukan keadilan kerana keadilan itu membawa kepada takwa kepada Allah s.w.t.*”.

Maka saya minta supaya syarat-syarat yang dikehendaki oleh kementerian supaya diringkaskan sikit. Tidak semestinya kita mengambil semua sekolah itu baru kita hendak beri bantuan. Bila kita melihat kepada pentadbiran yang bagus atau pun orang yang kita kenal pasti ataupun ada syarat-syarat kita, maka tidak jadi masalah.

Saya tidak hendak banding sangat dengan negara-negara luar tetapi saya melihat suatu perimbangan. Saya melihat di Thailand, di Bangkok misalnya. Kawan saya yang belajar bersama dengan saya di Iraq dahulu balik buka sekolah. Saya tanya dia - sekolah agama di tengah bandar Bangkok, “Bagaimana sekolah kamu boleh hidup? Boleh berjalan?” Dia kata, tidak ada apa-apa pun. Kerajaan Thailand bagi bantuan hanya dengan syarat sekolah agama itu dimasukkan dengan satu mata pelajaran sahaja iaitu bahasa Thai. Dengan menerima bahasa Thai tadi, maka kerajaan dengan sendirinya telah memberi peruntukan yang begitu banyak dan mereka mampu bukan setakat itu menyebarkan dakwah Islamiah di tengah-tengah bandar Bangkok - ini suatu yang memberangsangkan.

Kedua, sekolah menengah agama rakyat yang kita lihat bukan di Kelantan sahaja, di Johor ada, di Perak ada. Kita jangan memandangi intim atau memandangi benda ini sepi kerana mereka adalah sumber ataupun harga yang begitu mahal. Kalau mereka ini dibiarkan begitu sudah tentu mereka akan menjadi aset yang tidak bernilai di negara kita. Barangkali ribuan pelajar-pelajar kita yang berada di sekolah-sekolah menengah agama rakyat. Begitu juga pelajar-pelajar kita yang ada di sekolah swasta. Apakah kita melihat sekolah-sekolah menengah swasta itu hanya hidup segan mati tidak mahu sedangkan mereka sebenarnya bukan memikirkan tentang keuntungan. Saya tidak nampak sangat. Tetapi mereka hendak membela rakyat kita.

Seorang ulama daripada Timur Tengah, Sheikh Yusuf Qardawi apabila datang ke Malaysia di atas undangan ABIM kalau tidak silap saya, beliau ditanya, bagaimana nasib - gambaran masa depan negara. Sheikh Yusuf Qardawi memberi suatu pandangan, dia kata kalau hendak lihat kepada masa depan negara lihatlah kepada pemuda yang ada pada hari ini.

Nah, kalau kita lihat kepada pemuda kita yang ada di negara kita pada hari ini, cukup malang. Inilah yang akan memberi suatu gambaran kepada pengurusan negara kita pada masa hadapan.

Dalam konteks ini saya melihat di Kelantan misalnya, di kawasan saya, di bandar Pasir Mas ada lima, enam sekolah swasta. Sekolah swasta ini bukan sekadar hanya menampung pelajaran kepada anak Pasir Mas. Tidak. Tetapi daripada Johor, Kedah, Perak, Selangor dan daripada Sekolah Zaaba misalnya. Sekolah Zaaba itu merupakan sekolah swasta yang terkenal di Pasir Mas. Mereka gagal di peringkat SPM, mereka masuk lagi. Sekali gagal, dua kali, masuk ketiga kali. Akhirnya mereka berjaya.

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat. Masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya. Kerana itulah saya sebutkan bahawa perlu kerajaan mengambil kesempatan ini.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi. Saya melihat kepada 02200 - Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya mengambil kesempatan, saya rasa sudah sampai masanya kita memberi peruntukan yang lebih besar daripada apa yang tertera dalam buku ini iaitu RM8 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini kerana Dewan Bahasa dan Pustaka

mesti diperkasakan sungguh sehingga dapat memainkan peranan untuk meningkat martabat bahasa Melayu kepada peringkat yang kita kehendaki.

Mengapa Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang ini nampak malap berbeza dengan waktu dulu. Di waktu saya masih remaja dulu saya melihat ada majalah yang dikeluarkan sendiri oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau tidak silap ada majalah Dewan Masyarakat. Dewan Masyarakat banyak memberi ilmu khususnya dalam pendidikan remaja di waktu itu. Saya adalah anak didik Dewan Masyarakat. Saya terlalu suka baca dan saya kumpul majalah-majalah ini. Sampai sekarang ini pun masih ada lagi di antara sisa-sisa yang masih di simpan.

Yang kedua, apa yang perlu dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu mesti mengadakan muktamar “dual” peringkat bahasa Malaysia kerana penggunaan bahasa Malaysia bukan sahaja di negara kita. Di Selatan Thailand kita ada 4 juta, di Brunei kita ada 2 juta, di Singapura pun kita masih ada lagi. Kemudian di negara-negara Arab pun sebagaimana di Saudi Arabia dan di Kuwait.

Sehingga sekarang ini, kalau kita pergi ke Kaherah misalnya, bagaimana tersebarnya bahasa Malaysia sekarang ini? Ini kerana bila ramai pelajar-pelajar kita berhijrah ataupun belajar di Mesir, di Kaherah, sekarang ini kalau kita pergi ke Kaherah tidak perlu sangat guna bahasa lain. Dia bercakap dalam bahasa Melayu...

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: walaupun bahasa Melayu itu bahasa Melayu Kelantan.

Tuan Pengerusi: Lapan minit sudah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya minta supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil kesempatan ini meningkatkan daripada semasa ke semasa. Dan satu lagi Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, lapan minit sudah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...iaitu menterjemah buku-buku ‘turos’ ulama. Peninggalan ulama-ulama besar yang ditinggalkan oleh ulama-ulama kita seperti Imam Syafie, Imam Ghazali dan sebagainya. Cuba terjemahkan kepada bahasa Malaysia sehingga kita mendapat manfaat dan sekali gus kita dapat meningkatkan agama kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Saya bagi Yang Berhormat bagi Bagan dahulu, selepas itu Yang Berhormat bagi Kepong dan kemudian pihak Menteri akan menjawab. Sila Yang Berhormat bagi Bagan.

4.20 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan satu masalah yang dihadapi oleh para Ahli Parlimen. Pengesahan pendapatan, butir-butir atau maklumat-maklumat ibu bapa atau penjaga murid supaya mereka boleh mendapat pinjaman buku teks atau mendapat sarapan pagi dengan percuma. Selalunya kami didatangi oleh penduduk-penduduk tempatan, di mana mereka memerlukan kami menandatangani borang-borang tersebut. Tetapi borang tersebut ada tercatat bahawa hanya Ahli Lembaga PIBG boleh *sign*, Pengerusi JKKK boleh *sign*, penghulu boleh *sign* dan kakitangan kerajaan kumpulan A boleh *sign*.

Kami telah menerangkan kepada para ibu bapa bahawa kami tidak boleh *sign*, tetapi penghuni berkata apa *you* punya standard, rendah lagi daripada penghulu kah? Kamu punya standard rendah daripada Pengerusi JKKK kah? Jadi, kami tidak boleh berbuat apa-apa. Kadangkala kami sudah *sign*, bila mereka hantar ke sekolah, pengetua sekolah atau *headmaster*, dia tolak balik. Jadi, kita tidak tahu hendak buat macam mana supaya kita boleh menjalankan tugas. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kepong.

4.22 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 010000 – Butiran 010600 – Pengurusan Biasiswa. Dengan ringkasnya wang hampir RM388 juta diperuntukkan untuk pengurusan biasiswa ini. Di sini kita dapat tahu, misalnya bilangan pemberian pinjaman kepada PPP pada tahun 2005, RM19,780 dan tahun 2006 RM21,000 dan sebagainya. Ini adalah termasuk bilangan Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kelas Persediaan Universiti, Biasiswa Pengurusan Persekutuan Ijazah Pertama Universiti Tempatan dan juga Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Saya hendak tahu di sini bagaimana prestasi pengurusan biasiswa ini dan setakat ini apakah bayaran balik kepada biasiswa. Ini kerana jumlah yang terlibat lebih RM388 juta.

Yang kedua, mengenai Pendidikan Guru. Wang lebih RM889 juta diperuntukkan untuk guru dan memang kita perlu guru dan ramai guru yang berstandard, yang berdedikasi tetapi ada sesetengah itu kurang dedikasi. Oleh kerana faktor-faktor yang tertentu, kita tidak ada masa untuk membincangkannya tetapi saya berharap dengan peruntukan hari ini kita dapat mempertingkatkan prestasi guru kita. Tuan Pengerusi, misalnya mengenai bahasa Malaysia kita.

Perdana Menteri kita sekarang... Oleh kerana kita menghadapi cabaran yang besar. Kita hendak pelajar kita menguasai pelbagai bahasa, terutamanya bahasa Inggeris. Dengan cabaran yang begitu hebat, ini bermakna standard bahasa Malaysia kita, gejala-gejala yang menunjukkan ada turun sedikit standardnya. Kita mempunyai 62,000 guru bahasa Malaysia. Saya hendak tahu peratusan guru ini yang benar-benar berkualiti, berkaliber dan berkebolehan. Saya tidak tahu, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji setakat mana standard guru kita. Kalau kita lihat macam mana kita dapat meningkatkan bahasa Malaysia dalam keadaan cabaran yang begitu hebat.

Seterusnya mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka. Setakat ini sejak tertubuhnya DBP kita, saya nampak penguatkuasaan itu kurang berkesan. Ini disebabkan salah satu faktornya undang-undang tidak begitu ketat dan pihak DBP tidak mempunyai kuasa yang berkesan untuk menghadapi cabaran ini.

Misalnya saya sebutkan di sini, lebih satu dekad di merata-rata tempat kita dapat lihat ada persiaran jalan - Persiaran Selangor, Persiaran Park View, semua persiaran. Tetapi saya tidak nampak stesen siaran, walhal yang dia maksudkan ialah jalan. Kalau jalan tidak ada 'r', tetapi kerana DBP ini penggunaan rasmi, tidak dapat menguatkuasakan dan 144 kerajaan tempatan, mereka tidak begitu prihatin kepada penggunaan bahasa yang baku, maka timbullah masalah...

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau guru yang berstandard, yang berkaliber dan berkebolehan, ini bermakna standard boleh dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada pihak Menteri. Silakan, Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.28 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya memohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan selepas itu majlis

mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari esok 29 November 2006”.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Saya jemput pihak Yang Berhormat Kementerian Pelajaran untuk memulakan jawapan. Silakan.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu seramai 42 orang. Saya rasa semua sudah tidak ada yang hendak bangun bercakap. Saya ingat ini satu rekod di mana ramai orang yang mengambil bahagian di dalam sesuatu Kementerian.

Yang saya telah dengar tadi merangkumi di dalam semua aspek dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Ada isu-isu yang disebut, isu yang berulang dan ada isu itu telah pun dijawab dalam soal jawab lisan. Ada juga masalah-masalah tempatan yang telah dibangkitkan dan tidak kurang juga isu-isu baru yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya akan cuba menjawab seberapa yang boleh kerana banyak isu yang dibangkitkan dan ramai ahli-ahli yang terlibat dan kalau ada isu-isu yang sama mungkin saya tidak ulang untuk kali yang kedua.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, *Point of order.* Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu memesongkan Dewan ini. Tuan Pengerusi, pada 20 September Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab di Dewan yang mulia ini beberapa isu yang telah dibangkitkan. Tuan Pengerusi saya berpendapat ini adalah satu perkara yang mustahak. Menteri pelajaran berkata, dengan izin saya bacakan "*that the deputy could not be blame for what he said because the matter was not under him*". Perkara yang dibangkitkan mengenai sekolah-sekolah Tamil dan Cina iaitu adakah sekolah-sekolah baru akan dibina dan Timbalan Menteri telah mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak berniat untuk membina apa-apa sekolah Cina dan Tamil pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tetapi sekarang Menteri Pelajaran menyatakan bahawa bila Timbalan Menteri menjawab di Dewan ini dia nampaknya tidak tahu dan tidak ada kuasa untuk menjawab. Jadi apa yang saya keliru adalah ini. Saya rasa Dewan telah dikelirukan mengenai perkara ini iaitu bahawa bila Timbalan Menteri tidak ada asas tidak ada kuasa untuk menjawab beliau telah memperdayakan, telah menipu semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan memberi satu perasaan bahawa beliau ada kuasa untuk menjawab walhal beliau tidak ada.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Walaupun saya telah bangkitkan pada hari itu bahawa beliau tidak ada kuasa dan beliau berkata bahawa mengikut Artikel 43(2) *Federal Constitution* beliau ada kuasa untuk memberi jawapan. Macam mana kita boleh menerima bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kuasa, dia akan cakap benar dan selepas apa yang dia ingin berikan jawapan di sini semua itu akan jadi huru-hara selepas itu menteri berkata "oh, Timbalan Menteri dia tak tahu, dia tak ada kuasa" Macam mana dia boleh kata. "Tak apalah". Jadi macam mana kita boleh bersidang dan *debate* di sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, duduklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya dapat satu pandangan dan jaminan atau tidak sekurang-kurangnya satu surat dari Menteri Pelajaran mengatakan bahawa saya memberi kuasa dan apa yang dia kata itu semua saya terima dan akan diakui dan adalah betul dan benar dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan dia datang sini....

Tuan Pengerusi: Cukuplah, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah Tuan Pengerusi faham apa yang saya cakap kerana saya rasa.....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya minta maaf kerana pada hari itu saya ada video tersebut. Pada hari itu bila saya membangkitkan perkara itu dia kata "Oh, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun peguam, dia tahu semua hal ini. Dia sengaja hendak kata". Dia memperli apa yang saya bangkitkan kerana saya tahu Timbalan Menteri tidak ada kuasa, *no power* macam *Chief Minister of Penang*. Tidak ada kuasa.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Serupa keadaan yang sama. Tetapi dia *don't treat the Dewan as a circus*.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau mahu main *circus* keluar ke Kuala Selangor, pergi main di sana.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya dapat satu arahan atau satu jaminan atau pendirian Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat. Pihak Timbalan Menteri ada penjelasan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, siapa yang hendak main *circus* ini? Semalam isu itu telah dibincangkan panjang lebar. Sudah dibawa dalam usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Yang Berhormat tak fahamkah apa yang Ketua Pembangkang cakap semalam. Semalam telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, kita tak perlu bahaskan lagi. Itu salah satu usul yang dibawa semalam ialah kerana isu Yang Berhormat bangkit. Apa, Ketua Pembangkang tak bincangkah dengan Yang Berhormat satu-satu usul sebelum dia bawa? Saya tak pernah bincang lagi dengan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, tengok perangai dia. Apa jawapan Tuan Pengerusi? Saya tanya satu soalan senang, *very simple question no answer*.

Tuan Pengerusi: Baik, biar Yang Berhormat jawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pusing-pusing lagi. Tetapi tak ada jawapan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa yang pusing-pusing? Yang Berhormat yang pusing-pusing. Saya sudah cakap perkara yang dibangkit telah pun dibincang semalam dengan panjang lebar kemudian di bawah Akta Pendidikan kuasa-kuasa untuk menubuhkan sekolah ini ada di bawah kuasa menteri. Menteri pun sudah cakap semalam. Ada satu-satu sekolah yang di bincang di peringkat atas di antara pimpinan-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional. Dia sudah cakap semalam. Hendak bangkitkan apa lagi? Yang Berhormat tak faham lagi? Itu kuasa Menteri Pelajaran untuk menubuhkan.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, senang Tuan Pengerusi.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:sekolah yang dalam kawasannya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan mesyuarat 98.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia sudah terang semalam dengan panjang lebar.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan 98, Tuan Pengerusi. Dalam peraturan 98, perkataan 'menteri' hendaklah difahamkan 'termasuk timbalan', 'menteri' dan 'setiausaha Parlimen' sejajar dengan Perlembagaan Malaysia. Tetapi Tuan Pengerusi, baru-baru ini berlaku beberapa kejadian di mana apa yang dilafazkan atau dijawab di dalam Dewan ini diperbetulkan oleh pihak-pihak lain di luar Dewan yang merupakan satu kejadian yang tidak harus berlaku. Sebab apabila Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memperlakukan kuasa yang diperturunkan di bawah peraturan ini dan juga Perlembagaan Malaysia, ini bermakna apa yang diujjahkan dan diberikan di dalam Dewan ini merupakan pendirian dan dasar kerajaan. Dan pada masa itu saya rasa Timbalan Menteri tak salah. Dia sebenarnya memaklumkan kepada Dewan ini Akta Pendidikan. Tetapi apa yang berlaku di luar adalah satu cerita yang lain. Menteri berkata beliau tak faham, beliau mungkin bukan dalam bidang kuasa atau pengetahuannya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dalam satu kes....

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:mengenai ekuiti juga berlaku kejadian di mana satu kenyataan yang diberikan di dalam Dewan ini perlu diperbetulkan oleh seorang menteri di luar Dewan ini. Ini merupakan satu penghinaan terhadap Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalaulah menteri ingin memberi pembetulan haruslah datang ke Dewan ini untuk menjelaskan sesuatu yang sudah mengelirukan atau memesongkan Dewan yang mulia ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingat semalam sudah bercakap di bawah Akta Pendidikan memang ada kuasa menteri untuk menubuhkan sekolah dan menteri pun sudah cakap semalam bahawa dia telah berbincang. Saya tak tahu perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional di atas yang mereka telah bincang. Itu kuasa yang ada pada menteri. Semalam dia sudah cakap yang Ketua Pembangkang pun tak bersetuju semalam dia kata ini apa nak tubuh sekolah pakat-pakat dekat atas. Sudah bincang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Timbalan Menteri tak tahu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Benda ini tidak timbul Tuan Pengerusi. Sekarang ini dua kuasa berbeza. Di bawah Akta Pendidikan menteri ada kuasa-kuasa tertentu dan diberi di bawah akta. Yang ini saya cakap ini di bawah peraturan Dewan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi. Ini dua kuasa berbeza.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Itu pun....

Tuan Pengerusi: Saya putuskan Yang Berhormat pihak Timbalan Menteri teruskan menjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak apa, tak apa. Nanti esok....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi adakah....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna bahawa beliau ada kuasa dia akan cakap benar dan betul kerana yang saya khuatir Tuan Pengerusi adalah walaupun mungkin pada dasarnya dia ada kuasa, saya bukan mempertikaikan perkara itu. Saya bukan seorang Timbalan Menteri tetapi saya sebagai Ahli Parlimen ada hak bertanya kerana bila beliau menjawab lepas itu kerajaan

berkata *"this is not under his ministry, he got no power to speak"*. Macam mana Tuan Pengerusi? Itu saya kata kalau dia betul-betul ingin menjawab semua perkara-perkara yang dibangkit saya hendak satu pengesahan bahawa dia adalah seorang yang.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau takut saya salah saya cakap, esok bawalah usul lagi potong sepuluh ringgit. Apa susah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan semacam usul. Jangan buang masa lah, jangan buang masa lah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: You buang masa lah! Saya hendak jawab sekarang!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini Timbalan Menteri menyeleweng peraturan dalam Dewan ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah! Semalam saya sudah buat usul sepuluh ringgit, saya sudah bahas panjang lebar! Apa tak puas hati lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Tuan Pengerusi sudah suruh Timbalan Menteri teruskan jawapan, apa lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak cari publisiti murahlah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa DAP tak habis-habis hendak cari publisiti murahlah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi sudah, suruh dia jawab apa lagi suruh dia jawablah!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jangan hendak cari masalah, nama sahaja *lawyer* tapi tak faham!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa mahu kacau dia jawab?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semalam saya cakap panjang lebar!

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah bahas satu jam lebih tak faham lagi! Apa ini!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak tahu cakap bahasa Melayu duduklah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini satu pengesahan. Bolehkah Yang Berhormat buat satu pengesahan.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak payah buat pengesahan, saya ada kuasa!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ada kuasa hendak jawab. Saya ada kuasa hendak jawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kuasa apa?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa awak mahu jawab?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kuasa apa, kuasa apa?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekarang saya ada kuasa!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kuasa 43(2)....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah tak boleh pakai.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa cakap?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan saya kata, menteri sudah kata.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah sekarang Peraturan Mesyuarat kata saya ada kuasa. Apa lagi mahu cakap?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semalam saya sudah cakap. Apa lagi mahu cakap?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk, duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Let he go from here.*

Tuan Pengerusi: Duduk, duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa?

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mohon satu *ruling* dari Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *Apa ruling, ruling.*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Pihak menteri yang ingin membuat pembetulan di luar Dewan haruslah mari ke Dewan untuk memperjelaskan apa yang tidak kena dengan jawapan-jawapan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,.....

Seorang Ahli: Timbalan menteri minta maaf.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tidak boleh membuat kenyataan di luar, ini menghina.

Tuan Pengerusi: Baik, duduk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat. Saya ingat

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, baik-baik. Yang Berhormat baik, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh setiap masa minta *ruling* saya - setiap masa. Kadang-kadang saya boleh *ruling* sekejap-sekejap itu juga. Hakim pun tidak buat *ruling* macam itu. Mahkamah Tinggi. Tetapi walau bagaimanapun, saya cuba memberi pendapat saya, keputusan saya mengenai masalah-masalah tertentu yang berbangkit dan saya selalu membuat keputusan sedemikian.

Walaupun dalam jangka masa spontan sahaja dan masa-masa depan saya cuba berbuat demikian. Kalau saya kata tidak boleh minta tangguhkan, saya akan minta tangguh. Jadi masa-masa yang lepas saya tidak pernah minta tangguh. Dalam perkara ini kalau pihak menteri, sesiapa yang menjawab di sini adalah sama ada setiausaha Parlimen, timbalan menteri atau menteri dia menjawab sebagai menteri. Kalau dia timbalan menteri, dia jawab sebagai menteri. Jadi jikalau menteri berkata di luar saya belum pasti mengatakan perkara yang lain dan selepas itu timbalan menteri memperbaiki perkataan itu, ini bererti bahawa itu menteri sudah membetulkan

perkataan dia di luar. Jadi dengan itu saya rasa perkara ini tidak berbangkit sangatlah. Sila jawab.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of Order* Tuan Pengerusi,...

Tuan Pengerusi: Sekejap, sekejap.

Seorang Ahli: Apa *Point of Order*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 26(1)(p) ialah mengenai keistimewaan. Benar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hak di bawah Peraturan Mesyuarat untuk jawab bagi kementerian. Itu tidak dipertikaikan. Tetapi apa yang timbul di sini ialah isu keistimewaan *privilege of the House* ini. Oleh kerana mengikut apa penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pun kata dia tidak tahu apa yang berlaku di atasan. Menteri dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kita faham. Tetapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Dewan yang mulia ini dan jawab apa-apa perkara dia mewakili kementerian sepenuh 100% tidak boleh memberi apa-apa maklumat yang tidak benar. Saya tidak salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia tidak tahu - betul. Tetapi bolehkah kita membenarkan keadaan ini diteruskan. Oleh kerana apa yang bersabit ialah keistimewaan *privilege of the House*.

Kita ada seorang yang datang dan tidak tahu, tidak diberi maklumat yang sepenuhnya memberi jawapan yang tidak betul. Saya tidak salahkan dia. Dia tidak tahu, *no mala fide* - betul, dia *bona fide*, tetapi inilah melanggar keistimewaan *credibility, authority* seorang *joint venture* untuk menjawab bagi pihak kerajaan. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Parlimen. Sesiapa yang menjawab sama ada menteri, sama ada timbalan menteri sama ada setiausaha Parlimen menjawab 100% *on behalf of the* kementerian tidak boleh datang kemudian kata, "Oh, saya tidak tahu". Inilah tidak boleh dibenarkan. Ini menurunkan, menjatuhkan kemuliaan dan tempat maruah Parlimen yang mulia ini sebab itu inilah perkara, *matter of privilege*, bukan kata tidak boleh jawab tetapi dia kewibawaan, dia punya *authority*.....

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... dan *knowledge, authority, knowledge expertise* tidak boleh kata dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... khasnya mengenai dua perkara yang berlaku dibetulkan di luar Dewan ini pun melanggar peraturan sebab itu saya ada bangkit perkara mana boleh diteruskan tempat untuk membetulkan ialah dalam Dewan yang mulia ini. Saya simpati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya simpati, tetapi tidak boleh benarkan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi ini cara taktik pembangkang hendak membuang masa. Benda-benda ini patut cakap semalam dah. Tidak perlu berbangkit dah. Semalam itu tujuan pun dia buat usul potong gaji itu ialah untuk menjaga *privilege* yang dia cakap. Benda ini patutnya semalam sudah cakap. Sudah tidak timbullah perkara ini. Itu apa tujuan dia buat cadangan usul potong RM10? Apa tujuan dia? Tujuan dia ialah untuk menjaja *privilege* Dewan ini. Itu maksud dia. Apa hari ini hendak meleret-leret.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Dignity Parliamentary*,....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah, sudah cakap semalam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...kedudukan, kalau ini tidak pakai apa guna? Dalam Dewan ini tidak pakai apa guna Dewan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa tidak pakai? *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu saya minta satu *guideline* sama ada patut, tidak patut untuk menggunakan 26(1)(p) untuk bangkit hal ini sebagai satu usul untuk dirujuk kepada *Committee of Privileges*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pendapat-pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini telah pun didengar oleh Dewan ini dan dikemukakan. Kalau ada pun mana-mana tersilap pandang mengenai perkara ini, ini adalah proses pentadbiran bukan semuanya *perfect* dalam bahasa Inggerisnya, proses pentadbiran. Kalau ada pun sedemikian berlaku dia tidak menjadi sebegitu perkara yang membolehkan saya untuk merujuk perkara 26(1)(p). Tidak sebegitu kuat saya rasa kalau ada pun ini proses pentadbiran biasa. Jadi saya mintalah perkara ini tidak berbangkit lagi sekarang ini dan saya minta pihak menteri untuk menjawab. Terus menjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dia ingat dia tidak pernah buat salah kot. Saya akan cakap. Saya jawab ini mungkin ada benda-benda yang pegawai *prepare* mungkin ada *overlook* dan sebagainya yang mesti disediakan secara spontan. Jadi jangan ambil ini sebagai satu isu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan sekolah rendah yang tidak ada bekalan elektrik 24 jam. Masalah pada 6 buah sekolah walaupun 40 kilometer dari Kuching saya kira tidak ada bekalan elektrik. Bila boleh dibekalkan? Pelaksanaan projek bekalan elektrik ke setiap segi akan dilaksanakan melalui menyambung daripada talian grid berdekatan. Kementerian telah pun berbincang dengan SESCO Berhad dan penyambungan dijangka dimulakan pada awal tahun 2007.

Pada masa ini KPM masih menunggu bil rasmi dari SESCO, manakala itu bagi sekolah-sekolah lain di negeri Sarawak yang tidak dapat disambungkan dengan bekalan elektrik melalui talian grid, Kementerian Pelajaran akan membekalkan bekalan elektrik melalui jana kuasa 24 jam ke sekolah-sekolah tersebut. Projek ini dijangka diselesaikan sebelum akhir tahun 2007 dan generator yang kita bekalkan ialah generator yang boleh menampung kuasa untuk 24 jam ini dan yang lama dalam proses kita ganti dengan kuasa yang lebih baik.

Mengenai isu penguasaan 3M telah pun saya jawab pagi tadi dalam soalan lisan. Secara kesimpulannya ialah cabaran KPM adalah untuk meminimumkan *division* akademik terutama negeri dan lokasi yang masih tinggi kadarnya. Penguasaan 3M akan terus dipertingkatkan melalui perluasan dan peningkatan program pemulihan dengan menyediakan guru pemulihan khas terlatih, bilik pemulihan khas dan juga peruntukan yang mencukupi.

Mengenai kadar keciciran di sekolah rendah dan menengah telah menunjukkan penurunan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Bagi sekolah rendah, kadar keciciran telah menurun daripada 20,560 murid bagi *cohort* 1997-2002 iaitu diambil dari pelajar darjah satu. 1997-2002 sehingga Tahun 6 iaitu telah menurun kepada 9,713 murid bagi *cohort* 2000-2005 ertinya ada penurunan daripada 20,560 kepada 9,713.

Ini pun Tuan Pengerusi mengenai angka kadar keciciran ini juga kalau kita lihat memang ada berbeza-beza di antara satu pandangan dengan satu pandangan. Kita tidak nafikan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga bangkit dia kata ada 200,000 keciciran dan kita akui juga kementerian kita juga melihat ada juga kita lihat ada perangkaan yang tidak tepat. Tetapi kita harap perangkaan ini tepat yang akan kita siarkan tidak lama lagi.

Bagi sekolah menengah, kadar keciciran telah menurun daripada 60,413 pelajar bagi *cohort* 1998-2002 kepada 43,586 pelajar bagi *cohort* 2001-2005. Kadar keciciran di sekolah rendah ialah 1.9% di bandar bagi *cohort* 1992-2004. Manakala pada peringkat menengah, kadar keciciran ialah sebanyak 10.1% dari saiz *cohort* di bandar dan 16.7% bagi saiz *cohort* di luar bandar bagi *cohort* 2000-2005.

Walau bagaimanapun data yang ada menunjukkan jumlah keciciran daripada sekolah di bawah KPM sahaja dan tidak mengambil kira pelajar yang telah menyambung persekolahan di sekolah-sekolah di luar KPM seperti di sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat, sekolah swasta, sekolah antarabangsa, Maktab Rendah Sains Mara atau pun yang pergi ke luar negara. Cabaran KPM adalah untuk menguruskan kadar keciciran pada semua peringkat pendidikan dan mengenal pasti jumlah keciciran sebenar dari sistem pendidikan negara.

Sekolah daif yang telah dilawati oleh pegawai-pegawai daripada KPM masih belum ada tindakan yang dibangkitkan. Saya ingin menyatakan bahawa sebanyak 66 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak yang telah pun dilawati ialah sekolah-sekolah

bantuan modal, sekolah-sekolah mubaligh dan juga sekolah-sekolah SJKC. Daripada 66 buah sekolah yang dilawati, kita memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM1.1 juta. Peruntukkan ini sedang, telah pun dihantar dan sedang menunggu untuk mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

Mengenai isu dasar pendidikan wajib bagi kaum Penan dan juga etnik-etnik yang tinggal jauh di pedalaman perlu dilihat semula. Pendidikan wajib seperti yang kita sedia maklum ialah merupakan satu dasar di mana kemasukan ke sekolah rendah telah pun diwajibkan tanpa mengira kaum bagi warganegara Malaysia. Bagi kaum Penan dan etnik yang tinggal jauh di pedalaman, KPM ada menyediakan asrama desa bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada mereka untuk mendapatkan pelajaran.

Yang Berhormat daripada Serdang telah membangkitkan mengenai isu SJKC Serdang Baru 1 yang dicadangkan untuk diganti pada tahun 2006. SJKC Serdang Baru ialah sekolah bantuan penuh kerajaan yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun 2007 iaitu Projek Bangunan Gantian. Mengenai kekurangan bilik darjah tambahan di SJKC Balakong, SJKC Balakong adalah tersenarai dalam Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan melibatkan bangunan tambahan enam bilik darjah dan lain-lain kemudahan.

SJKT Seksyen 5 meminta peruntukkan untuk menaikkan taraf walaupun menerima bantuan modal. Adalah menjadi dasar KPM untuk membantu mana-mana sekolah yang memerlukan bantuan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan ubah suai naik taraf. Walau bagaimanapun, permohonan hendaklah dikemukakan oleh pihak sekolah melalui JPM dan akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Modal peringkat Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani menimbulkan isu kesesuaian latihan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Boleh? Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas jawapan tadi ada satu perkara masih belum dapat penjelasan. Saya minta pendirian berkaitan dengan kaedah pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah. Telah banyak badan-badan meminta dikaji semula, apa pendirian ini dan satu lagi berkaitan dengan Akta Majlis...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini akan dijawab nanti? Atas tajuk lain? Kalau tak...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Dan lagi minta kalau boleh jawapan sekali Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan. Minta sekalilah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebenarnya saya akan sampai itu Yang Berhormat. Mengenai banyak orang yang sentuh isu mengenai pengajaran Bahasa Inggeris untuk Matematik dan juga Sains. Baik, saya ulas yang itu.

Pada dasarnya Tuan Pengerusi, seperti yang telah dimaklumkan oleh pihak kementerian dan juga oleh Menteri Pelajaran bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ini ialah dalam *cohort* yang keempat pada hari ini. Iaitu budak-budak yang masuk tahun satu ini yang sekarang baru tahun empat dan buka sekolah ini dia akan pergi tahun lima dan 2008 dia akan mengambil UPSR.

Jadi oleh kerana kita sudah bermula, kita kena tunggu sampai 2008 dan setiap tahun sebenarnya, setiap tahun pelajar-pelajar yang telah pun di ajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik ini telah pun dibuat ujian tiap-tiap tahun. Setiap tahun diambil sampel dalam 1500 orang pelajar-pelajar telah pun diberi semua soalan-soalan dalam Bahasa Inggeris mengikut tahun-tahun yang berkenaan. Daripada kajian yang telah dibuat melalui 1500 pelajar daripada seluruh negara ini, kita dapati pencapaian mereka telah pun meningkat daripada setahun ke setahun.

Jadi oleh itu kita supaya lebih adil kepada pelajar-pelajar yang telah kita ajar sekarang ini, kita kena tunggu sampai 2008. Bagi sekolah menengah, kita lihat mereka yang *first score* itu telah pun masa itu tahun lepas ambil PMR. Tapi dalam PMR kita telah bagi dua bahasa. Ertinya dalam peperiksaan yang lepas, kita bagi dua bahasa. Jadi pelajar-pelajar dia boleh pilih sama ada dia nak jawab dalam Bahasa Melayu pun boleh atau pun dalam Bahasa Inggeris pun boleh. Itu yang telah dilakukan

kepada sekolah menengah *cohort* pertama yang telah mengambil PMR dalam peperiksaan yang lepas. Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah bangkit iaitu latihan...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Boleh saya nak minta penjelasan lagi satu kali? Perkara berkaitan dengan apa pandangan berkaitan dengan ada ulasan terhadap isu SJKC Damansara asal itu di mana masyarakat setempat minta supaya bangunan lama itu masih kosong dan boleh ditempatkan sebagai pusat pendidikan untuk murid-murid yang sekarang di sebelah kawasan itu. Apa pandangan terhadap isu yang sudah empat tahun ini? Apa pandangan daripada pihak kementerian?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebenarnya isu ini kita akan sampai. Telah pun dibangkitkan oleh beberapa ahli-ahli Parlimen yang lain. Saya ingat kita akan sampai isu itu nanti. Kalau tak ada, tolong ingatkan saya nanti. Yang Berhormat bagi Sungai Petani mengambil kira kesesuaian latihan berkala dilakukan di peringkat negeri dan daerah untuk kita *update*kan guru-guru dengan bahan-bahan terkini. Latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan di 27 IPG dan dijalankan oleh Unit Latihan Jabatan Pendidikan Negeri.

Latihan Dalam Perkhidmatan dijalankan secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan serta didedahkan dengan maklumat bahan terkini. Dari Januari hingga Jun 2006, seramai 305,341 guru telah menerima latihan berbagai bidang seperti Bidang Pedagogi Berkesan, Kursus Pedagogi Berkesan Sekolah Pedalaman 500 orang, Kursus Pedagogi bagi sekolah-sekolah FELDA, Kursus Konvensyen Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains kita telah latih 1,500 orang. Kursus English for Teaching MSN Science bagi PPSMI daripada 2002 hingga 2006 seramai 98,000 guru dilatih untuk tahun satu, dua, tiga, empat, dan lima serta tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima dan tingkatan enam.

Latihan Pembastarian Sekolah-sekolah Bestari seramai 43,000 guru telah terlibat. Kursus Integrasi ICT dan dalam PMP daripada 2004 hingga 2006, seramai 78,000 telah terlibat. Program Pemulihan SKM (Sekolah Kurang Murid) bagi tahun 2006-2007 seramai 1,438 guru terlibat. Kursus Dalam Perkhidmatan selama 14 minggu dalam pelbagai bidang mata pelajaran telah melibatkan 3,500 orang setahun guru khas atau satu tahun bagi pemantapan pengajaran dan berbagai bidang melibatkan 1,500 guru. Program Khas Kursus Dalam Perkhidmatan dua minggu untuk sekolah-sekolah anak Orang Asli. Kursus Dalam Perkhidmatan dua minggu untuk Prasekolah. Ini tadi ramai yang bangkit ramai guru-guru terlampau banyak kursus kerana kursus-kursus ini telah pun dirancang oleh pihak kementerian dan kita sedar masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat apabila terlampau ramai guru-guru berkursus, maka adanya berlaku kekurangan guru di sekolah-sekolah.

Mengenai Latihan Perguruan, kurikulum Latihan Perguruan bermatlamat melahirkan guru yang profesional yang boleh mengajar lebih dari satu bidang atau mata pelajaran di sekolah. Di samping itu, bakal guru boleh menguasai kemahiran generik seperti kemahiran berfikir, kemahiran ICT, kemahiran berkomunikasi, kompetensi kecerdasan emosi. Selain itu, kemahiran pedagogi yang efektif dan terkini serta kemahiran pengurusan dan pengendalian kokurikulum di sekolah juga diberikan penekanan. Latihan juga diberi tentang etika profesion perguruan.

Yang Berhormat bagi Kota Belud ada membangkitkan mengenai isu di sekolah Mantanani yang telah dilaporkan penyampaian peperiksaannya dua tahun berturut-turut 0%, tidak ada sesiapa yang lulus saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Belud yang begitu prihatin dan turun sendiri ke sekolah dan berbincang dengan pihak PPD di sana dan memang seramai 25 orang murid gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Walaupun dalam mata pelajaran lain terdapat calon yang lulus seperti Bahasa Melayu, Sains dan Matematik. Telah dilihat bahawa beberapa punca kegagalan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Belud itu memang benar di samping kita tidak mempunyai guru Bahasa Inggeris yang terlatih dan guru sedia ada tidak berkemampuan mengajar kelas UPSR.

Bilangan guru yang ada 13 orang yang terdiri daripada lima orang kelulusan SPM, satu orang guru Agama terlatih, enam orang guru berkelulusan SRP iaitu anak tempatan pulau itu sendiri dan seorang guru sandaran tidak terlatih iaitu guru ijazah yang ditempatkan untuk mengajar Bahasa Inggeris. Langkah-langkah mengatasinya telah pun kita rancang di mana kita akan membuat dengan kerjasama daripada Yang

Berhormat bagi Kota Belud mengadakan kursus kesedaran keibubapaan. Dan pulau ini memang terletak jauh daripada dataran atau tanah besar dan saya difahamkan juga bagaimana pelajar-pelajar yang agak cemerlang, mereka ini telah pun dipindahkan ke sekolah-sekolah yang lebih baik dan tinggallah mereka-mereka yang mungkin kurang berminat untuk belajar tinggal di pulau tersebut.

Yang Berhormat bagi Kalabakan mencadangkan supaya calon guru yang hendak dipilih dikenakan syarat supaya berkhidmat di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu daripada syarat yang ditetapkan dalam pengambilan calon guru ialah mereka mesti bersedia dan sanggup ditempatkan di mana-mana sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan sama ada di bandar ataupun luar bandar. Masalah penempatan guru ini kita tidak boleh nafikan memang kita di Kementerian pelajaran agak menghadapi masalah unjuran ini. Kita dapati ada unjuran guru ini di antara negeri. Ada negeri yang berlebih guru, ada negeri yang kekurangan guru.

Di dalam negeri pula ada timbul pula masalah dalam negeri, ada daerah yang lebih guru, ada daerah yang kekurangan guru. Mungkin selama ini Kementerian Pelajaran dia melayani dan mengikut kehendak guru. Kita mengikut mana guru hendak ajar oleh kerana perikemanusiaan, masalah keluarga dan sebagainya, kita akan luluskan rayuan guru. Tetapi, kali ini kementerian mungkin mengambil tindakan yang tidak popular, di mana kita akan menentukan di mana guru ini akan kita tempatkan dan sudah tentulah apabila guru-guru yang ditempatkan ini lebih-lebih guru-guru Bahasa Inggeris yang banyak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, mungkin suaminya menjadi pegawai di Lembah Klang dia kena duduklah di Sabak Bernam ataupun di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Mengenai Rancangan Makanan Tambahan yang dibangkitkan yang diberikan kepada semua murid yang layak, tidak semua murid yang dapat bantuan RMT ini, di mana syaratnya ialah yang layak mendapatnya keluarga yang berpendapatan RM400 ke bawah atau perkapitanya RM80, itu sahaja. Tidak semua boleh dapat, kalau anak Yang Berhormat tidak boleh dapat, anak kontraktor pun tidak boleh dapat dan tadi juga dibangkit oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera juga membangkit masalah yang sama dan beberapa Ahli Parlimen juga dari Tebrau juga ada bangkit mengenai masalah makanan.

Kita telah pun dengar baru-baru ini telah diumumkan RM200 juta lagi ditambah semasa Perhimpunan Agung dahulu. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah umum tambah RM200 juta lagi untuk kita berikan kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat untuk Program RMT ini. Dan saya bersetuju, mungkin benar apa Yang Berhormat bangkit makanan-makanan yang disediakan mungkin kurang bermutu. Sebab itu kita mintalah supaya Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat kena sama-sama memastikan terutamanya bantuan-bantuan yang kita memang khaskan kepada pelajar-pelajar miskin ini sampai ke akar umbi dan sampai ke mereka yang layak menerimanya dan serta mestilah diberikan dengan sempurna.

Saya Tuan Pengerusi, pun ada pengalaman bila saya turun ke sekolah buat *spot-check* memang saya dapati ada bagi bihin, bihin macam tangsilah. Semata-mata bihin tanpa apa-apa rencah. Bagi nasi lemak, nasi lemak semata-mata nasi lemak. Dia punya sambal, sambal telur pun tak ada. Tetapi ada juga pembekal kantin yang bagus. Ada saya pergi sekolah, dia boleh pilih dia kata kalau menu hari ini dia makan laksa, kemudian kalau budak dia tak boleh makan laksa dia kata boleh tukar pula dengan makanan lain yang sedia jual di kantin.

Jadi saya percaya kalau ada pemantauan daripada Ahli Yang Berhormat, insya-Allah benda akan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Hasrat niat dan pelaksanaan kerajaan amat mulia. Memang kita harap sangat bantuan makanan yang memberikan kekuatan kesihatan kepada anak-anak, itu tujuan kementerian. Tetapi dalam keadaan yang telah berlalu, kebanyakannya duit ini yang lebih kenyang, yang lebih gemuk, yang lebih senang, yang lebih nikmat, pengendali kantin, kata RM6 lebih, kadang-kadang sampai

kepada anak ini seringgit lebih saja. Jadi, dalam soal ini kerajaan jangan diperbodohkan, niat tidak baik. Tetapi apabila pelaksanaan di peringkat bawah ini tidak dilihat dengan teliti, akhirnya duit yang beratus juta ini tidak sampai kepada anak miskin....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan ini. Saya setuju kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada pengalaman, memang sangat baiklah. Tetapi masalahnya yang di bawah ini sengaja. Jadi, saya minta pihak Kementerian Pelajaran tolong tengok perkara ini, supaya manfaat dan faedah yang dihasratkan oleh kerajaan benar-benar sampai kepada anak-anak orang miskin ini supaya badannya sihat, kuat, berzat dan duit yang disediakan oleh kerajaan benar-benar berfaedah. Jangan kita memberi gemuk badan kepada pengendali, sasaran tidak tepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kepentingan murid-murid perlu dijaga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, soalnya pegawai di bawah-bawah ini Tuan Pengerusi, jangan dia hendak mengaut keuntungan pula daripada..... jadi kalau di bawah-bawah ini tidak, sebenarnya dia mencekik darah Tuan Pengerusi. Menyedut darah orang miskin. Kerana kepentingan perut dia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...kocek dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Timbalan Menteri....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pihak Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen tidak ada masalah Tuan Pengerusi. Dia bersemangat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik dia akan jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawab tidak jawab itu tidak penting Tuan Pengerusi. Yang penting apa yang saya hasratkan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:sebenarnya dihasratkan oleh ramai orang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: supaya kementerian benar-benar, jangan sampai penghisap-penghisap darah ini lebih daripada hasrat kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teguran Yang Berhormat akan disambut baik, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya haraplah Tuan Pengerusi, saya harap lepas ini kita tidak hendak dengar lagi mee macam dawai, nasi lemak yang basi dan sebagainya. Al-maklum Tuan Pengerusi, di kampung-kampung yang terpencil Tuan Pengerusi, siapa hendak tengok nasib mereka

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak berucap Tuan Pengerusi, saya hendak memberikan pandangan menyokong apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri. Saya setuju dengan dia, tetapi dia kena faham yang bawah dia tidak sama hati perut dengan Menteri dan Timbalan Menteri. Ini yang kita hendak jaga di peringkat bawah, pelaksanaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila duduk. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading yang begitu bersemangat sebab saya percaya ini diseru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita juga sama-sama memastikan *delivery*

system sampai ke akar umbi dan juga mesti sampai kepada kualiti seperti yang kita tetapkan. Untuk Rancangan Makanan Tambahan ini yang juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian RMT di sekolah di buat oleh sebuah jawatankuasa di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dengan berpandukan Buku Panduan Rancangan Makanan Tambahan di sekolah.

Pada tahun 2006 KPM dengan kerjasama UPM telah menjalankan kajian keberkesanan kos RMT bagi melihat keberkesanan pelaksanaan RMT dan cadangan daripada Yang Berhormat supaya berikan duit tunai, ini kita boleh kaji. Walau bagaimanapun, saya hendak maklumkan bahawa di bawah bantuan KWAPM, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin itu kita sudah mula bagi duit tunai RM200 setiap orang untuk pelajar-pelajar miskin ini membeli peralatan sekolah sebelum sekolah bermula. Mengenai pendapatan guru Bahasa Inggeris di luar bandar, elaun insentif perlu dilihat semula, dalam proses temu duga memang telah seperti yang saya nyatakan tadi bahawa telah pun diletakkan syarat supaya guru-guru ini sanggup belajar di luar bandar dan juga kita telah pun mengeluarkan pekeliling penempatan guru-guru supaya ditempatkan di luar bandar khususnya mereka yang beropsyen kritikal seperti opsyen Bahasa Inggeris.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang diberi yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga mungkin saya baca sekali sahaja iaitu untuk kita memberikan galakan kepada guru-guru yang sanggup berkhidmat di luar bandar, beberapa insentif telah pun kita berikan. Di antaranya bayaran insentif pedalaman sebanyak 10% daripada gaji pokok, guru pedalaman yang menduduki kuarters guru yang daif ataupun rumah sub standard akan dibayar penuh elaun tetap perumahan dan lain kemudahan seperti skim pinjaman komputer peribadi, skim pinjaman kereta, kemudahan perkhidmatan bot dan sampan serta kemudahan perubatan pegawai awam, kita beri kelayakan pinjaman SPBT untuk semua guru dan juga elaun COLA kepada semua kakitangan awam antara RM50 hingga RM150 berdasarkan lokasi perkhidmatan sejak Januari 2005.

Masalah-masalah kebajikan yang lain memang kita sentiasa mengkaji kerana kita di samping masalah guru di luar bandar, kita juga kadang-kadang mendengar rungutan ada bebanan kerja guru dan

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:di Kementerian Pelajaran ada jawatankuasa mengkaji beban kerja guru ini yang sentiasa melihat bagaimana kita hendak memberikan kemudahan yang terbaik untuk guru kita berkhidmat. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Dalam sistem pendemokrasian pendidikan kita bincang mengenai kualiti pengurusan dan pentadbiran. Saya tertarik tadi ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bila kita menyentuh tentang soal elaun-elaun perumahan dan sebagainya, ketidakseimbangan elaun-elaun perumahan daripada pegawai-pegawai ataupun guru-guru daripada Sabah dan di Semenanjung, banyak rintihan dan keluhan yang telah dikemukakan oleh guru-guru daripada Sabah. Apakah pendekatan kementerian sekarang mengenai dengan kedudukan guru-guru di Sabah mengenai dengan elaun-elaun perumahan ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah nyatakan ada beberapa elaun dan juga elaun penempatan luar bandar dan juga elaun hidup susah juga kita berikan kepada guru-guru dan kita juga merancang untuk memberikan insurans juga kepada guru-guru. Ini semuanya di dalam perancangan kita seperti yang saya nyatakan tadi untuk kita menjaga kebajikan guru-guru supaya mereka lebih berminat untuk mengajar di luar bandar.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai penempatan guru graduan UPSI, saya hendak jelaskan bahawa semua graduan pendidikan UPSI sedang dipanggil temu duga oleh Kementerian Pelajaran oleh bahagian sumber manusia.

Calon-calon yang lulus sesi temu duga serta lulus ujian INSAK keguruan akan ditempatkan ke sekolah-sekolah. Ertinya dalam perbincangan kita semua guru-guru UPSI ini tidak akan tertinggal dan juga guru-guru bukan sahaja guru-guru UPSI, bukan sahaja pelajar-pelajar yang berkelulusan pendidikan daripada UPSI tetapi juga guru-guru daripada mendapat kelulusan pendidikan daripada IPTA juga sekarang ini sedang dipanggil oleh pihak kementerian di mana pihak kementerian telah berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi, kita telah minta supaya fakulti pendidikan di tiap-tiap IPTA untuk menghantarkan nama pelajar-pelajar mereka yang telah tamat belajar supaya kita boleh panggil temu duga pelajar-pelajar yang berkelulusan pendidikan daripada IPTA ini.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands membangkitkan mengenai buku teks PBSMI bagi mata pelajaran Fizik, Biologi dan Kimia belum diterbitkan. Mohon KPM menyediakan pada tahun hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, semua buku teks bagi mata pelajaran PBSMI telah selesai diterbitkan dan dibekalkan ke semua sekolah-sekolah menengah, buku teks Biologi, Matematik *Form 5*, Sains *Form 5*, Fizik Praktikal *Form 5*, *Biology Additional Math* dan *Additional Science Form 5* telah diterbitkan dan dibekalkan pada tahun 2006 dan mula digunakan di sekolah pada tahun 2007.

Manakala mata pelajaran PBSMI bagi tahun enam akan dibekalkan pada tahun 2007 untuk kegunaan pada tahun 2008. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan mengenai isu guru GSTT. Semua GSTT adalah dilantik oleh JPM untuk mengisi kekosongan jawatan berdasarkan keperluan sekolah, latihan perguruan berasaskan sekolah adalah untuk calon yang sedang berkhidmat sebagai GSTT dan memiliki syarat kelayakan asas yang ditetapkan bagi mengikuti program atau KPLI atau dua kursus dalam cuti. Bilangan pelatih opsyen Bahasa Inggeris yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan latihan guru Bahasa Inggeris melalui program berikut.

Pra perkhidmatan iaitu *bachelor education TESL* dalam dan luar negara ada 500 calon setahun semenjak 2002 KPLI, sekolah rendah 500 setahun semenjak 2002. Kursus Dalam Perkhidmatan TESL, KDP 14 minggu, 190 calon setahun semenjak 1998. Selepas sembilan tahun seramai 1440 bilangan guru yang terlatih dalam opsyen Bahasa Inggeris. Yang Berhormat bagi Maran menyatakan berapakah makmal komputer yang telah dibina yang boleh digunakan terutamanya di kawasan Parlimen Maran. Daripada 72 buah sekolah di Maran, sebanyak 69 makmal komputer telah mula beroperasi, tiga lagi yang belum siap, sebuah di Sekolah Agama Rakyat, sebuah di Sekolah Kebangsaan dan sebuah di Sekolah Kebangsaan Cina Maran.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mohon kajian tentang profesional perguruan, Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan KPM sedang menjalankan kajian komitmen ke atas guru-guru. Yang Berhormat bagi Lipis yang membangkitkan Sekolah Berasrama Penuh khusus untuk pelajar luar bandar sahaja. Pada masa ini KPM masih lagi mengekalkan dasar pengambilan murid mengikut nisbah 70:30 iaitu 70% untuk pelajar luar bandar dan 30% untuk pelajar bandar. Pada tahun kemasukan 2007 sebanyak 6090 tempat akan ditawarkan kepada pelajar tahun satu dan kita tahu yang mendapat 5A sahaja dekat 42 ribu keseluruhannya.

Jadi tempat ini memanglah terhad, di samping itu beberapa kriteria lain juga diambil kira seperti kegiatan kokurikulum dan juga sikap mereka sewaktu sekolah dan nama-nama ini memang dicalonkan oleh pihak sekolah. Yang Berhormat bagi Sri Aman membangkitkan mengenai buku teks Bahasa Iban perlu disemak semula kerana kandungan tidak relevan lagi. Kementerian Pelajaran akan menyemak semula kandungan buku teks bagi memastikan kandungannya sentiasa relevan dan kemas. Buku Teks Bahasa Iban yang digunakan sekarang masih baru diterbitkan dan kandungannya masih lagi relevan dan sesuai digunakan oleh murid-murid.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya maksudkan ialah buku teks yang kita tulis pada tahun 1990 dulu iaitu untuk dari Darjah 3 hingga Tingkatan 3 sudah lama, sudah usang dan memang data-data di sana ketinggalan zaman, yang baru itu ialah untuk Tingkatan 4 dan

Tingkatan 5 yang akan kita lancarkan. Bolehkah saya minta jaminan daripada Yang Berhormat bahawa itu akan disemak semula?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Kementerian Pelajaran, dia memang sedang menyemak supaya hendak pastikan buku teks dalam bahasa Iban ini memang relevan dan tidak ketinggalan.

Yang Berhormat bagi Sepanggar, memohon yuran sekolah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya menganggap kajian yang wajar dibuat oleh EPRD ini dengan izin, sangat penting. Saya hendak lihat kajian tentang kepuasan guru dalam perkhidmatannya. Apakah puncanya? Sebab ini sebenarnya yang akan menjadikan guru itu berminat dan relevannya ialah memberikan kesan kepada murid-murid dia.

Yang keduanya, ialah kita juga harus melihat konteks dalam kepimpinan pendidikan di peringkat sekolah-sekolah. Ini ada kaitan dengan kepuasan guru tadi yang relevan juga dengan nilai pendidikan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang sentiasa mengambil berat mengenai pendidikan. Pandangan Yang Berhormat akan kita ambil perhatian dan saya percaya kajian yang dibuat oleh EPRD ini ialah ke arah sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ada lagi?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya mengemukakan beberapa soalan dan saya fahamlah mungkin Yang Berhormat tidak ada masa untuk berbincang dengan pegawai yang bertanggung jawab. Bolehkah saya minta.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin belum sampai.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:tentang pengajaran bahasa Iban di daerah Tatau dan Bintulu. Di mana ramai ibu bapa yang mengadu kepada saya bahawa di sana adalah Iban *majority area*, tetapi guru besar di sana nampaknya enggan mengadakan pengajaran bahasa Iban. Bolehkah saya minta *confirm*, jaminan dari Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Berhormat akan menyiasat perkara ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini masalah tempatan. Saya hanya boleh katakan, kita akan hantar pegawai untuk siasat. Kerana rancangan kita, memang bahasa Iban ini memang kita hendak ajar di seluruh negeri Sarawak. Itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan berapa lama diperlukan lagi, lebih kurang?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Agak banyak lagi, ada 42 orang. Itu pun saya cuba langkau yang mana yang penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:supaya kedua-dua menteri yang berada, mereka boleh bersedialah saya rasa. Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Sepanggar membangkitkan terminal sekolah yang melibatkan guru dan juga PIBG. Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran mendapatkan rundingan daripada semua pihak dan juga ulasan daripada Jabatan Teknikal terlebih dahulu. Juga sebelum sebarang pertimbangan dibuat untuk meluluskan sesebuah tapak bagi pembinaan sesebuah sekolah. Ini selalunya terpulanglah. Dasarnya memang komen daripada Jabatan Teknikal, tetapi kita minta supaya pihak sekolah juga dapat berbincang dengan

pemimpin-pemimpin tempatan supaya melihat tapak yang lebih sesuai. Kerana bila urusan pengambilan tapak, kita mohon kerjasama daripada pemimpin tempatan.

Yang Berhormat bagi Sepanggar juga ingin mengetahui mengenai bantuan sekolah mubaligh yang pada tahun 50an dan 60an yang uzur. Untuk sekolah bantuan modal, dasar KPM. Ini bantuan modal sama semualah. Sama ada bantuan modal sekolah mubaligh, SAR, sekolah SJK(C), SJK(T). Dasar kita ialah untuk kita membantu sebahagian daripada jumlah keseluruhan yang diperlukan dan ia menjadi tanggung jawab Lembaga Pengurusan sekolah. Itu untuk mendapatkan sejumlah yang seterusnya dan jumlah peruntukan yang diperlukan hendaklah dipohon kepada KPM dan kita meluluskannya mengikut kepada peruntukan yang kita ada.

Yang Berhormat bagi Rembau mencadangkan unit pra sekolah ditubuhkan di JPN. Sebenarnya unit pra sekolah telah pun diwujudkan di JPN setiap negeri di bawah sektor pengurusan sekolah.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau mencadangkan supaya SPBT secara percuma turut diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat. Pemberian buku teks di bawah skim pinjaman buku teks masih lagi menggunakan dasar sedia ada. Pemberian SPBT untuk 100% belum lagi dilaksanakan di semua jenis sekolah. Pada masa ini, lebih 95% daripada pelajar di Sekolah Menengah Agama Rakyat telah pun menikmati bantuan SPBT.

Tiada guru ganti bagi guru bahasa Inggeris yang bercuti. Setiap daerah diwujudkan guru kumpulan iaitu guru simpanan. Di mana di tiap-tiap PPD, dia mestilah sudah ada senarai guru simpanan setiap mata pelajaran dan apabila guru di sekolah tertentu bercuti atau berkursus panjang, maka pihak Pengetua seharusnya dia berhubung dan memaklumkan kepada PPD. PPD yang seharusnya ada senarai guru simpanan ini hendaklah menghantar senarai guru-guru simpanan untuk menggantikan guru-guru yang bersalin ataupun guru-guru yang berkursus dalam tempoh yang panjang.

Mengenai pembinaan SMK Kuala Krau II dibina dalam RMK9, cadangan pembinaan sekolah tersebut akan dikaji dalam Rancangan Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesembilan. Mengenai pelajar pra sekolah yang terpaksa mengikuti KIA 2M, program kelas integrasi awal membaca dan juga menulis KIA 2M, diwujudkan bagi membantu murid Tahun Satu yang belum lagi menguasai kemahiran membaca dan menulis supaya mereka dapat menguasai kemahiran ini sebelum melangkah ke Tahun Dua.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah, kekurangan guru di SJK(C) kawasan Gelang Patah, sebelum ini menggunakan khidmat GSTT. Kekurangan guru SJK(C) adalah secara menyeluruh di seluruh negara. Namun demikian, pendapatan guru bahasa Cina adalah dilakukan secara berkala dan negeri yang sangat kritikal seperti Johor dan Selangor akan diberikan perhatian yang serius.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, mengenai bantuan biasiswa, jumlah pelajar yang menerima biasiswa meningkat dari tahun ke tahun dan kadar biasiswa juga telah bertambah. Keperluan tambang bas juga boleh dipohon melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ada membangkitkan mengenai sekolah SJK(T) di Lindungan. Sekolah Kebangsaan Lindungan merupakan sekolah baru telah siap di mana sudah beroperasi pada sesi persekolahan 2007. Ini Sekolah Kebangsaan Lindungan ya, dan juga Yang Berhormat bangkit mengenai SJK(T). Mengenai SJK(T), Sea Port Sekolah Bantuan Modal. Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan supaya ia berpindah ke Kg. Lindungan. Kerajaan Negeri bersama KPM telah bersetuju menyediakan tapak untuk terminal sekolah di Kg. Lindungan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, mohon penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan bahawa SJK(T) Sea Port akan dibina. Cuma masalahnya ialah sudah lama, semenjak 15 tahun yang lepas, beliau berjanji untuk membina sekolah tersebut. Persoalannya ialah bilakah pembinaan

SJK(T) Sea Port akan dimulakan? Itu persoalan yang utama kerana sudah lama tertangguh. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah nyatakan tadi bahawa dia akan berpindah ke Lindungan dan Kerajaan Negeri dia telah pun bersetuju untuk menyediakan tapak. Jadi bila hendak ini, kalau saya katakan tahun hadapan, mungkin nanti Yang Berhormat akan bangkitkan lagi. Ertinya Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, tolong sama-sama bantu di peringkat akar umbi, terlibat sama dengan PPD, dengan Jabatan Pendidikan Negeri, supaya proses ini dapat kita percepatkan.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai keluasan tapak rezab sekolah yang perlu disediakan oleh pemaju untuk memastikan kegiatan ko-kurikulum. Keluasan tapak yang disediakan oleh pemaju untuk sekolah rendah ialah 5 - 6 ekar, manakala bagi sekolah menengah, 10 - 15 ekar. Proses pengambilan balik tanah daripada milik awam melibatkan semua negeri. Kebanyakannya adalah di Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan. Semua tanah rezab yang tidak ekonomik dan tidak sesuai telah dan akan diserahkan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian untuk digunakan oleh agensi kerajaan yang lain.

Mengenai penggredan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chee Wen, pada masa ini status gred SJK(C) Chee Wen masih gred B oleh kerana semakan gred sekolah diadakan sekali dalam tempoh tiga tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah ini telah pun dimasukkan ke dalam senarai permohonan KPM ke JPA untuk diubah status gred sekolah. KPM sentiasa prihatin dengan masalah tersebut. Permohonan perubahan gred sekolah juga turut melibatkan sekolah-sekolah yang lain.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan berapakah yang telah dibayar untuk membeli tanah di Rantau Panjang lima tahun yang lalu iaitu bayaran yang telah dikenakan ialah sebanyak RM1.3 juta telah dibayar untuk bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang.

Yang Berhormat bagi Kuala Krai membangkitkan kemudahan rumah guru yang tidak digunakan sepenuhnya oleh para guru. Memang KPM menyedari perkara ini walaupun kita banyak membina kuarters-kuarters guru tetapi masih terdapat kuarters-kuarters guru yang tidak diduduki lebih-lebih lagi kuarters-kuarters guru yang dibuat di kawasan separuh bandar. Walau bagaimanapun bagi guru-guru yang telah mempunyai rumah sendiri dan kedudukannya berhampiran dengan sekolah, kita memberikan kelonggaran untuk mereka tinggal di rumah sendiri.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah membangkitkan guru-guru yang mengikut suami ke luar negeri

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya dengar bahawa ada Yang Berhormat yang meminta membina kuarters-kuarters guru dan juga ada kuarters-kuarters guru yang telah dibina tetapi tidak didiami. Ini adalah seperti SRJK(C) yang mempunyai masalah ada sekolah yang kekurangan *enrolment* dan ada sekolah yang terlalu ramai pelajar. Dasar ataupun penyelesaian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam ialah terlebih dahulu mesti menyelesaikan sekolah-sekolah yang kekurangan murid. Jadi, adakah pendapat yang sama dilaksanakan untuk asrama ataupun kuarters guru? Sehingga semua kuarters guru dipenuhi, tidak akan bina lagi. Saya rasa ini bukan cadangan yang baik. Jadi saya berasa bahawa pada waktu sekarang pihak kementerian memerlukan

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat punya isu saya jawab kemudian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... bukan, pengurusan yang lebih rapi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tahu. Yang Berhormat sudah cakap tadi masa dalam ucapan, saya sudah faham dan saya sudah catat. Tunggulah giliran Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat kata dasar bodoh itu, semua saya sudah catat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti akan jawab?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya jawab, mesti jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini kuaters, saya rasa ini memerlukan pengurusan yang lebih rapi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Duduk dulu, lepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lepas ini dia akan jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti akan jawab ya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, mana boleh tidak jawab kalau Yang Berhormat kata dasar kementerian dasar bodoh. Bodohlah saya kalau saya tidak jawab. Yang Berhormat tunggulah.

Sejauh manakah kejayaan SMAN dan juga SAR yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan juga Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangkit perkara yang sama. Sehingga kini sebanyak 101 buah sekolah agama rakyat dan juga sekolah agama negeri telah selesai proses pendaftaran sebagai sekolah agama bantuan kerajaan yang sekarang dipanggil SABK. KPM telah memberikan latihan kepada guru di sekolah tersebut dan sekolah-sekolah tersebut akan diberikan bantuan seperti sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor membangkitkan di Selangor, semua sekolah menengah telah pun selesai diserahkan kepada kementerian.

Di Kelantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, setakat ini baru ada dua buah iaitu sekolah menengah satu dan sekolah rendah satu. Itu pun sekolah di bawah Majlis Agama Negeri Kelantan. Juga Yang Berhormat bangkitkan supaya tubuhkan unit J-QAF di JAPIM. Untuk makluman Yang Berhormat, Unit J-QAF di JAPIM memang telah ditubuhkan untuk merancang dan menguruskan pelaksanaan J-QAF. Unit ini ditubuhkan di bawah Bahagian Kokurikulum pendidikan Islam dan Moral JAPIM, kita ada tubuh. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ada bangkit dan masih lagi komen mengenai J-QAF. Dia kata kita tidak menggunakan sepenuhnya. Tapi Yang Berhormat tidak ada, saya tidak perlu ulanglah.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ada membangkitkan pengkhususan sukan. Pendidikan jasmani dan kesihatan sebagai satu subjek PMP dan tidak boleh diwastakan kerana perlu diajar oleh guru-guru yang terlatih. Pendidikan sukan adalah merupakan salah satu cabang dalam aktiviti kokurikulum. Aktiviti sukan diadakan selepas waktu PMP di bilik darjah semasa waktu persekolahan. Kita telah wujudkan kerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan untuk aktiviti-aktiviti sukan yang melibatkan guru dan juga pelajar. Kita juga telah menubuhkan pusat-pusat sukan di setiap negeri dan juga sekolah-sekolah sukan dan peruntukan juga telah diberikan untuk kita meningkatkan tahap pencapaian sukan di kalangan pelajar-pelajar kita kerana sukan sekarang bukan sahaja untuk aktiviti kokurikulum tetapi untuk melatih pelajar-pelajar kita yang berbakat untuk menjadi ahli sukan yang profesional.

Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan mengenai pembelajaran bahasa Iban perlu dimasukkan di dalam jadual waktu. Status mata pelajaran bahasa Iban ialah sebagai bahasa tambahan, ianya perlu berada di luar jadual waktu sekolah. Walau bagaimanapun terpulanglah kepada kerjasama guru besar untuk memasukkan mata pelajaran bahasa Iban ke dalam jadual waktu. Kenapa bahasa Iban diajar di luar jadual waktu telah pun saya jawab tadi. Elaun guru GSTT, elaun guru dibayar mengikut program dan juga berasaskan kelayakan akademik. Program KDPM, *more* latihan berasaskan sekolah adalah untuk calon-calon lepasan SPM dan kadar elaun yang diluluskan ialah RM616.

Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan guru-guru di kawasan pedalaman tidak berpengalaman pada hari ini menjejaskan keputusan peperiksaan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat bagi Tuaran bukan Iban tetapi Kadazan, pembedulan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Kadazan, terima kasih banyak-banyak. Itulah Yang Berhormat yang jujur dan ikhlas. Bukanlah bila keluar surat khabar esok, sudah Menteri betulkan, buat usul potong gaji pula. Kita kena ikhlas macam ini, saya pun mungkin pegawai silap tulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tunggulah Yang Berhormat, giliran Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, kalau hendak tegur, bangunlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan saya hendak kata. Kalau dia baca tanpa fikiran, *no use*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak timbul. Kadang kala buat kesilapan juga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Kita semua manusia tetapi kalau kita buat kesilapan, kita minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, pukul satu saya kata siapa hendak berucap, datanglah awal sikit. Tapi dia beritahu Tuan Pengerusi yang mempengerusikan, dia kata saya janji beri dia berucap. Jadi kesilapan adalah, tidak apalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bukan kesilapan. Kesilapan ada, keikhlasan tidak ada pembangkang ini. Dia lebih politik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nantilah Yang Berhormat, nanti saya beri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini sikap yang kurang elok. Sudah buat kesilapan tidak mahu akui, tapi hendak polemik lagi.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Bagi Sri Aman sekejaplah Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah habis tadi.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tidak, sebenarnya Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri tidak membuat apa-apa kesilapan, oleh kerana Yang Berhormat bagi Tuaran tadi memperjuangkan bahasa Iban dan bahasa Kadazan *in one breath* dengan izin. So, tidak ada kesilapan, jawapan itu betul. Seratus peratus betul.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kita dengar kepada orang yang ikhlas untuk buat pembetulan. Bagi meningkatkan fungsi Institut Terjemahan Negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM16.9 juta bagi melaksanakan naik taraf kemudahan ITNM menjalankan aktiviti terjemahan, menjalankan kursus dan latihan penterjemahan. Peruntukan ini selalunya diberi secara geran. Kalau saya tidak silap, geran yang pertama diberi sewaktu ditubuhkan mula-mula dan sewaktu saya melawat di ITNM ini diberikan maklumat geran dah habis. Jadi mereka ini membuat buku-buku berbentuk ilmiah yang kadang-kadang pasarannya kurang. Jadi mereka kena terjemah seperti buku-buku ilmuwan dan juga buku-buku yang boleh dijadikan rujukan bukannya sebagai bacaan umum sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagikah?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ada lagi Yang Berhormat, 42 orang Yang Berhormat yang bangun bercakap saya cuba....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi ada banyak perkara samalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yalah, yang mana sama saya tidak ulang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, jadi saya kena minta Kementerian Kesihatan kena bersabar ya Yang Berhormat, Menteri Kesihatan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menteri kena bertanggungjawab, datang!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya pun letih juga Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu, saya kena beritahu...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia, dia menteri sudah tunggu, saya kena beritahulah ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yalah, beliau kena tanggungjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, guru-guru yang mengikuti suami ke luar negeri tidak dapat bergaji penuh atau tanpa gaji, ini kelayakan yang dimasukkan seperti juga dengan perkhidmatan awam yang lain yang mana tertakluk di bawah syarat-syarat agensi pusat, ejen yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat bagi Kanowit memohon supaya peruntukan ditambah dan memastikan generator di sekolah terutamanya dapat digunakan sepenuhnya, Kementerian Pelajaran telah pun mewujudkan kontrak bagi bekalan genset di sekolah-sekolah dengan mengambil kira bekalan diesel dan juga penyelenggaraan diesel tersebut.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu, memfokuskan KPM dalam bidang sukan saya telah ulas tadi.....

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: *[Mengetuk pembesar suara]* Sedikit, sedikit Timbalan Menteri. Macam mana dengan SMK Kanowit, projek SMK Kanowit....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya? Projek SMK Kanowit?

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Bukan, bukan Sedaya, SMK Sedaya? *Relocation* projek.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekolah Menengah Kebangsaan Sendayak?

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Sedaya, Sedaya, Sedaya...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tapak sekolah telah ditetapkan tetapi sehingga kini masih belum dilaksanakan. Tuan Pengerusi, saya cuba tidak mahu sebut tadi, saya cuba hendak langkah dia sudah bangun tanya saya, *so* saya kena bacalah juga. Kalau saya tidak baca, dia akan bangun juga tanya, macam ini tadi saya ingat malas hendak jawab tetapi yang sudah bangkit saya kena bacalah balik, jawapan ada. Iaitu jawapannya ialah pelaksanaan projek tersebut akan dikaji di bawah kajian separuh penggal bermakna tidak ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dibuat dalam kajian separuh penggal nanti.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu, mengenai guru pendidikan jasmani, guru-guru yang terlibat biasanya akan diberikan kursus, sama ada kursus jangka pendek ataupun jangka panjang. Ramai juga yang telah di *upgrade* ke tahap kelulusan yang lebih tinggi. Sukatan untuk mata pelajaran pendidikan jasmani dapat dilaksanakan oleh semua guru terlatih tanpa mengira *option* sebab semasa di maktab dahulu semua sudah diajar mengenai JPK.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor membangkitkan mengenai peruntukan khas bagi menyediakan sekolah-sekolah kepada PIBG. Peruntukan rancangan sekolah ini boleh menggunakan peruntukan PCG bagi aktiviti subjek tertentu seperti makmal sains dalam subjek sains dan juga moral bagi subjek lukisan. Tadi kalau saya tidak silap Yang Berhormat kata, peruntukan tidak boleh diberi kepada PIBG saya rasa boleh kita beri peruntukan kepada PIBG sekolah untuk buat aktiviti-aktiviti di sekolah dan juga menaikkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah kawasan masing-masing. Mengenai dakwaan Yang Berhormat di Sekolah Kebangsaan Tanjong Keramat yang mengatakan dan juga sebuah SJK(T) yang tidak selamat dan juga mengenai PPD Kuala Selangor ini juga dalam daerah yang sama dengan daerah saya ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah kita akan laksanakan.

Yang Berhormat bagi Jasin, membangkitkan isu guru selalu berkursus, tadi saya sudah jawab memang guru-guru yang menghadiri latihan berkursus adalah dipilih, tidak berganti-ganti. Namun demikian kita tidak menafikan bahawa ada berlaku guru keluar terlalu ramai dan ini memang disedari oleh pihak kementerian dan kita sedang pun mengkaji bagaimana cara supaya perkara ini dapat diatasi.

Yang Berhormat bagi Bera, memohon diadakan silibus tertentu di hujung penggal pra sekolah supaya murid berminat untuk ke sekolah. Sukatan pelajaran yang digubal dan disokong dengan huraian sukatan pelajaran bagi setiap mata pelajaran adalah sesuai dengan bilangan minggu persekolahan. Pihak sekolah perlu merancang rancangan pengajaran tahunan dan mingguan bagi setiap mata pelajaran dan ini juga

sebenarnya Yang Berhormat kita sudah bincang di peringkat kementerian semalam, bahawa memang kita sedar apabila bukan sahaja selepas pelajar-pelajar mengambil peperiksaan awam, peperiksaan am seperti PMR, SPM ataupun STPM tetapi peperiksaan sekolah biasa ini. Dia ada tiga minggu lagi sebelum cuti, saya ini pun mendapat aduan mengenai perkara dan sedang kita bincang bagaimana untuk mengatasi masalah ini supaya pelajar-pelajar terus ke sekolah hingga akhir tahun.

Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan borang daftar murid tidak boleh disahkan oleh Parlimen pembangkang, KPM mengambil maklum isu yang Yang Berhormat bangkit tetapi kalau tidak Ahli Parlimen pembangkang, ADUN pun boleh, ADUN Barisan Nasional tidak ada masalah.

Beberapa ahli: Aah! *[Sorak]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita akan ambil maklum apa yang Yang Berhormat bangkit...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kalau ADUN pun tidak boleh, Ahli Dewan Rakyat pun tidak boleh, jadi macam mana mahu mengatasi sebab kami selalu ada di padang?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya tahu, kalau Yang Berhormat tidak boleh, saya semua tidak boleh tetapi kita katakan demikian, kita beri ketua kampung, kita beri penghulu kerana mereka, kita anggap mereka itu lebih tahu untuk mengesahkan pendapatan bagi mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan. Kalau bekerja dengan kerajaan slip gaji sudah cukup membuktikan tetapi kalau dia kerja kampung, jadi ketua kampung sahaja tahu. Jadi dasar itulah yang kita buat, walau bagaimana pun apa yang bangkit, kita akan lihat kembali.

Yang Berhormat bagi Pensiangan, mengenai makanan saya telah jawab tadi itu ya, mutunya.....

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Pensiangan satu lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa lagi?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Mengenai dengan imbuhan tambang percuma untuk guru-guru daripada Sabah yang telah dimansuhkan dan yang perlu diberi perhatian. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang sekarang ini Yang Berhormat, dia guru-guru yang di Sabah ini kalau diberi peluang balik, saya tidak pasti berapa tahun sekali tetapi memang ada imbuhan yang diberi tetapi kalau Yang Berhormat kata dahulu ada, sekarang tidak ada, kementerian akan lihat balik atas perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Batu Gajah, pendaftaran pelajar di sekolah berhampiran...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat tadi nama saya disebut tetapi jawapannya tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya tanya. Saya hairan sebab saya yang tanya, sekolah rancangan khas tetapi jawapan saya faham berdasarkan tentang asrama penuh itu, jawapan itu saya sudah tahu tetapi saya hendak tahu pendirian kerajaan tentang wujudnya sekolah rancangan khas yang membuat segregasi kaum adalah sekolah menengah kebangsaan. Saya rasa itu perkara yang sangat serius dan saya minta pendirian jelas supaya perkara ini tidak diikut sebab saya mendapat panggilan di Batu Pahat juga PIGS sudah mula. Ada guru-gurunya dapat arahan daripada pengetua, saya tidak tahu kenapa boleh jadi macam ini. Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Isu yang Yang Berhormat bangkit sama dengan yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, jadi saya akan jawab selepas ini. Salah satu isu yang Yang Berhormat bangkit ini ialah mengenai guru GSTT bukan fasal yang saya jawab, yang Yang Berhormat tadi ialah GSTT yang Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah ialah pendaftaran pelajar di sekolah berhampiran, yang ini agihan pelajar murid-murid mengikut lokasi tempat tinggal diberikan keutamaan tetapi kalau sekolah itu sudah lebih. Kalau lebih daripada yang telah ditetapkan oleh satu sekolah kalau katakanlah sekolah itu 50 orang, untuk tahun satu ada 100 orang, jadi kalau sudah cukup 100 orang dia mungkin tidak boleh ambil dan dia kena pindah ke sekolah lain. Jadi kalau kita ambil pelajar itu maka timbullah isu, satu kelas akan menjadi lebih sampai 50 - 55 orang. Jadi sebab itu kita telah pun membuat perancangan memastikan tidak berlaku lebihan yang terlalu banyak dalam satu-satu sekolah.

Yang Berhormat bagi Bera, mengenai KPM, mengenai peruntukan penyelenggaraan rumah guru di Parlimen Bera, KPM akan menyelenggarakan rumah-rumah guru secara berperingkat termasuklah rumah guru di Bera yang ianya telah pun dimulakan di Daerah Gombak dahulu.

Yang Berhormat bagi Kuala Krai mengenai prasekolah. Tempoh P&P secara rasmi di kelas prasekolah adalah tidak kurang daripada 3 jam sehari termasuklah waktu rehat 30 minit dan permainan luar ialah 20 minit sehari.

Yang Berhormat bagi Seputeh, kerajaan, KPM, saya telah terangkan tadi ya. Ha, dia pun tidak ada. Dia ada bangkit pasal itu PPSMI. *[Disampuk]* Isu PPSMI saya sudah jawab tadi, isu pengajaran Bahasa Inggeris dalam Matematik, isu yang dibangkitkan.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas membangkitkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Peranan DBP sebagai agensi pembinaan dan juga pengembangan bahasa dalam sastera Melayu sentiasa ditingkatkan dan diperkembangkan dengan pelbagai program melalui projek-projek yang telah pun diatur.

Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, lagi oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, ini mengenai dakwaan oleh ketiga-tigalah – Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mendakwa kata kita buat dasar yang bodoh. Bila menteri kata kita hendak selesaikan sekolah kurang murid dan sebagainya, tidak bersetujulah dengan dasar yang dinyatakan.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita kena faham bahawa dalam negara kita ini kalau ikut Akta Pendidikan, kita ada tiga jenis sekolah. Satu sekolah kerajaan, satu sekolah bantuan kerajaan dan satu lagi sekolah swasta. Kita jangan silap mengenai sekolah bantuan dan juga sekolah kerajaan. Seperti sekolah SJKC, ia ada 1,288. Daripada itu, sekolah kerajaan ada 402 dan sekolah bantuan ialah 886. SJKT, sekolah bantuan penuh kerajaan ada, 145 dan sekolah bantuan modal, 378.

Saya ingat Yang Berhormat pun faham apa beza di antara sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan. Ini termaktub di dalam akta kita. Kita tahu kalau bab pengurusan, memang kita bayar gaji guru, semua bab pengurusan memang kerajaan bayar. Untuk sekolah bantuan kerajaan dan juga sekolah kerajaan di mana pembiayaan sepenuhnya dibayar oleh kerajaan untuk pengurusan. Tetapi untuk pembangunan, mengadakan bangunan, mengadakan perabot dan kelengkapan, untuk sekolah kerajaan, pembiayaan sepenuhnya oleh kerajaan. Tetapi untuk sekolah bantuan modal, pembayaran bantuan pembangunan menerusi permohonan. Artinya bangunan kena buat sendiri. Kita boleh bagi peruntukan dengan peruntukan yang telah saya nyatakan itu ada RM130 juta kalau saya tidak silap, itulah duit yang kita akan beri kepada permohonan-permohonan yang kita dapat.

Tadi pun kita dengar daripada Yang Berhormat bagi Bera, sekolah dari Bera tadi sekolah Cina, sekolah Tamil, dia kata RM800,000 boleh dapat. Jadi bukannya kita tidak bagi. Begitu juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Ya, saya hendak beritahu. Saya tahu Yang Berhormat faham apa beza sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan. Jadi Yang Berhormat jangan bagi benda ini kelim kabut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat beri keterangan perbezaan. Dari segi Kerajaan Barisan Nasional, dari segi undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi tidak adil dalam pandangan rakyat jelata. Kenapa perlu ada perbezaan? Sekolah patutlah untuk semua rakyat, khasnya kalau kita kaji sekolah SJKC dan SJKT, mereka sudah berdekad-dekad memberi *contribution* mengikut kewangan dan sepatutnya patut dihargai.

Kita tidak kisah bahawa rakyat Malaysia keturunan Cina, mereka bayar cukai 80%. 80% cukai daripada rakyat atau warga Malaysia keturunan Cina, ia tidak kisah. Tetapi apa mereka mahu ialah keadilan untuk menganggap semua sekolah sebagai *national school* sama ada sekarang dianggap sebagai SJKC bantuan penuh, kenapa tidak lihat sebagai semua *national school* pun. Itulah yang pertama.

Kedua mengenai isu Yang Berhormat sedang mahu jawab ialah kenapa sekolah-sekolah kurang murid, masalah mereka tidak patut diselesaikan sebelum selesai masalah tidak cukup sekolah untuk pelajar-pelajar. Bukankah ini satu pendekatan yang tidak adil dan tidak logik oleh kerana....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Oleh kerana semalam saya...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah faham apa Yang Berhormat cakap. Duduk, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, oleh kerana semalam kita...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya faham apa Yang Berhormat hendak cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, sekejap sahaja.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bagilah saya jawab. Itu sahaja Yang Berhormat hendak cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You* pun boleh jawab dua-dua perkara. Oleh kerana semalam kita dengar bahawa ada sekolah *Central Heights* ada dua pelajar, tiga guru, apa masalahnya? Sebenarnya sekolah semacam itu patut ditutup. Tetapi kenapa tidak tutup? Oleh kerana rakyat jelata tidak percaya bahawa kerajaan akan adil untuk membina sekolah yang baru mengikut keperluan. Sebab itu masalah. Masalah di mana ada sekolah dua murid, tiga guru, tidak boleh tutup oleh kerana ketidakpercayaan kepada keadilan kerajaan. Sebab itu kenapa tidak mahu tunjuk keadilan.

Baca surat khabar hari ini, Menteri-menteri MCA semua kata dalam kawasan mereka padat, *over, not enough places*. Kenapa tidak mahu bina sekolah? Tengok Malaysia Kini bahasa Cina, MCA Publicity Bureau kata ini tidak adil bahawa tidak mahu tubuh sekolah-sekolah baru oleh kerana masalah kurang murid tidak mahu selesai. Tetapi dalam Dewan, Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri MCA tidak berani cakap. Luar Dewan berani cakap. Bukankah ini menunjukkan bahawa masalah ini yang kita hadapi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau kita bagi dia cakap, dia akan main politik. Yang Berhormat, kadang-kadang ucapan-ucapan macam ini yang menyebabkan kadang-kadang dalam UMNO dahulu orang marah. Yang Berhormat tadi cakap soal sejarah. Yang Berhormat kena tahu sejarah ini – sebab apa wujudnya SJKC, sebab apa wujudnya sekolah bantuan. Yang Berhormat tadi cakap soal belajar sejarah. Yang Berhormat suruh belajar secara global. Yang Berhormat tidak faham sejarah sekolah Cina ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sejarah kita tulis tidak adil.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini adil, itu bangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berani tak kita tulis sejarah yang adil, yang baru?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini, Yang Berhormat, cuba...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat cuba menafikan sejarah yang ada. Yang Berhormat suruh belajar sejarah yang global. Sebab itu ada di dalam Akta Pelajaran. Yang Berhormat kena tahu mengapa status sekolah SRJKC. Sekarang ini macam sekolah agama rakyat pun sama. Sekolah agama rakyat pun sekolah bantuan modal kerana sekolah itu bukan di bawah Kementerian Pelajaran, bukan di bawah Menteri Pelajaran, sekolah yang ditubuhkan oleh Lembaga. Tanahnya juga bukan tanah milik kerajaan, tanah kepada Lembaga. Takkan itu pun tidak faham. Mengapa sekolah Cina itu ditubuhkan? Ini semua Yang Berhormat tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itu *history*. Sekarang ini *history in justice*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa bezanya sekolah-sekolah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu *historic in justice*. Itu perlu dibetulkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa belum betul? Sejarah memang betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, *historic in justice*. Tanya MCA.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini, Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tanya GERAKAN, setujukah? Itu *historic in justice*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri MCA, Ahli Parlimen sama ada itu betul. *The historic in justice*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekarang kita tanya dengan Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, tunggu kebenaran baru cakaplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yalah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, perkara-perkara seperti inilah yang orang Melayu, yang dibangkitkan oleh UMNO, perkara seperti inilah. Sejarah-sejarah jangan nafikan. Jangan hendak cuba tukar fakta sejarah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab itu kita tidak nafikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Timbalan Menteri.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...dan kita terus berikan bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada perkara lain untuk dijawabkah?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, ini saya hendak jawab ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beralih kepada tajuk lainlah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak jawab seperti Yang Berhormat kata dasar kita tidak betul. Yang Berhormat, dasar kita hendak memberikan pendidikan dan pembangunan sekolah kepada semua bangsa, semua kaum tanpa mengira dia berada, asalkan dia mendapat pendidikan sempurna di bandar dan juga di luar bandar.

Yang Berhormat jangan tengok masalah-masalah sekolah-sekolah Cina yang Yang Berhormat bangkit lebih murid. Kita sekarang ini di seluruh negara Yang Berhormat, kita ada 83 buah sekolah rendah yang pelajarannya lebih daripada 2,000 pelajar. Ada 122 buah sekolah menengah yang ada lebih 2,000 pelajar. Kita adakan peruntukan yang begitu banyak untuk memberikan kemudahan-kemudahan tanpa mengira di sekolah mana pun.

Seperti yang kita bagi peruntukan kepada sekolah rendah 9,079 sebanyak RM27 juta kita telah laksanakan untuk sekolah rendah sahaja. Untuk menengah ada 6,039 bilik darjah yang kita hendak buat. Untuk sekolah menengah ada 2,046 sekolah yang kita hendak naik taraf dan 599 sekolah yang kita hendak bina. Beratus juta ini yang kita buat, kita beri dan tadi Yang Berhormat pun sudah dengar, ada beberapa rakan-rakan daripada Barisan Nasional yang memang dapat bantuan.

Yang Berhormat bagi Serdang tadi sudah baca, berapa sekolah Cina yang dapat. Yang Berhormat kena adil. Janganlah sebab satu, dua sekolah Yang Berhormat perjuangkan Yang Berhormat hendak menafikan apa kebaikan yang telah kementerian buat. Jadi Yang Berhormat jangan cuba hendak bermain api, jangan cuba hendak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Membantah].*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, yang kedua saya hendak bercakap Yang Berhormat mengenai sekolah, Yang Berhormat saya kata Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain diam...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat saya kata Yang Berhormat masih lagi mengungkit, DAP masih lagi mengungkit soal keris. Yang Berhormat buta sejarah, buta budaya. Yang Berhormat, keris bukan sahaja lambang orang Melayu, lambang UMNO....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya cakap itu hari....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat jangan kurang ajar, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan, tidak bagi jalan. Semalam...duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya teruskan. Ipoh Timor, dia tidak bagi jalan.

Beberapa Ahli: *[Bangun membantah]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat duduk, saya hendak jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan mengamuk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak jawab, saya hendak jawab Yang Berhormat. Saya hendak jawab, saya hendak bagi tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor dia tidak bagi jalan, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Duduk, saya hendak bagi penjelasan.

[Dewan terlalu riuh].

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan mengamuk. Rasional, rasional, jangan mengamuk. Jangan emosional.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Eh, duduk Yang Berhormat.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk. Teruskan. Tanjong Karang....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan emosional

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat saya sudah cakap, Yang Berhormat semalam isu keris sudah selesai sepatutnya. Janganlah bangkit lagi hari ini. Bangkit lagi? Semua DAP bangkit cakap soal keris. Saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bila Yang Berhormat bagi tahu?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semalam kita sudah cakap soal keris. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata apa? Menteri Pelajaran sama dengan Agung ke? Masih lagi Yang Berhormat tidak faham. Kita maksud ialah keris ini ialah lambang kekuasaan dan keagungan orang-orang Melayu. Sebab itu UMNO, lambang UMNO lambang keris. Yang Berhormat, lambang keris inilah, lambang keris UMNO inilah yang telah berjaya menyatupadukan rakyat, yang telah memajukan rakyat dan melahirkan rakyat yang baik. Bukan macam kalau hendak kira lambang ini Yang Berhormat, kalau hendak kira lambang ini menggambarkan sesuatu perkara, roket lagi teruk. Apa lambang roket?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Lambang *destruction*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ia menjadi penghancur.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Lambang UMNO...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, Penjelasan

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat sudah cakap panjang lebar fasal keris, tapi Yang Berhormat masih lagi buta budaya, masih tidak faham sejarah. Yang Berhormat duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Timbalan Menteri teruskanlah. Isu lain Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tutup, duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia hendak tutup. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah bagi tahu soal keris, tutup buku, jangan hendak jadikan isu politik, jangan... Yang Berhormat duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri bawa kepada tajuk lainlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tutup. Saya hendak tutup ini Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan terlalu gamat].

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, salah ke? Yang Berhormat duduk, dengar saya cakap!

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah].*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, Ipoh Timor...
Timbalan Menteri teruskan.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah].*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat,....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.
Timbalan Menteri bagi tajuk lain.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak ada. Saya hendak beritahu Yang Berhormat soal keris ini lambang UMNO. Salah ke? Duduk dulu... Salah ke Pemuda UMNO bawa lambang UMNO dalam Perhimpunan UMNO. Jangan hendak bangkit lagi soal UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, tukar tajuk lainlah.
Yang lain sila duduk.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah].*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat itu saya sudah bagi tahu
jangan, isu keris hendak dibangkit walaupun kita sudah cakap terus-terang...

[Dewan gamat seketika].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, tidak apa. Saya, kita hormatlah pada
lambang DAP...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar
suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, apa juga Yang Berhormat,
Yang Berhormat ambillah. Yang Berhormat punya lambang kata sains teknologi, itu
pendapat Yang Berhormat tapi kalau tanya orang kampung roket ini ialah alat yang
pemusnah, kalau hendak kira. Baiklah Yang Berhormat, saya sudah, saya hendak
habiskan, hendak bagi tahu Yang Berhormat fasal soal orang Melayu dengan keris ini,
ini pusaka orang Melayu. Saya hendak pantun kepada Yang Berhormat sebelum
penutup. Dengar pantun....

Kalau hendak tahu pokok semalu,

Tersentuh batang daun terkulai,

Kalau hendak tahu anak Melayu,

Ke pentas silat keris pun sampai.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.
Sudah habis Yang Berhormat, cukuplah.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah].*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang
Berhormat. Dia sudah habis. Ahli Yang Berhormat sila diam. Ahli Yang Berhormat
masalahnya ialah bahawa.... Cukuplah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar
suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah, dia
sudah habis Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya di
luar lah.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ini
peraturan. Yang Berhormat ikut peraturan. Dengarlah Yang Berhormat! Yang lain sila
duduk. Cukuplah! Masalahnya... cukuplah, Yang Berhormat sudah habis!

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun membantah*].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Masalahnya ialah wang sejumlah Ringgit Malaysia..... Cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat, dia sudah habis.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun membantah*].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, cukuplah. Sudah, sudah!

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun membantah*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa yang hendak sambung?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jawab, jawab...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang fasal yang dibangkitkan juga Ayer Hitam. Ayer Hitam pun ada bangkit benda yang sama. Saya jawab ini bukan sebab bangkit. Baik, pekeling itu yang dikeluarkan ialah kerana pemilihan pelajar-pelajar khas. Sekolah khas ini Tuan Pengerusi, ialah sekolah untuk kita hendak tempatkan pelajar-pelajar yang tidak dapat asrama penuh. Bila tidak dapat asrama penuh, tempat terhad 3,600 yang dapat lebih kurang 40,000 lebih. Jadi ada pelajar-pelajar yang tidak boleh masuk asrama penuh.

Dasar kita, untuk ke asrama penuh jelas, bahawa bukan bumi memang masih kita kekalkan 10%. Matrikulasi pun sama, kita masih lagi kekalkan 10%. Ini pengambilan Matrikulasi dan juga asrama penuh. Bukannya ke IPTA. Yang Berhormat..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan asrama penuh di sekolah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Itu sebab saya kata, *sure* dia tidak faham. Saya kata...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: KGG mana asrama penuh?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya cakap, sekolah rancangan khas ini ditubuhkan ialah untuk menempatkan pelajar-pelajar yang dapat 5A, yang dapat 7A bukan daripada AJKT yang tidak dapat asrama penuh. Sebab sekolah asrama penuh, tempat 6,000 lebih yang layak dapat 40,000 lebih. Jadi mana hendak letak mereka ini? Sebab itu kita buat sekolah-sekolah rancangan khas. Sekolah-sekolah rancangan khas ini ialah kita hendak ambil, kalau macam dekat sesuatu kawasan itu sekolah itu ada 5A yang tidak dapat sekolah asrama penuh, tidak dapat masuk Maktab Rendah Sains Mara. Jadi, kita ambillah pelajar-pelajar ini ditempatkan di sekolah rancangan khas, di mana sekolah rancangan khas ini kita berikan kemudahan seperti seolah-olah mereka ini mendapat pendidikan seperti di sekolah asrama penuh.

Kalau itu dasar kita, tujuan kita mengadakan sekolah rancangan khas, maka dasar kita adalah sama seperti kita mengambil dan menempatkan para pelajar di sekolah berasrama penuh. Itu pun tak faham! Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini sekolah mana? Ini mengelirukan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tak adil! Ini tak adil!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: KGV.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Timbalan Menteri, bawa balik ke Kabinet bincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Ipoh Timor, cukuplah, ya. Dia sudah jelaskan.... yalah, cukuplah, cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah! Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dia tak faham. Maksud saya bila sekolah rancangan khas ini, mungkin satu daerah satu sekolah. Ada satu daerah, dua sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, ya cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita pilihlah sekolah-sekolah tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat sudah habis, ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak faham, hendak pusing-pusing fakta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bodoh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, perkara yang saya bangkitkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Cukuplah. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19 billion..... Cukuplah, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Bukan, perkara yang saya bangkitkan langsung tidak dijawab. Mana boleh?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu sekolah OKU, kemudahan untuk OKU.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekurang-kurangnya boleh bagi mereka itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, tak apalah. Nantilah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Macam mana langsung tidak berjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tak hormatlah OKU.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini malulah, wakil Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,139,190,900 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM19,139,190,900 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,010,600,000 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,010,600,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Maksud B.42 [Jadual]

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2007]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kesihatan. Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Serdang.

6.12 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00200 – Kesihatan awam.

Tuan Pengerusi, hampir RM10 bilion diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menyediakan kemudahan dan peralatan kesihatan, kepakaran dan latihan supaya rakyat lebih mudah mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa lebih 500 buah klinik akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ia merupakan berita baik untuk rakyat jelata di negara kita. Pihak kementerian perlu sentiasa peka terhadap keperluan rakyat dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan untuk menaikkan taraf klinik-klinik yang sedia ada di samping membawa perkhidmatan yang lebih hampir kepada rakyat dengan menyediakan lebih banyak klinik-klinik dan kemudahan penjagaan kesihatan dan perubatan bagi penduduk-penduduk di negara kita amnya di negeri Selangor khasnya yang begitu ramai penduduk pada masa kini.

Daripada jumlah pesakit yang telah direkodkan untuk menerima rawatan dan pemeriksaan badan di Klinik Desa Kampung Balakong, bilangan pesakit sebanyak 11,773 orang pada tahun 2004. Sejumlah 13,428 orang pada tahun 2005 dan jumlah pesakit 6,894 orang daripada Januari hingga Mei tahun 2006. Laporan ini menunjukkan bahawa klinik kecil ini penuh sesak dan tidak cukup ruang dan kurang kelengkapan dan kekurangan pegawai perubatan untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Disebabkan ramai penduduk daripada 10 taman perumahan dan lima taman perindustrian di sekitar Kampung Balakong maka pihak kementerian perlu mengkaji untuk menaikkan taraf klinik ini untuk mencapai taraf kesihatan yang baik.

Tuan Pengerusi, klinik di Bangi Lama juga menghadapi masalah kekurangan kelengkapan yang sama. Bilangan pesakit berjumlah 6,066 orang pada tahun 2004 dan jumlah 7,650 orang pada tahun 2005 dan 2,535 orang daripada Januari hingga Mei 2006. Pihak Kementerian Kesihatan mesti memberi kemudahan yang sempurna seperti yang dimaksudkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga telah mengumumkan peruntukan pembinaan sebuah klinik dengan kos RM16 juta di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di Kampung Sungai Ramal Luar pada 16 Julai 2006 di Dewan Yang Mulia ini bagi menggantikan klinik kecil bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk-penduduk di lima kawasan perumahan dan tiga kampung tradisional.

Projek ini harus dilaksanakan secepat mungkin bagi membekalkan perkhidmatan kesihatan dalam aspek pencegahan, kawalan rawatan dan pemulihan kepada rakyat terutama di kawasan luar bandar ini. Pada masa yang sama,

Kementerian Kesihatan juga bersetuju untuk membina sebuah klinik kesihatan di Bandar Tun Husin Onn, Cheras. Bukan sekadar mengganti klinik lama yang terbakar di Batu 11, Cheras namun memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan yang meliputi lebih 20 taman perumahan.

Pihak kementerian juga telah mengenal pasti tanah rizab untuk dijadikan sebagai pusat kesihatan cuma rancangan ini masih belum ke tahap yang selesai kerana tapak rizab kesihatan yang terdapat di Bandar Tun Husin Onn, Cheras ini adalah di bawah pegangan pemaju. Maka perbincangan dengan pihak UDA Holding Sendirian Berhad sedang dijalankan. Saya telah meminta Pengerusi UDA Holding Sendirian Berhad daripada kawasan Sekijang untuk memberi pertolongan dan membantu untuk mengatasi masalah tanah rizab ini diberikan kepada Kementerian Kesihatan untuk menjalankan projek ini dengan secepat mungkin.

Saya harap dengan adanya kerjasama dan bantuan daripada Pengerusi UDA Holding, saya yakin dan percaya bahawa masalah akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin supaya projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadualnya.

Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Kesihatan agar memberi Tuan Pengerusi, saya juga berharap kementerian mengambil berat terhadap klinik di Sri Kembangan yang menghadapi masalah yang serupa. Terdapat 52,082 pesakit pada tahun 2005 yang telah direkodkan dan angka sejumlah 43,043 orang pesakit pada tahun 2006 iaitu daripada Januari hingga September telah direkodkan.

Ini jelas menunjukkan bahawa keperluan kesihatan perlu dipertingkatkan termasuk kemudahan dan kepakaran bagi menampung bilangan penduduk yang kian meningkat untuk mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan di Sri Kembangan.

Tuan Pengerusi, saya meminta Kementerian Kesihatan agar memberi laporan terhadap bilangan doktor pakar dan pegawai-pegawai perubatan dan maklumat mengenai kemudahan perubatan yang ditawarkan di Hospital Serdang untuk pemahaman dan pengetahuan rakyat di kawasan ini kerana sehingga ini Hospital Serdang telah dibuka untuk orang ramai tetapi masih terdapat kekurangan maklumat berkaitan perkara ini.

Saya juga ingin memberi komen tentang kes wabak demam denggi. Pada tahun 2005, jumlah kes wabak denggi berlaku lebih daripada 32,950 kes tidak termasuk kes demam denggi berdarah lebih 1,635 kes.

Tuan Pengerusi, kes wabak demam denggi semakin meningkat dan mendadak kerana hanya minggu lalu sejumlah 800 kes telah dikesan dan dilaporkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tahap ini sungguh membimbangkan dan mencemaskan. Penyakit demam denggi boleh membawa kepada maut. Ini perlu diurus dengan peningkatan kesedaran dan kesefahaman masyarakat agar wabak dapat dikawal, maka pihak Kementerian Kesihatan diminta memaklumkan cara dan tindakan yang telah dan sedang diambil untuk menangani penyakit ini agar tidak menjejaskan industri pelancongan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

6.20 ptg.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri di kawasan saya terdapat dua lagi klinik bidan iaitu di kawasan Permatang Durian dan juga Sungai Kob di mana klinik ini sudah lebih daripada 30 tahun dan kita minta supaya dinaiktarafkan untuk dijadikan sebagai klinik desa. Apa yang pelik ialah dua projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tetapi tidak diluluskan ataupun tidak dapat dibina tetapi apabila sampai ke Rancangan Malaysia Kesembilan senarai ini tidak termasuk. Jadi saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk mengambil perhatian dan meluluskan kedua-dua projek ini sebab kedua-duanya adalah sangat penting. Di mana di Permatang Durian iaitu di Mukim Padang Serai, daerah Kulim, ia memberi

perkhidmatan kepada lebih kurang lima buah kampung yang melibatkan 650 buah rumah dan seramai lebih kurang 3,550 penduduk.

Di Sungai Kob kita dapati bahawa ia memberi perkhidmatan kepada lebih kurang tujuh buah kampung dan dua taman perumahan yang meliputi lebih kurang 5,952 buah rumah di mana seramai 23,000 penduduk terdapat di situ.

Jadi kenaikan taraf kepada kedua-dua klinik itu adalah sangat-sangat mustahak dan saya rasa kita perlu mendapat kelulusan untuk meningkatkan perkhidmatan ini. Kita lihat untuk peruntukan tahun 2007, terdapat RM140 juta lebih untuk perkhidmatan kesihatan luar bandar dan dua projek ini tidak memerlukan peruntukan yang banyak sangat. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengambil perhatian tentang ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan peralatan iaitu *ultrasound* yang terdapat di Klinik Padang Serai. Kita dapati bahawa alat ini telah rosak dan telah banyak kali dibaiki dan masih rosak. Jadi, kita mohon supaya dapat dibekalkan satu unit yang baru dan juga di Klinik Merbau Pulas. Di sini masih tidak ada. Jadi saya memohon supaya peralatan ini dapat dibekalkan supaya klinik-klinik ini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di situ. Itu sahaja yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

6.23 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi maksud bekalan Pembangunan 42 ini saya akan menyentuh Butiran 010200 - Sumber Manusia, 010400 - Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Kompetensi dan juga Maksud Pembangunan Butiran 00105 - Latihan dalam Perkhidmatan yang saya bincangkan sekali.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kerajaan pernah menyuarakan betapa sukarnya untuk menambah bilangan doktor pakar di hospital kerajaan, kerana doktor perubatan yang ada tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran. Malah menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, setiap tahun kerajaan hanya dapat menghantar dua orang doktor sahaja untuk membuat pengkhususan dalam sesuatu bidang. Jadi, persoalan yang timbul sekarang ialah siapa sebenarnya yang perlu ke depan dalam memperkasakan profesion kedokteran, apatah lagi untuk meramaikan bilangan doktor pakar dalam negara ini.

Saya minta penjelasan lebih terperinci daripada Kementerian Kesihatan mengenai soal berkenaan. Yang menghairankan saya, tidak mungkin para doktor langsung tidak berminat untuk mempertingkatkan skil dan ilmu masing-masing bagi mendalami sesuatu bidang kedokteran. Namun apa yang diberitahu dan dimaklumkan kepada saya oleh doktor-doktor yang bertugas sekarang ini, doktor pakar di hospital kerajaan telah diberi layanan kelas dua, oleh pengurusan hospital kerajaan sendiri.

Saya difahamkan masih terdapat lebih 1,000 jawatan pegawai perubatan pakar pelbagai bidang yang masih belum diisi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Adakah angka ini benar dan bolehkah Kementerian Kesihatan menjelaskan mengapa berlaku kekurangan itu?

Tuan Pengerusi, sebelum Skim SSM diperkenalkan, kenaikan pangkat untuk jawatan pegawai perubatan pakar dalam Skim SSB adalah dari gred U3 ke gred U2. Gaji untuk pegawai perubatan pakar klinikal gred U2 untuk Skim SSB adalah dalam lingkungan RM5,012.81. Selepas mendapat hadiah dua kenaikan gaji dan bayaran insentif pakar apabila seseorang pegawai perubatan lulus ialah sarjana kepakaran dan diwartakan sebagai pakar.

Apabila dinaikkan pangkat ke gred U2 dalam SSB, salah seorang pegawai perubatan gred U2 akan mendapat imbuhan gaji dalam lingkungan RM6,988.51. Jadi kenaikan pangkat ke gred U2 ini akan dinikmati oleh pegawai perubatan pakar tersebut setelah dua hingga tiga tahun diwartakan sebagai pakar klinikal di gred U3. Ini merupakan pertambahan gaji sebanyak RM1,975.70. Satu jumlah yang agak berpatutan.

Tetapi lain pula halnya dalam SSM yang diperkenalkan pada penghujung tahun 2002, jawatan sebagai pegawai perubatan pakar klinikal gred U41 hanya

dinaikkan ke pegawai perubatan pakar gred U44. Sepatutnya jawatan setara yang perlu ditawarkan untuk kenaikan pangkat ke dalam SSM untuk pegawai perubatan pakar adalah gred U48 iaitu bersamaan gred U2 dalam skim SSB. Gaji yang dinikmati untuk jawatan pegawai perubatan pakar klinikal gred U41 adalah dalam lingkungan RM5,177.81 dan apabila dinaikkan pangkat ke gred U44 selepas diwartakan dan semestinya lulus pula peperiksaan PTK, gaji baru yang akan dinikmati hanyalah RM5,631.23 iaitu kenaikan sebanyak RM453.42 berbanding dengan RM1,975.70. Jadi gaji pegawai perubatan pakar U48 Skim SSM adalah bermula daripada RM7,303.51. Satu perbezaan yang amat ketara dalam Skim SSM yang diperkenalkan berbanding dengan Skim SSB.

Pada pendapat saya Tuan Pengerusi, jika seseorang hanyalah pegawai perubatan gred U41 yang tidak mempunyai kepakaran dan dinaikkan ke pangkat gred U44 itu merupakan satu rezeki. Tetapi yang saya tidak faham ialah kenapa kenaikan pangkat ke gred U44 ini diperkenalkan kepada pegawai perubatan yang mempunyai kepakaran klinikal? Kenapa pihak kementerian tidak mahu memperkenalkan kembali skim kenaikan pangkat ke gred kanan kepada pegawai perubatan seperti yang diamalkan sewaktu Jawatankuasa Kabinet 1976 yang memberikan kenaikan pangkat kepada semua pegawai perubatan yang telah berkhidmat selama lima tahun?

Jadi, gred U43 dan gred U44 boleh digunakan sebagai gred kanan. Manakala gred U47, U48 dan ke atas dan ke atas dijadikan gred kenaikan pangkat untuk pegawai perubatan pakar dan juga kepada pegawai perubatan yang cemerlang dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya saya berpendapat, Tuan Pengerusi, pihak kementerian sememangnya menggalakkan pegawai perubatan pakar rakyat Malaysia untuk berhijrah ke luar negara. Ini kerana mereka boleh mendapat khidmat pegawai perubatan pakar dari luar negara. Yang menarik di sini ialah untuk khidmat pakar dari luar negara, kementerian menawarkan gaji gred permulaan U48 sehingga gred 54 untuk pegawai perubatan pakar dari luar ini, yang sesetengahnya tidak diketahui asal usul ijazah kepakaran mereka.

Bukanlah pegawai perubatan pakar ini tidak mahu berkhidmat di hospital kerajaan tetapi sebenarnya doktor tempatan merasakan yang mereka ini dianaktirikan dan diberi layanan kelas kedua oleh Kementerian Kesihatan. Hospital-hospital kerajaan akan sentiasa dianggap sebagai hospital kelas kedua oleh rakyat Malaysia. Ini kerana kebanyakan penghijrahan pakar ini bukan pakar-pakar yang muda yang bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang pakar khusus atau subkepakaran.

Dengan itu, hospital kerajaan akan tinggal dengan pakar perunding yang akan bersara dan tidak ada kelebihan di bidang subkepakaran berbanding pegawai-pegawai pakar yang masih muda.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena gulung.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Akhirnya, jika pun mereka ini pergi melanjutkan pelajaran di bidang subkepakaran, berapa lama sangat mereka dapat berkhidmat? Ini kerana umur sudah lanjut. Selepas itu mereka pun bersara dan menyertai pihak swasta dengan subkepakarannya. Inilah fenomena yang kita alami sekarang di mana-mana hospital swasta, disanjung tinggi oleh rakyat walaupun terpaksa membayar kos rawatan yang tinggi dan hospital kerajaan sentiasa dipandang rendah.

Persoalannya dimanakah datangnya pakar yang berkhidmat di hospital swasta itu kalau tidak datang daripada sektor awam? Jadi, saya mohon penjelasan dari pihak kementerian mengenai perkara ini, mengapa perkara ini terjadi? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

6.31 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk Dewan yang mulia ini dalam peringkat jawatankuasa ke Butiran 020300 – Kawalan Penyakit dan di bahaskan bersama-sama dengan Butiran 051000 – *National Influenza Pandemic Preparedness Plan*.

Saya ingin bangkitkan isu ini kerana baru-baru ini dalam berita menyatakan bahawa seorang lagi manusia telah pun meninggal dunia. Jika tidak silap saya di Indonesia daripada selesema burung. Saya cukup kluatir dengan selesema burung ini. Walaupun dalam negara kita belum ada lagi kes yang menyatakan seorang manusia telah pun dijangkiti dan meninggal dunia tetapi saya rasa haruslah kita mengadakan langkah berjaga-jaga supaya ia tidak merebak dan di luar kawalan dalam negara kita.

Saya difahamkan bahawa vaksin ini memang vaksin yang telah pun dikeluarkan oleh negara-negara maju tetapi saya difahamkan vaksin ini jika wujudnya satu keadaan yang berleluasa, *pandemic* di seluruh dunia maka vaksin ini tidak mencukupi untuk keperluan oleh semua negara ini. Jadi, jika wujudnya keadaan sebegini maka saya boleh bayangkan bahawa negara-negara maju itu mereka akan simpan sahaja vaksin-vaksin itu dan mereka tidak akan menjual vaksin ini kepada negara kita, walaupun kita ada kewangan. Saya rasa mungkin pada suatu hari nanti jika ia di luar kawalan akan wujudnya keadaan mereka simpan sahaja vaksin untuk kegunaan, keperluan warga-warga mereka sahaja.

Saya ingin tanya pihak kementerian, apakah sebenarnya langkah-langkah dan sama ada kita mempunyai satu *arrangement*, dengan izin, dengan negara-negara maju ini yang mungkin mempunyai stok vaksin ini untuk selesema burung. Jika wujud, apa keperluan?

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk kepada Butiran 030400 – Rawatan Pesakit Dalam. Saya difahamkan ia adalah untuk menyediakan kemudahan dan juga perkhidmatan diagnosis. Tetapi baru-baru ini saya difahamkan di hospital Melaka wujud satu kes di mana mesin pengimej, iaitu *imaging machine* itu telah pun rosak dan difahamkan apabila saya berbincang dengan Pengarah, Hospital Melaka, difahamkan bahawa mesin itu sebenarnya telah pun rosak dan ia kurang di selenggara.

Apabila saya tanya pegawai-pegawai yang berkenaan apakah sebab tidak ada selenggaraan apabila mesin itu rosak. Dia kata syarikat yang mengendalikan selenggaraan itu tidak membayar pula kepada kontraktor sebelum itu. Jadi, ini telah pun menyebabkan kontraktor yang berkenaan itu tidak mahu menyelenggarakan mesin pengimej itu dan ini telah pun memaksa pihak berkuasa dalam Hospital Melaka menghantar pesakit-pesakit ke pusat perubatan swasta pula dan mereka membayar harga yang lebih mahal.

Jadi saya rasa dari segi ini telah menunjukkan satu kegagalan dari segi pentadbiran, yang mana saya difahamkan syarikat yang dapat konsesi ialah Syarikat Pantai, jika tidak silap saya yang mempunyai tanggungjawab untuk membuat selenggaraan ke atas mesin-mesin yang disimpan di hospital semua negeri di Malaysia. Konsesi ini merupakan satu tanggungjawab juga dan jika kita asyik menjaga penswastaaan tetapi kita telah pun mengabaikan kualiti dan juga perkhidmatan yang diberikan itu, saya rasa itu tidak wajar. Ini kerana yang menghadapi kesengsaraan itu adalah warga kita sendiri.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ingin saya rujuk kepada Butiran 031800 – Pembedahan Plastik. Saya ingin tanya pihak kementerian setakat manakah jika wujudnya statistik, berapakah kes sebenarnya dalam negara kita wujudnya golongan wanita yang menjalankan pembedahan plastik buah dada ini. Ini kerana semasa saya di Kanada, dalam bulan Oktober, saya difahamkan dalam surat khabar Kanada bahawa penggunaan material silikon ini sebenarnya akan mendatangkan risiko kepada badan kita. Sebenarnya ia boleh menyebabkan kanser.

Walaupun kadangkala kita asyik ingin menjaga reka bentuk susuk badan kita tetapi terlupa pula kita bahawa wujudnya material yang mungkin tidak sesuai, yang mungkin menjejaskan kesihatan pesakit ataupun seseorang itu. Jadi, saya ingin tanya setakat manakah penggunaan material itu, iaitu silikon itu dibenarkan di dalam negara kita? Sama ada pihak kementerian telah pun mengkaji sama ada betul-betul apa yang dikatakan oleh pendapat pakar di luar negara bahawa penggunaan material silikon itu adalah membahayakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

6.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 020000, 0202000 – Pembangunan Kesihatan Keluarga dan 020300 – Kawalan Penyakit. Tuan Pengerusi, peruntukan untuk kesihatan dalam perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan itu hampir RM10 bilion berbanding dengan jumlah peruntukan perbelanjaan kita tidak sampai 7%, lebih 6% peruntukan ini.

Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang baik kerana dia sendiri yang datang untuk mendengar teguran atau cadangan daripada Ahli Parlimen. Ini satu teladan yang baik. Timbalan pun ada datang. Ketiga-tiga pun datang, baik. [Ketawa] [Disampuk] Tidak, ada tiga orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cakaplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bahaslah, nanti tunjuk-tunjuk Menteri, Timbalan Menteri, masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak, ini mesti bagi galakan. Untuk pembangunan kesihatan keluarga memang suatu perkara yang penting dan peruntukannya RM882 juta. Tetapi di sini saya nampak bilangan kedatangan di klinik kesihatan, disebutkan hampir RM24.4 juta kedatangan dan sebagainya. Saya cadangkan kita hendak mementingkan *reproductive health* dan sebagainya, kita asingkan. Kita tahu macam mana kita memupuk *reproductive health*. Saya bersetuju bahawa tahap kesihatan untuk keluarga kita kalau berbanding dengan banyak negara lain kita lebih maju walaupun ada kelemahan-kelemahan sedikit.

Dan di sini saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kalau dari segi *reproductive health* ini apakah peruntukannya. Dan di sini disebutkan peratus ibu yang menerima *prenatal* atau *antenatal care* memang 75% untuk tahun depan dan sebagainya. Di sini saya hendak tahu yang bakinya. Adakah ini bermakna 25% yang menerima *prenatal* atau *antenatal care* daripada pihak swasta di negara ini. Kita mesti tahu angka yang sebenarnya.

Saya kadangkala nampak di klinik-klinik terutamanya di kawasan pedalaman yang memberi rawatan atau yang melayan ibu yang datang dan sebagainya. Kelayakan mereka kadangkala jururawat sahaja dan doktor tidak ada. Kalau ada pun doktor daripada luar negara di kawasan-kawasan pedalaman dan sebagainya. Dan saya hendak tahu setakat mana pihak kementerian dapat mengawal mutu perkhidmatan yang diberi kepada pesakit termasuk ibu yang mengandungi di klinik-klinik desa dan sebagainya.

Seterusnya bilangan kedatangan untuk perancangan keluarga. Saya nampak tidak berubah. 1.5 juta orang sahaja. Apakah angka ini tiap-tiap tahun tidak berubah. Perancang keluarga memang penting kerana kita hendak meningkatkan kualiti keluarga di Malaysia ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan mengapa bilangan kedatangan untuk perancang keluarga itu tidak berubah bertahun-tahun.

Seterusnya mengenai kawalan penyakit. Kawalan penyakit peruntukan ada RM268 juta atau RM269 juta dan di sini saya nampak kawalan penyakit HIV. Kes HIV dikesan di klinik kesihatan dianggarkan 8,000 tahun ini dan tahun lepas 7,761. Saya tidak percaya ini satu angka yang sebenarnya. Bukan dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah kedudukan HIV/AIDS di negara ini? Walaupun tidak begitu serius berbanding dengan misalnya Thailand tapi saya bimbang dan apakah kedudukan bagi setiap orang mendapat langkah ataupun mendapat kaunseling *prevention* untuk mencegah HIV dan AIDS di negara ini?

Apabila seseorang menghadapi kemungkinan menghidap AIDS, adakah dia dapat akses kepada kemudahan dengan mudah dan apakah kemudahan sekarang? Kecuali di HKL, seluruh negara dan apakah kepakaran untuk memberi kaunseling kepada orang-orang awam mengenai AIDS dan HIV? Saya nampak ada usaha untuk menyebarkan maklumat dan sebagainya tapi bagi saya, tidak mencukupi. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada kita peratusan penduduk di Malaysia ini dapat maklumat mengenai AIDS dan HIV dan bagi orang yang menghidap AIDS atau yang membawa HIV? Apakah akses kepada kemudahan di negara kita? Bagi ibu yang menghidap AIDS dan HIV tidak kiralah puncanya, apakah sekarang langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memberi rawatan dan perkhidmatan kepada mereka?

Dan bagi setiap orang yang menghidap penyakit AIDS, apakah kos untuk mendapat ubat bagi rawatannya setiap bulan dan sebagainya? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Rasah.

6.45 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Tuan Pengerusi, terima kasih izinkan saya turut membahaskan isu kesihatan Butiran 020300-Kawalan Penyakit. Saya telah terima aduan-aduan dan saya sendiri juga telah nampak banyak kegiatan penternakan ayam secara besar-besaran di kawasan luar bandar khususnya di kawasan Rantau, Linggi, Kempas dan Pasir Panjang di Negeri Sembilan. Kebanyakan penternakan ini adalah tidak mengikut peraturan.

Syarikat-syarikat penternakan ini mahu kurangkan kos mereka, mahu untung dengan lebih cepat. Kegiatan dengan cara yang tidak betul ini telah menimbulkan masalah kesihatan kepada penduduk-penduduk setempat yang berhampiran. Lalat-lalat yang banyak di kawasan penternakan itu ada yang terbang ke kawasan kediaman berhampiran dan ini telah mengancam kesihatan orang ramai. Penduduk-penduduk mahu masak dan mahu makan pun susah dengan lalat-lalat yang terbang ke meja makanan dan merata-rata tempat.

Oleh itu, saya berharap Kementerian Kesihatan dapat ambil berat ke atas kegiatan menternak ayam secara besar-besaran di kawasan luar bandar ini kerana kegiatan ini didapati adalah semakin serius. Mereka perlu diberi nasihat supaya menternak di kawasan yang lebih sesuai. Agensi kerajaan tempatan tidak dapat buat apa-apa tindakan kerana penternakan ini adalah di luar majlis perbandaran. Oleh kerana lalat-lalat ini memang membawa macam-macam wabak boleh jadi macam-macam penyakit. Jadi saya haraplah isu kesihatan ini perlu diambil tindakan seberapa segera. Saya cuma ada satu perkara sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

6.48 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya Sabak Bernam ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana berani meneruskan kempen anti rokok melalui iklan TV yang menegaskan tentang larangan menghisap rokok dan dendaan ataupun hukuman di tempat-tempat tertentu. Jadi kita berharap supaya kempen ini dipastikan pelaksanaannya kerana kalau tidak anak-anak muda kita menganggap ini sebagai satu mainan kalau tidak ada penguatkuasaan. Perkara yang kedua.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Apa yang hendak dijelaskan lagi?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tak Nak, Tak Nak.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sokong.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tak Nak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya memang sokong cadangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam itu mengenai larangan menghisap rokok. Tetapi sebagai penggubal undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini kebanyakan perokok-perokok tidak peduli kepada kempen ini, bahkan mereka menghisap rokok di kafeteria. Apa cadangan yang baik supaya boleh dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam supaya penggubal undang-undang ini mematuhi kempen ini dan menjadi satu teladan yang baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih. Kenyataan itu ditujukan kepada orang-orang yang menghisap rokok. Jadi saya minta pertimbangan supaya kurangkan menghisap rokok.

Perkara yang kedua ialah Selangor telah mendapat satu pengalaman yang baik dari segi penggunaan *methadone* sebagai alternatif *drug* kepada penagih-penagih. Jadi kita menyarankan supaya *methadone* dapat dimanfaatkan dengan seberapa banyak dan saya menyokong Yang Berhormat bagi Kepong tadi yang menyatakan pada tahun ini hanya 8,000 dan pada tahun 2007 disasarkan 9,000 orang penagih dadah dengan HIV untuk terlibat dalam program ini.

Kita menyarankan supaya diperbanyakkan lagi. Seterusnya kita ingin mendapat data yang sebenarnya berkaitan dengan - saya kembali tadi minta maaf - tentang penghisap rokok ini. Berapa sebenarnya pengurangan ataupun pertambahan penghisap-penghisap rokok di kalangan rakyat kita sebagai tanda keberkesanan program itu?

Perkara yang ketiga dan yang terakhir ialah Yang Berhormat bagi Sabak Bernam memohon supaya kementerian memberikan perhatian terhadap lebih 10 orang doktor telah dicadangkan bagi Hospital Sabak Bernam tetapi sebenarnya ada 12 orang itu menolak. Jadi kesan daripada itu, maka Sabak Bernam kekurangan doktor dan selain itu Sabak Bernam juga memohon supaya doktor perubatan dan doktor O&G diadakan di Sabak Bernam kerana ramai di antara rakyatnya apabila dihantar ke hospital itu terpaksa pula kerana keperluannya dihantar ke Klang iaitu kira-kira 110 kilometer dari situ. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Baram.

6.51 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Butiran 00201 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar bandar. Di kawasan Baram mempunyai 20 buah klinik-klinik desa yang bertabur di seluruh kawasan Baram. Kebanyakan klinik-klinik ini dibina dengan bahan-bahan kayu dan kebanyakan juga sudah usang dan perlu diperbaiki. Jadi saya minta supaya kementerian menaik taraf klinik-klinik yang sudah usang ini dan membuat kajian setakat manakah bangunan-bangunan ini boleh diperbaiki.

Yang keduanya yang saya ingin sentuh dari sudut ini ialah dari kajian yang saya buat di Baram, walaupun kita mempunyai 20 buah klinik yang sudah ada, saya nampak kita perlu membina tiga lagi klinik di pedalaman kawasan Baram ini. Oleh kerana kawasan ini terlalu jauh dari klinik-klinik yang sedia ada. Satu ialah di Kampung Long Pana di kawasan Ulu Tinjar di mana ada lapan buah kampung di sana termasuk enam buah kampung suku kaum Penan. Begitu juga satu yang saya cadangkan supaya dibina di Kampung Long Anap di Ulu Baram juga dan satu lagi di Long Jikitan kawasan Penan di Ulu Silat.

Pada minggu yang lalu, saya membuat satu lawatan ke sana walaupun bangunan klinik di sana telah dibina oleh pihak syarikat kayu balak tetapi klinik tersebut belum beroperasi. Saya ingin tahu, bilakah klinik di Kampung Ulu Jikitan itu boleh beroperasi supaya penduduk-penduduk Penan di sana boleh menerima khidmat kesihatan di kawasan tersebut?

Yang ketiga ialah klinik kesihatan di Long Lama. Ini sudah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dahulu tetapi setakat ini dan sampai sekarang klinik ini belum lagi nampak dibina. Saya ingin tahu bilakah klinik kesihatan Long Lama ini akan dibina? Saya nampak bahawa tapak klinik ini sudah dibeli oleh kementerian tetapi setakat ini tapak tersebut belum disediakan dan ada masalah sedikit dari segi keputusan di mana klinik ini akan ditempatkan di Long Lama. Saya ingin jawapan dari kementerian supaya saya boleh beritahu kepada penduduk di kawasan Long Lama apakah keputusan kementerian dari segi pembinaan klinik di Long Lama ini.

Saya juga ingin sentuh Butiran 010300 iaitu berkenaan dengan B.42. Apabila membuat lawatan di Baram, pegawai-pegawai perubatan yang ada di Baram itu membuat lawatan ke kawasan klinik-klinik yang jauh di Ulu Baram ataupun di kampung-kampung yang di kawasan tersebutlah. Jadi apabila kita minta mereka melawat, mereka mengatakan bahawa mereka tidak ada cukup peruntukan dari segi untuk membayar pengangkutan mereka ataupun dari segi tuntutan elaun apabila mereka berjalan ke kawasan tersebut kerana setiap perjalanan itu memakan masa mungkin dua hingga tiga hari.

Jadi ini memakan perbelanjaan yang besar. Mungkin mereka mempunyai kekurangan peruntukan. Saya minta bolehkah kementerian mengkaji masalah ini supaya pegawai-pegawai yang bertugas di kawasan Baram yang luas seperti ini boleh diberi peruntukan yang lebih supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan berkesan. Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan.

6.56 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010000 - Pengurusan dan Butiran 030200 - Pengurusan Hospital. Sekiranya Yang Berhormat Menteri pergi ke Hospital Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah dah Hospital Besar di Pulau Pinang, Yang Berhormat boleh nampak bahawa di koridor-koridor atau lorong-lorong bangunan hospital, semua diletaknya dengan katil-katil pesakit. Pesakit-pesakit memang padat di bangunan-bangunan hospital itu.

Ini mengakibatkan pesakit-pesakit yang belum sembuh pun diarah supaya balik ke rumah masing-masing untuk menerima rawatan mereka dan keluarga pesakit-pesakit selalu datang untuk berjumpa dengan wakil rakyat supaya merayu kepada pihak hospital supaya pesakit-pesakit boleh tinggal di hospital kerana dengan alasan bahawa pesakit masih lemah dan masih belum sembuh.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah penyelesaian kepada perkara ini? Butiran 020500 - Kawalan Mutu Makanan. Dalam surat khabar Cina selalu kita boleh membaca bahawa bahan-bahan makanan dari negara China dilarang masuk ke Hong Kong dan ke Taiwan seperti telur itik masin. Telur itik masin dari China dilarang masuk ke Hong Kong kerana *yolk* dengan izin, telur itik supaya menjadi merah kerana itik-itik diberi makanan kimia supaya *yolk* jadi merah-merah.

Hong Kong telah melarang import telur itik masin dari negara China dan juga sejenis ketam musim bahasa Mandarin kata, [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] diberi antibiotik. Ketam-ketam yang besar itu ada musim dan bukan ada sepanjang tahun. Taiwan dan Hong Kong pun telah melarang pengimportan ketam besar bermusim ini ke negara mereka masing-masing kerana ketam ini diberi antibiotik oleh penternak-penternak.

Dua hari lalu saya ada baca dalam surat khabar taufu kering iaitu satu jenis taufu kering yang bukan tulen tetapi tiruan dan mengandungi bahan-bahan kimia juga. Dan beberapa bulan dahulu, 'tausi' ikan iaitu ikan yang dalam tin juga mengandungi bahan kimia. Tetapi semua ini kami hanya boleh baca dalam surat khabar tetapi kita tidak dengar bahawa kerajaan kita pernah menjumpai bahan-bahan kimia ini dalam makanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat habiskan ucapan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dua minit sahaja. Ini menunjukkan kerajaan kita mungkin mundur, mungkin tidak sedar dan mungkin tidak ada peralatan-peralatan untuk mengesan bahan-bahan kimia yang ada dalam makanan dan juga daging babi tempatan mengandungi beta-agonist. Saya merayu kepada kerajaan supaya berwaspada terhadap makanan-makanan ini supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan. Oleh sebab itulah kita ada banyak kes pesakit-pesakit.

Yang terakhir sekali ialah radioterapi. Mengapa sampai sekarang Hospital Pulau Pinang belum ada lagi rawatan radioterapi? Radioterapi hanya terdapat di Hospital Kuala Lumpur dan Kuching. Pesakit-pesakit dari utara terus pergi ke Mount Miriam Hospital dan Mount Miriam Hospital adalah satu hospital swasta yang ada *service* ini tetapi cajnya agak tinggi. Sekian sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tiga minit boleh habis? Sambung esoklah Yang Berhormat. Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguh sehingga jam 10.00 pagi, 29 November 2006, Rabu esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.